

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 38	Khamis	29 Jun 2006
----------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan) 2006	(Halaman 31)
Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006	(Halaman 95)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 104)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Ketelusan Pemberian Biasiswa JPA - <i>Y.B. Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah)</i>	(Halaman 104)
Gangguan Bekalan Elektrik dan Kekurangan Bekalan Air di Sandakan - <i>Y.B. Tuan Chong Hon Min (Sandakan)</i>	(Halaman 110)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 29 Jun 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Penerangan menyatakan mengenai cadangan memberi penerangan yang jelas dan berkesan terhadap apa jua keputusan Kerajaan khususnya di dalam isu kenaikan harga minyak agar keraguan rakyat berkaitan isu-isu tersebut dapat dihapuskan.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sememangnya memainkan peranan dan bertanggungjawab menyampaikan dan memberikan penerangan sejelas-jelasnya mengenai dasar-dasar negara dan keputusan penting kerajaan kepada rakyat. Penerangan dan penjelasan ini bukan sahaja disalurkan melalui siaran berita di radio dan TV tetapi turut memaparkan pelbagai laporan sesuatu dasar atau isu berbangkit dari pelbagai sudut dan perspektif termasuk yang dilakukan secara intensif dan berulang atau yang diserapkan melalui lagu kempen, drama dan sketsa, pendekatan yang sama turut dilaksanakan semasa pengumuman kenaikan harga minyak baru-baru ini.

Kementerian Penerangan memang melihat isu kenaikan harga minyak sebagai penting dan telah menyiarkan berita mengenainya melalui pelbagai bahasa di radio dan TV serta turut mengundang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dalam rancangan wawancara khas di RTM1 pada 1 Mac 2006 yang disiarkan secara langsung melalui semua rangkaian radio RTM dan lain-lain stesen. Selain beliau, RTM turut mengundang Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memberikan penjelasan yang sama.

Penjelasan ini dan nasihat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah disiarkan berulang kali melalui radio dan TV RTM selama beberapa hari selepas itu di samping menjadi bahan percakapan juruhebah radio. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada RTM, penyampaian maklumat juga dibuat secara bersemuka melalui pegawai-pegawai penerangan di lapangan.

Semua pegawai diberikan latihan secara berterusan mengenai teknik-teknik penyampaian maklumat dan taklimat dari semasa ke semasa mengenai perkembangan isu-isu semasa di peringkat nasional dan tempatan. Semasa isu kenaikan harga minyak yang berlaku baru-baru ini, Jabatan Penerangan dengan kerjasama lain-lain agensi di bawah Kementerian

Penerangan telah memberi inisiatif untuk mengadakan taklimat menyeluruh kepada semua pegawai-pegawai yang terlibat di lapangan termasuk yang berkhidmat dengan media massa mengenai isu tersebut.

Ini termasuklah memberikan taklimat kepada golongan penyampai radio dan televisyen, wartawan dan penceramah-penceramah. Penjelasan menerusi komunikasi bersemuka di sokong dengan bahan-bahan bercetak untuk memperjelaskan lagi isu-isu semasa terutama mengenai kenaikan harga minyak. Buku-buku seperti Ubah Gaya Hidup, Melayu Perlu Berubah dan RMK9 adalah antara produk-produk terbaru yang diterbitkan. Bahan-bahan ini diedarkan ke seluruh negara dan menjadi rujukan utama para pegawai di lapangan.

Di kawasan-kawasan pedalaman pula, Jabatan Penerangan menggunakan teknik penyampaian yang agak berbeza iaitu melalui bentuk persembahan pentas seperti sketsa, nyanyian dan lawak jenaka yang lebih dikenali dengan nama Pentarama. Penyampaian begini adalah lebih ringan dan bersahaja sesuai dengan masyarakat setempat. Bahkan pada awal tahun ini, Jabatan Penerangan telah memperkenalkan sebuah pentas bergerak, Mini Pentarama yang dapat memasuki kawasan-kawasan yang sukar dilawati sebelum ini bagi memastikan penyebaran luas mengenai dasar dan isu tertentu kepada masyarakat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Timbalan Menteri. Pihak kementerian sudah semestinya memainkan peranan yang lebih proaktif, lebih kreatif dan berkesan dalam memberi penerangan dan penjelasan kepada rakyat terutamanya orang kampung atau pun luar bandar melalui majlis-majlis penerangan atau pun media-media massa. Kerana kita dapati bahawa sistem penyiaran swasta yang hanya dipunyai oleh satu syarikat mungkin tidak memainkan peranan utama dalam menjalankan majlis-majlis penerangan. Dan saya ucapkan syabas kepada pihak kementerian kerana memberikan penerangan serta kursus kepada pegawai-pegawai penerangan di lapangan.

Jadi soalan saya, adakah masyarakat kita betul-betul faham akan isu-isu yang berlaku sekarang kerana penerangan yang mungkin kurang jelas boleh menyebabkan rakyat lebih keliru. Itu soalan saya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan mengambil segala usaha untuk memastikan keberkesanan di akar umbi dan selain daripada taklimat diberi, memang adakan sesi-sesi dialog di mana soalan boleh ditanya oleh para hadirin atau pun daripada pemimpin-pemimpin tempatan. Dan kita juga berharap bahawa bukan sahaja peranan ini dimainkan oleh Kementerian Penerangan, termasuk kita perlu penglibatan stesen-stesen swasta dan memang kita pun memerlukan kerjasama dan sokongan daripada wakil-wakil rakyat sama ada ADUN, Ahli Dewan Undangan Negeri atau pun ahli Parlimen supaya bersama-sama kita menangani isu-isu ini.

Dan diharapkan buku-buku dan risalah-risalah yang diedarkan itu dapat menjadi satu bahan rujukan. Kalau mereka tidak memahami, boleh merujuk kepada maklumat yang telah diberi.

Akhirnya, memang perlu mengadakan sesi atau taklimat lagi, kita boleh mengulang sesi atau taklimat yang berkaitan. Sekian, terima kasih. .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, saya panggil Bera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua panggil Bera ya? Pasal mata Tuan Yang di-Pertua itu menghadap saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi saya pandang jauh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya dapat giliran soalan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Yang Berhormat ada soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasihlah *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada soalan yang ke 13, nanti tunggu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kasilah saya, soalan yang ke 13 tidak sempat Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan penting Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, kita memang akui bahawa di media elektronik, televisyen dan sebagainya banyak penerangan dibuat terutamanya di dalam waktu berita dan sebagainya. Tetapi mungkin kita tidak sedar bahawa waktu berita itulah ramai orang-orang kampung berada di masjid-masjid untuk bersembahyang Maghrib, Isyak dan sebagainya. Jadi kadang-kadang tidak sampai mesej kepada mereka.

Risalah-risalah, kita tahu pihak kementerian juga menyebarkan risalah tetapi kita tahu bahawa kita masih belum mempunyai budaya membaca di kalangan rakyat kita. Walau pun ada surat khabar, walau pun ada risalah tetapi tidak ramai yang membaca. Yang penting adalah majlis penerangan dan yang sepatutnya memberikan penerangan adalah Pegawai-pegawai Penerangan seperti JASA dan sebagainya.

Saya ingin bertanya, apakah pegawai-pegawai JASA, apabila timbul sesuatu isu misalnya isu pembatalan jambatan dari Johor Bahru ke Singapura. Apabila ada pembatalan, adakah seluruh pegawai-pegawai JASA dipanggil dan diberikan taklimat dan diberikan bahan-bahan supaya mereka mampu untuk turun ke bawah dan mengadakan majlis penerangan dan saya hendak tahu, apakah tindakan-tindakan pegawai-pegawai JASA selepas mendapat isu-isu ini. Sebab kita tahu, kadang-kadang mereka sendiri tidak mampu untuk memberi penjelasan. Mereka sendiri kadang-kadang keliru dengan apa isu yang timbul. Bagaimana mereka hendak

memberi penjelasan kalau mereka sendiri tidak faham dan keliru dengan isu yang timbul di dalam negara kita.

Saya hendak tanya, bagaimana cara pihak kementerian untuk membekalkan maklumat kepada pegawai-pegawai JASA dan adakah pihak kementerian memantau Pegawai-pegawai JASA ini dari segi memberikan penerangan mengenai isu-isu yang timbul di dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Penerangan melalui Jabatan Penerangan ataupun JASA memang memberi latihan ataupun taklimat khas kepada semua pegawai dan juga sama ada Pembantu Penerangan ataupun Pembantu JASA untuk memberi maklumat dan juga menerangkan dengan lebih teliti mengenai isu-isu kita hadapi.

Sebagai contoh, pada tahun ini kita telah, boleh dikatakan telah melatih secara butiran, kepada lebih daripada 200 Pegawai Penerangan dan Pembantu Penerangan supaya dapat turun padang untuk memberi latihan lagi kepada pembantu-pembantu yang lain dan juga untuk memberi taklimat dan latihan kepada pemimpin-pemimpin tempatan. Tahun lalu, lebih daripada 500 telah diberi latihan dan sebagainya.

Baru-baru ini pada 19 Jun, kita telah memanggil semua Pegawai Penerangan dan Pembantu Penerangan dan juga JASA untuk mengadakan satu taklimat khas mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan yang diberikan oleh Ketua Pengarah sendiri dan juga mengadakan taklimat mengenai kenaikan tarif elektrik dan sebagainya. Memang apabila ada apa-apa jua isu-isu yang berkenaan, kita memang memanggil mereka dan selepas memberi taklimat, mereka akan turun padang dan ke akar umbi dan bertemu dengan pemimpin tempatan dan juga segala pertubuhan untuk menerangkan isu.

Kita memang perlu maklum balas berkenaan tugas yang dijalankan. Kalau tidak cukup, kita akan menambah segala usaha. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mas. Yang Berhormat, cukuplah sebab nanti soalan 13 tidak dapat keluar, tidak dapat sampai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa sebab Yang Berhormat, saya bagi dua supaya soalan No. 13 dapat diberi peluang.

2. Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kementerian bercadang membina *Restroom & Restaurant* (R&R) di sepanjang lebuh raya di Sarawak dan Sabah.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan negeri Sabah dan Sarawak telah dibina bermula dari Miri di Sarawak ke Sindumin di Sabah dan panjang jalan tersebut ialah 152.5 kilometer.

Memandangkan komponen-komponen jalan tersebut sudah hampir selesai, kementerian memang bercadang untuk membina *rest and service area* dengan izin dengan kemudahan-kemudahan seperti apa yang sedia ada di Semenanjung di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo. Di samping menyediakan kemudahan R&R, kementerian saya secara tidak langsung akan membantu mempromosikan pelancongan di kedua-dua negeri iaitu Sabah dan Sarawak di hampir jalan-jalan yang dibina oleh kementerian saya. Terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak dan juga di Sabah tidak terdapat kemudahan R&R ini. Kalau Yang Berhormat Menteri kata dari Miri tetapi kita di Sarawak boleh gunakan *highway* ini daripada Kuching sehingga Limbang dan Lawas, itu di Sarawak sepanjang lebih 1,000 kilometer dan juga terus ke Sabah.

Disebabkan kemudahan ini tiada, saya baru-baru ini menggunakan jalan. Kita kasihan dengan pengguna-pengguna jalan wanita kerana di sepanjang ini tidak terdapat kemudahan seperti mana yang saya telah katakan tadi dan pekan-pekan yang di sepanjang jalan ini terletak jauh daripada *highway* dan oleh sebab itu kita di Sarawak memerlukan kemudahan R&R ini.

Soalan saya, bila dijangka pelaksanaan kemudahan seperti ini ataupun R&R ini di Sarawak dan juga Sabah di sepanjang *highway*. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengarahkan Jabatan Kerja Raya di negeri itu untuk mengenal pasti dua atau tiga kawasan untuk mengambil kira sebagai projek pertama di negeri-negeri itu. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri Kerja Raya. Tadi Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menyebut bahawa R&R ini akan dibina di Sabah dan Sarawak sebagaimana yang telah dilakukan di Semenanjung. Tetapi apa yang saya lihat, dalam perjalanan saya daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu, saya dapati bahawa di sana terlalu..., boleh dikatakan tidak ada. Kalau ada pun yang dibina oleh rakyat. Barangkali kalau ada, daripada sini ke Bentong kemudian daripada Bentong terus ke Kota Bharu itu hanya ada satu sahaja ataupun dua. Apakah usaha-usaha ini akan ditingkatkan oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja selesai pembinaan jalan daripada Karak ke Kuantan di mana ada dua kawasan Rehat dan Rawat dan pembinaan jalan peringkat kedua sudah dimulakan daripada Kuantan ke Kuala Terengganu. Apabila selesai pembinaan jalan dari Kuantan ke Kuala Terengganu, kita akan menyambung ke negeri Kelantan, jalan-jalan yang sedia ada kita akan menyambung dengan negeri Kelantan. Dan pada masa itu kita boleh juga akan menghadapi beberapa banyak kawasan-kawasan seperti apa yang diminta oleh Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan, peraturan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Surat pemberitahuan kepada saya bahawa soalan saya hari ini nombor 11 tetapi hari ini diletakkan kepada nombor 22. Kalau tidak boleh diguna pakai, jangan hantar pemberitahu kepada kita, membuang masa. Ada berniakakah dalam soalan-soalan sebegini? Daripada soalan nombor 11 pergi ke soalan nombor 22. Ada urus niagakah dilaksanakan dalam hal ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Akan saya semak dan maklumkan kepada Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan Mesyuarat. Mengenai lebuhraya di Sarawak dan Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat yang mana satu?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu hak-hak Ahli Parlimen supaya tidak dipesongkan... supaya tidak dipesongkan dalam Dewan ini kerana

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Peraturan Mesyuarat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: 36(12). Supaya Dewan tidak dipesongkan kerana menurut menteri beberapa bulan dahulu di Sarawak dia kata Sarawak tidak ada lebuhraya hanya jalan raya, tidak ada *highway*. *There is no highway in Sarawak*.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kenapa hari ini ada tiba-tiba ada lebuhraya? Di Sarawak tidak ada lebuhraya. Itu adalah perkataan menteri.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, 36 (12) tidak ada dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada pindaanlah.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]: Pindaan saya belum dapat.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini diluluskan tanpa perbahasan itulah sebabnya tidak tahu.

[Dewan riuh]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat satu penjelasan supaya rakyat tidak dipesongkan sama ada Sarawak ada lebuhraya.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi pun satu, *service* kepada Barisan Nasional tetapi *disservice* kepada Parlimen, mana boleh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada *highway* di Sarawak ka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri ada hendak tambahkah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tolong bagi yang baru itu kepada mereka.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kasi dia orang cakap dululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis? Hendak cakap lagi?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sudah selesaikah? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, beberapa bahagian bertaraf lebuh raya sudah diselesaikan tetapi belum disambung dengan kawasan-kawasan yang belum dibina lagi. Apabila itu sudah selesai barulah kita namakan itu sebagai Lebuh Raya *Pan Borneo*. Sekarang ada juga beberapa bahagian dengan dua lorong bertaraf yang tinggi sudah diselesaikan. Yang Berhormat tidak tahu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Belum disambung, belum disambung. Apa gunanya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat tidak pergi ke mana-mana kawasan, hanya duduk satu tempat sahaja mana *you* tahu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dari Kuching ke Miri kita ada satu lebuhraya

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya cakap, duduklah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Memesongkan Dewan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: *You* pernah *point of order* *you* mesti tahu *point of order*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini *point of order*.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya menjawab *you* tidak boleh bangun. Saya tidak benarkan awak bangun. Duduk, duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini bukan MIC tau, ini bukan *convention* MIC.

[Dewan riuh]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya tahu undang-undang lebih daripada awak. Sebelum *you* lahir saya sudah ada di Parlimen.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini bukan MIC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini pun bukan DAP lah Yang Berhormat. Pun bukan DAP. Yang Berhormat, sudah cukup, sudah cukup. Tak payah cakap lagi. Cukup, cukup. Yang Berhormat bagi Indera Mahkota.

[Dewan masih riuh dan kecoh dengan sampukan Ahli-ahli Pembangkang]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini pun bukan DAP lah.

3. **Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan jadual pelaksanaan projek satelit kebangsaan "RazakSAT" dan apakah mekanisme Kementerian untuk menyemarakkan pembangunan industri aeroangkasa yang masih di peringkat "Kajian IPT" di negara ini berbanding negara lain yang telah mencapai tahap penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kesempatan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Indera Mahkota kerana soalan yang dikemukakan tentang

pembangunan industri aeroangkasa. Saya sungguh yakin bahawa seluruh Ahli Dewan yang mulia ini juga mahu mendengar sedikit sebanyak tentang perkembangan pembangunan industri aeroangkasa negara.

Bidang ini amat penting sekali kerana ia mempunyai implikasi yang besar. Kesan yang besar dalam bidang strategi ekonomi dan keselamatan negara. Kita sudah dapat lihat banyak negara-negara lain seperti Rusia dan Amerika Syarikat bersaing amat sengit dahulu. Selepas itu muncul pula negara-negara China dan India dan kemudian Korea dan Iran, semuanya berkejar untuk memajukan industri aeroangkasa di negara masing-masing. Kesan dan ekonomi keselamatan ini sudah semestinya kita lihat sekarang ini bila banyak punca-punca pembangunan ekonomi dan keselamatan banyak bergantung kepada hubungan *cyber* atau dengan penggunaan satelit.

Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal kita memulakan kapasiti keupayaan pembangunan negara kita dengan membangunkan Satelit TiungSAT di mana kita telah bekerjasama dengan Universiti Oxford dan universiti tempatan adalah melalui Universiti Kebangsaan Malaysia. Selepas itu, sekarang ini kerajaan melalui pusat angkasa kita dan juga syarikat kita sendiri Astronautic Technology (M) Sdn Bhd sedang memulakan satu rancangan membangunkan satu lagi satelit yang kedua.

Insya-Allah kita akan lancarkan tidak lama lagi. Kerjasama ini kita bangunkan melalui syarikat kita sendiri iaitu ATSB dengan satu universiti di Korea. Insya-Allah tidak lama lagi akan kita lancarkan di peringkat hujung tahun ini dan kita akan menggunakan pelancar daripada Amerika yang diberi nama SpaceX dan antara usaha-usaha yang kita gunakan dalam pelancaran satelit ini ialah isu-isu dalam pembangunan infrastruktur dari segi penyiaran jauh ataupun *global positioning* dari segi komunikasi dan lain-lain lagi. Kita kalau diusulkan oleh Parlimen mana-mana yang melanggar disiplin kita boleh hantar mereka ke angkasa lepas. *[Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri juga. Saya juga ingin tahu apakah kedudukan terkini angkasawan kita yang menjalani latihan di Rusia dan berapakah jumlah perbelanjaan untuk menghantar angkasawan kita ke angkasa? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Kita melancarkan program ini sudah lebih setahun dahulu di mana lebih kurang 1,000 orang telah menawarkan diri. Dan peringkat penapisan telah dibuat sehingga sampai empat orang kita pilih atau di senarai pendekkan. Baru-baru ini kita hantar ke Rusia untuk melalui satu lagi proses pemilihan yang amat ketat sekali dan *insya-Allah* tidak lama lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menamakan dua calon angkasawan kita dan perbelanjaan ini tidak menggunakan perbelanjaan kita. Ia adalah melalui program *offset* melalui pembelian kapal terbang Sukhoi daripada Rusia. Ini bermakna kita tidak menggunakan wang daripada perbendaharaan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Yang Berhormat dalam *scientific research* dan juga benda-benda yang berkaitan dengan *scientific*. Di sini ingin saya menambah soalan saya iaitu mengenai sejauh manakah keseriusan daripada pihak Kementerian Yang Berhormat dalam R&D terutama sekali seperti IRFA kepada universiti-universiti tempatan untuk menjalankan kajian saintifik mereka dan berapakah yang telah diperuntukkan untuk tahun ini ataupun tahun-tahun yang akan datang, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian mengalu-alukan juga peranan Yang Berhormat dahulu semasa di Kementerian Pendidikan kerana dalam kita hendak membina kapasiti tempatan amat penting sekali kita didik kesedarannya daripada peringkat sekolah lagi dan juga pendidikan awal itu penumpuan dibuat juga di peringkat sekolah. Sebagai contoh sekarang ini di antara perbualan anak-anak kita melalui *text message* ataupun *internet* topik yang kedua yang hangat diperbincangkan ialah isu bagaimana kita boleh menerokai bidang angkasa lepas ataupun dengan peranan-peranan *astronaut* kita nanti bila pergi ke angkasa lepas.

Dari segi, R&D kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, memperuntukkan RM1.8 bilion untuk usaha R&D di Negara kita dan kita sedang berbincang dengan Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed Menteriinya, bagaimana kita boleh mengguna R&D ini bagi tumpuan sektor yang terpenting dan strategik untuk Negara. Kerana usaha membina R&D ini amat meluas sekali dan mana-mana negara pun tidak mempunyai keupayaan yang mencukupi. Namun demikian apa jua yang kita dapat diperuntukkan, perlu kita tumpukan kepada sektor-sektor yang ada kesan penting kepada ekonomi Negara dan juga kesan penting kepada strategik keselamatan Negara.

4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan kawasan Perdagangan Antarabangsa Bebas Pelbagai Hala dan Dua Hala di Malaysia termasuk perbincangan FTA dengan Amerika Syarikat. Apakah pro dan kontra FTA dan langkah-langkah untuk memelihara kepentingan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor yang perlu dijawab pada 3 Julai dan Yang Berhormat dari Kapit yang perlu dijawab pada 6 Julai kerana ketiga-tiga soalan ini berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk ucapan menggulung ke atas perbahasan Rancangan Malaysia Kesembilan pada 24 April di Persidangan Dewan Rakyat ini, Yang Berhormat Menteri telah dengan panjang lebar memberi penerangan mengenai tujuan skop dan elemen-elemen yang dirundingkan dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, liberalisasi perdagangan yang dipelopori oleh Malaysia adalah melalui tiga peringkat rundingan, iaitu:-

- (i) di peringkat pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO);
- (ii) di peringkat serantau melalui ASEAN; dan
- (iii) secara dua hala.

Di peringkat dua hala, Malaysia telah pun menandatangani Perjanjian Perkongsian Ekonomi dengan Jepun pada 13 Disember 2005. Malaysia juga terlibat dalam rundingan FTA dengan Australia, Pakistan, New Zealand dan Amerika Syarikat. Di peringkat serantau ASEAN, Malaysia sedang merundingkan FTA dengan Republik Korea, China, Jepun, India serta Australia dan New Zealand. FTA yang dirundingkan adalah menyeluruh dan merangkumi liberalisasi dalam sektor barangan, perkhidmatan, pelaburan dan kerjasama ekonomi. Walau bagaimanapun, skop dan liputan sesuatu FTA adalah tertakluk kepada keperluan dan kepentingan Malaysia dan juga rakan FTA yang berkaitan. Tujuan Malaysia merundingkan FTA adalah bagi:-

- (i) mendapatkan akses pasaran yang lebih baik untuk barangan dan perkhidmatan;
- (ii) mempermudah dan mempromosi perdagangan, pelaburan dan ekonomi;
- (iii) meningkatkan daya saing pengekspor-pengekspor Malaysia;
- (iv) membina kapasiti di dalam bidang-bidang yang spesifik melalui kerjasama dan perkongsian teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Malaysia memulakan rundingan dengan mana-mana negara, kajian analisis kos dan faedah FTA sentiasa dilakukan. Kajian ini diadakan melalui konsultansi bersama dengan semua kementerian, jabatan dan persatuan perniagaan dan industri, badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan dan syarikat-syarikat individu serta lain-lain pertubuhan bukan kerajaan.

Konsultansi dengan kementerian, jabatan dan sektor swasta diadakan secara berterusan. Ini adalah untuk memastikan bahawa pihak-pihak yang berkepentingan dimaklumkan mengenai perkembangan terkini rundingan serta untuk mendapatkan maklum balas terhadap isu-isu yang berbangkit hasil daripada rundingan. Jemaah Menteri juga sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan terkini secara berterusan sebelum sesuatu perjanjian dimuktamadkan. Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menunjuk minat dan perhatian terhadap rundingan FTA di antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ya, sebab ini melibatkan tiga soalan. Tuan Yang di-Pertua, bukan satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kena bantulah, kawal masa.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ya, ok. Malaysia perlulah mengadakan inisiatif-inisiatif baru bagi memastikan eksport negara berdaya saing di negara Amerika Syarikat berbanding

dengan eksport dari negara-negara pesaing seperti Thailand dan Singapura. Perlu ditegaskan bahawa FTA di antara Singapura-US telah pun dilaksanakan. Manakala FTA Thailand-US pula dalam proses rundingan. Dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan ini, serta hasrat pihak Amerika Syarikat untuk memulakan rundingan FTA dengan Malaysia, maka kerajaan memutuskan untuk memulakan rundingan FTA dengan Amerika Syarikat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor, rundingan FTA Malaysia-Amerika Syarikat merangkumi elemen-elemen seperti:-

- (i) meliberalisasi pasaran barangan industri dan pertanian dan sektor perkhidmatan;
- (ii) kerjasama dalam bidang hak harta intelek, kastam dan alam sekitar;
- (iii) pelaburan;
- (iv) perdagangan elektronik;
- (v) pematuhan standard-standard utama yang ditetapkan di bawah konvensyen organisasi buruh antarabangsa (ILO);
- (vi) perolehan kerajaan.

Bagi elemen-elemen yang dirangkumi di bawah perjanjian ini, Malaysia akan memastikan kepentingan negara adalah dipelihara. Dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang memberi fleksibiliti untuk mengamalkan dasar dan langkah-langkah bagi mencapai objektif pembangunan dan sosial, ekonomi. Faedah yang akan diperolehi dalam FTA, ini termasuk meningkatkan eksport bagi tekstil dan pakaian, barangan getah, kayu-kayan termasuk perabot dan papan lapis, kimia, plastik, peralatan optik dan saintifik, seramik, elektrik dan elektronik dan pertanian. Kadar duti semasa bagi produk-produk hampir habis..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tak apalah. Nanti ada soalan tambahan, boleh gunakan bahan-bahan itulah ya.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, hampir habis. Kadar duti semasa bagi produk-produk di Amerika Syarikat adalah di antara 5% ke 32% dan apabila Amerika Syarikat menghapuskan duti untuk produk-produk tersebut, yang dieksport oleh Malaysia, maka pekilang dan pengeksport Malaysia akan mempunyai lebih daya saing. Kerjasama teknikal juga mendapati berkaitan mempergiatkan untuk membolehkan pengeksport memenuhi peraturan dan piawaian teknikal serta *sanitary* serta *phyto sanitary*. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat bekerja dengan kuat, semalam buat homework. Sebab itulah dia perlu ada jawapan yang panjang itu. Tetapi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pendekkan soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia mesti pendek, tetapi ekor daripada jawapan Yang Berhormat Kuala Kangsar itu. Sebab pada bulan Jun itu. Mei itu dia baru mendapat jawapan dan dia hendak menyusur kepada jawapan dia. Tetapi malangnya hari ini tidak ada, dan Yang Berhormat terpaksa mengganti. Dan dia pun buat kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalanlah. Soalan, soalan. Kalau tak ada, ramai..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak soalan itu, banyak soalan, banyak soalan... [Disampuk]. Kita nak menteri di sini Yang Berhormat Menteri Padang Rengas panggil Kuala Kangsar ke sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak ada, duduklah Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya, saya nak tanya ini. Yang Berhormat, dengan adanya itu wakil perdagangan Amerika Syarikat yang baru itu, Susan Schwab

Adakah Yang Berhormat boleh sebutkan bilangan anggota perundingan Amerika Syarikat berbanding dengan Malaysia sekarang? Apakah bilangan Malaysia? Siapa yang mengetuai rombongan kita untuk merunding? Dan bolehkah Yang Berhormat beri kita tahu ini mesti kita wujudkan satu persetujuan *by partisan* polisi perdagangan FTA patut adakan *by partisan* itu penyertaan daripada semua pihak. Bukan sahaja yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat tadi. Dan bolehkah Yang Berhormat sebutkan setakat manakah kita ada rundingan ini? Dan bidang-bidang yang kita dapat persetujuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, cukup Yang Berhormat. Banyak soalan sudah keluar, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak apa, jawapan panjang, soalan pun panjanglah.

[Ketawa]

Jawapan panjang, soalan mesti panjang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang lain apa yang panjang?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia lebih panjang daripada saya. [Ketawa]

[Dewan riuh seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kita tak hirau itu Ketereh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *Point of Order*, sangkaan jahat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat Ketereh, dia tidak begitu mengambil perhatian mengenai FTA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [Bercakap bahasa Cina]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Boleh dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, memang bagus cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya nak teruskanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Adakah Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti saya minta Setiausaha Parlimen jawab ada atau tidak. Cukuplah ha, banyak soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Adakah Yang Berhormat ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ternyata Tuan Yang di-Pertua, Kepong punya panjang Tuan Yang di-Pertua, panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Jerai jangan kacaulah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jangan kacaulah, cukuplah itu. FTA di antara Singapura dengan Amerika Syarikat, setakat mana mereka berjaya? Dan juga FTA Amerika Syarikat dengan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hanya satu boleh dijawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Waktu saya, ini sambungan soalan saja tu, satu soalan saja tu. *[Ketawa]*. Dengan FTA Amerika Syarikat dengan Australia, Bahrain, Chile, Morocco, Oman, Peru, dan Centre America Free Trade Area. Apakah hasil dan penguatkuasaan FTA ini di negara-negara yang saya sebutkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Yang Berhormat, boleh pilih jawab satu sajalah ya. Hanya satu Yang Berhormat pilih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong minta saya menjawab berkenaan dengan tujuan dan sokong untuk FTA antara Malaysia negara kita dan US. Sepatutnya saya telah memberi jawapan dalam ucapan saya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak ada dengarlah.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Jadi saya tak perlu ulang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita berikan jawapan dengan ringkas sebab dia tak dengar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ... luncai Kepong. *[Ketawa]*

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, delegasi Malaysia telah diketuai oleh Ketua Setiausaha MITI dan disertai dengan 128 pegawai dari pelbagai Kementerian, Jabatan dan agensi. Wakil-wakil dari persatuan-persatuan industri dan badan perkhidmatan profesional telah hadir bagi memberi nasihat teknikal. Untuk maklumat Yang Berhormat, dua ahli Parlimen penyokong kerajaan juga dijemput untuk menghadiri sesi ini, penyokong kerajaan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jawapan pun panjang ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, saya rasa cukuplah.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pegawai kita dari segi bilangannya kurang daripada pegawai rombongan daripada US tetapi jangan kita persoalkan keupayaan dan kemampuan pegawai kerajaan kita untuk menjalankan tugas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Kepong ada enam skop, sudah jawab tadi, dia tak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Puchong, soalan sendiri.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya ialah skop yang keenam iaitu skop sistem keterbukaan sistem perolehan kerajaan ataupun dengan izin, '*openness of the government procurement system*'. Saya difahamkan bahawa FTA dengan USA sedang berlaku. Dan juga saya difahamkan bahawa skop ini adalah salah satu daripada sistem, atau satu syarat yang sangat-sangat penting kepada kepentingan ekonomi negara. Kerana pada masa ini budak-budak ataupun perkhidmatan kita dari Malaysia tidak boleh memasuki sistem *procurement* kerajaan US kerana mereka tidak boleh masuk ke dalam sistem *procurement* di Malaysia ini.

So soalan tambahan saya ialah Tuan Yang di-Pertua, adakah Malaysia ini bersedia untuk membuka sistem perolehan kerajaan kita di bawah rundingan FTA yang bakal dibincangkan atau di *discuss* ini kerana ini adalah satu kepentingan kepada negara. Itu sahaja saya punya soalan tapi saya ingat saya tak payahlah...kepastian daripada Kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, perolehan kerajaan memang adalah satu agenda yang begitu penting. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia menegaskan bahawa perolehan kerajaan digunakan sebagai satu mekanisme untuk mencapai agenda pembangunan negara. Dan US atau Amerika Syarikat memahami dan menghormati peranan perolehan kerajaan untuk mencapai matlamat negara kita. Jadi mereka membenarkan kita meneruskan dasar yang seperti kita ada sekarang. Dan kita akan ubahlah dasar kita. Dan US minta Malaysia membuka, mereka minta tetapi tidak menegaskan. Mereka minta Malaysia membuka pasaran perolehan kerajaan. Dan mereka juga menerangkan sekiranya kita membuka pasaran perolehan kerajaan, US akan juga membuka perolehan kerajaan untuk syarikat-syarikat kita. Tapi setakat ini kita masih dalam perbincangan permulaan. Tak ada apa-apa keputusan dibuat lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat ada menjawab tiga orang termasuk saya dan patutlah orang-orang Ahli-ahli Parlimen di mana soalan sampingan itu pun ditanya, diberi masa untuk tanya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju, saya setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini *only fair*, kalau tidak soal jawab 10 orang Ahli Parlimen yang lain semua tidak ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, anggapan speaker di sini, ketiga-tiga soalan sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya setuju. Bagi peluang kepada pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu tak patut membenarkan seorang untuk jawab sekali gus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, saya pun mintalah kalau soalan yang berlainan jangan kata sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi peluang, bagi peluang Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalan saya tidak dijawab, dia kata dia jawab saya dan tidak akan berpeluang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh, tidak boleh. Mesti mahu bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menteri tidak ada. Peraturan Mesyuarat 36(12), memesongkan Dewan ini. Oleh kerana jawapan semacam itu memesongkan Dewan yang mulia ini, mana boleh dibenarkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kelmarin pesong, ini hari pun pesong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor, saya sudah putuskan bahawa secara bertulis jawapan akan diberikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Benarkan saya habis dahulu. Benarkan saya habiskan *Point of Order 36(12)*. Oleh kerana beliau kata dia sudah jawab kepada saya, sebenarnya tak jawab kepada saya. Bagaimana, itu bukan jawapan bertulis. Dia kata patut jawab dan sebab itu kita mahu tahu kenapa Menteri MITI tidak ada di sini? Adakah ini sebab dia lari daripada tanggungjawab beliau? Dia ada buat satu janji bahawa dalam perbincangan FTA akan melibatkan Ahli-ahli Parlimen yang berminat, mana ada berminat? Dua orang Barisan Nasional sokong kerajaan, apa sokong kerajaan? Sokong negara, bukan sokong kerajaan. Sokong negara Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, boleh kita panggil ambulans tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah putuskan supaya jawapan secara bertulis akan disampaikan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Bukit Bintang, Yang Berhormat Gelang Patah sila.

6. **Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan statistik yang menyatakan kadar penggunaan di link kedua meningkat dan langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan di link kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.
10.50 pg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Saya tengok sandiwara ini Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sandiwara MIC lebih dahsyat!

Dato' Seri S. Samy Vellu:sedaplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sandiwara besar!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Sandiwara MIC lebih baik daripada DAP!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP pun sandiwara lagi besar.

Dato' Seri S. Samy Vellu: DAP sandiwara *silence*, kita sandiwara terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan MIC bukan DAP. Ini Parlimen.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Janganlah Yang Berhormat! Janganlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP sandiwara lagi hebat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Demokrasilah you tahu. Pagi ini saya ingat mereka ada sedikit anginlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada anginlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ambulans ada di luarlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri, dia punya angin bukan sikitlah, banyaklah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat statistik kadar penggunaan link kedua dari tahun 1998 sehingga tahun 2005 secara keseluruhannya telah menunjukkan peningkatan maklumat terperinci mengenai jumlah trafik di link kedua bagi tempoh 1998 hingga 2005 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (Juta)
1998	5.9
1999	12.2
2000	10.6
2001	12.2
2002	12.2
2003	12.3
2004	14.2
2005	15

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selanjutnya di antara langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan link kedua adalah meliputi promosi berbentuk iklan melalui media elektronik dan media cetak. Penganjuran larian laluan kedua Malaysia-Singapura, kemudahan kaunter perkhidmatan imigresen dan kastam yang lebih fleksibel untuk menampung pertambahan trafik yang luar biasa terutamanya pada musim-musim perayaan serta penyediaan lain-lain kemudahan infrastruktur untuk kemudahan dan keselesaan pengguna lebuh raya tersebut.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Menteri, rakyat di Johor Bahru juga risau bahawa apabila kerajaan melebarkan lebuh raya Pasir Gudang menjadi enam lorong jadi tol akan dikenakan. Ini disebabkan Pasir udang adalah sebuah pelabuhan yang penting. Kalau tidak silap saya mempunyai kilang lebih daripada 300 buah. Jadi sudah 24 tahun rakyat Johor Bahru menggunakan Lebuh raya Pasir Gudang empat lorong itu. Jadi ramai rakyat yang menggunakan lebuh raya ini untuk mencari nafkah mereka. Kalau mengikut laporan banci lalu lintas kebangsaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ini jalan di mana?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Lebuh raya Pasir Gudang. Berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berkaitan ya?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Berkaitan dengan kepentingan rakyat Johor Bahru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gunakan jalan ini sampai ke Pasir Gudang.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ada, ada. Ada sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada sambung ya.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Jadi mengikut laporan banci lalu lintas kebangsaan setiap hari ada 36,000 pelbagai jenis kenderaan menggunakan Lebuh raya pasir Gudang dan daripada itu 5,000 adalah motosikal dan khususnya pada hari Jumaat bilangan kenderaan yang menggunakan lebuh raya pasir gudang ialah lebih kurang 40,000 dan daripada itu ada 13,000 terdiri daripada penunggang motosikal iaitu mereka yang berpendapatan rendah. Jadi sekiranya kalau tol dikenakan ini akan membebankan rakyat di situ keseluruhan negeri Johor. Soalan saya ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi perlindungan kepada kepentingan rakyat di

Johor Bahru supaya tol tidak dikenakan apabila Lebuhraya Pasir Gudang dilebarkan menjadi enam lorong. Minta penjelasan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih Yang Berhormat. Atas nama rakyat saya pun jawablah. Tuan Yang di-Pertua, kita belum mengadakan program untuk melebarkan Jalan Pasir Gudang. Yang kedua, kita akan membina satu jambatan baru untuk mengatasi kesesakan lalu lintas yang sedia ada. Selain daripada itu, untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalan kerajaan telah meluluskan satu lagi penswastaan iaitu Senai-Desaru akan disambung dengan pasir Gudang. Semua kenderaan daripada utara selatan dan juga ke arah Pasir Gudang boleh juga menggunakan lebuhraya Senai-Desaru ke Pasir Gudang, saya percaya ini boleh mengatasi masalah.

Sebenarnya, kita telah mencadangkan pada masa dahulu iaitu untuk melebarkan jalan yang sedia ada ke enam lorong tetapi kos pada masa itu tinggi. Selain daripada itu, kita ada juga beberapa perkara yang kita belum selesai, tanah belum diambil. Walau bagaimanapun, ada juga jambatan-jambatan sempit kita tidak boleh buat enam lorong sekarang. Oleh kerana itu, rancangan pertama kerajaan untuk membina Senai-Desaru bersambung dengan link dan Jambatan Permas Jaya akan dibina di mana kita boleh juga mengatasi masalah lalu lintas. Kita akan membelanjakan RM160 juta untuk membina jambatan itu. Saya percaya dengan itu masalah-masalah lalu lintas boleh diselesaikan di kawasan Yang Berhormat.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan dari menteri. Soalan tambahan saya ialah sedarkah Yang Berhormat Menteri perasaan umum rakyat tempatan ialah kadar tol sekarang di link kedua adalah terlalu tinggi. Jika kadar tol diturunkan pasti akan membolehkan lebih ramai pengguna terutama rakyat tempatan menggunakan link kedua dan juga akan mengurangkan kesesakan di Tambak Johor. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bila-bila pun boleh turun kadar tol. Bukan susah. Siapa bayar ganti rugi? Ini satu soalan. Sekarang pun kita sedang membayar ganti rugi kepada beberapa syarikat atas permintaan. Rakyat Johor telah minta membatalkan tol di Senai dan sudah dibatalkan. Tapi bayarannya RM360 juta ditanggung oleh kerajaan. Jadi saya mintalah Ahli Yang Berhormat bersimpati dengan kerajaan kerana kalau Ahli Yang Berhormat tidak bersimpati dengan kerajaan kita tidak boleh cari wang untuk membayar ganti rugi kepada syarikat-syarikat kerana kita sudah menggalakkan sistem penswastaan daripada permulaannya kalau kita melihat apa yang kita janji pada masa dahulu kita tidak ikut perjanjian itu. Tiap-tiap kali kita menukar. Kita mengadakan perjanjian baru di mana kita turunkan kadar tol. Bila kita turunkan tol kita kena bayar ganti rugi. Inilah satu perkara. Link kedua bukanlah satu kawasan yang kita boleh sekali lagi bayar ganti rugi. Sekarang pun kita sudah bagi ganti rugi. Sekarang kita bayar RM15 juta tiap-tiap tahun ganti rugi kerana kita telah mengurangkan kadar untuk kenderaan ringan dahulu.

7. **Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh kerana Malaysia akan menghabiskan penggalnya sebagai pengerusi NAM tidak lama lagi, apakah antara pencapaian kemuncak Malaysia di arena antarabangsa semasa penggal tersebut dan bagaimanakah kita dapat memastikan usaha dan wawasan kita akan dilanjutkan pada masa yang akan datang.

10.59 pg

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat banyak soalan mengenai NAM (Pergerakan Negara-negara Berkecuali) telah dikemukakan untuk dijawab pada tarikh bersidang Dewan rakyat yang sangat berdekatan, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua agar saya dibenarkan untuk menjawab sekali gus kesemua soalan-soalan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Bagi menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Muar bertarikh 29 Jun pada hari ini, Yang Berhormat bagi Ampang dan Yang Berhormat bagi Kudat bertarikh 4 Julai, Yang Berhormat bagi Tumpat dan Yang Berhormat bagi Kuala Nerus bertarikh 12 Julai serta Yang Berhormat bagi Dungun bertarikh 13 Julai 2006 mengenai sumbangan, pencapaian serta kejayaan Malaysia sebagai pengerusi NAM.

Suka saya menyatakan di sini, bahawa kita telah berjaya mengubah imej NAM dengan menjadikannya sebuah pergerakan yang penting dan diiktiraf antarabangsa melalui kepimpinan dan peranan kita di dalam meningkatkan penyertaan negara-negara membangun dalam proses membuat keputusan di peringkat antarabangsa. Langkah-langkah praktikal serta berkesan ke arah mengekalkan keamanan dunia dengan mempromosikan keamanan melalui platform-platform politikal, pendekatan diplomasi pelbagai hala terutamanya melalui badan-badan dunia seperti PBB dan penumpuan terhadap isu-isu seperti ekonomi dan perdagangan, Kerjasama Selatan-selatan, pembangunan dan pembasmian kemiskinan serta pembangunan sosial dan kemanusiaan yang bersifat sejagat, serta isu-isu berkepentingan pada NAM serta komitmen dan inisiatif-inisiatif kita yang berterusan ke arah penyuburan semula pergerakan.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan terhadap NAM jelas terbukti di mana kita telah dirujuk dan terlibat secara aktif dalam banyak perbincangan serta mesyuarat termasuk dengan kuasa-kuasa besar seperti Kesatuan Eropah, Kerajaan Amerika Syarikat, Setiausaha Agung PBB serta pelbagai badan dunia yang berpengaruh mengenai isu penstrukturan semula PBB dan isu-isu lain. Pada masa yang sama kejayaan kita menganjurkan Mesyuarat Peringkat Menteri NAM mengenai pembangunan wanita pada bulan Mei 2005, merupakan suatu mesyuarat yang sangat bersejarah dalam tempoh empat dekad kewujudan NAM yang menyaksikan perubahan tumpuan buat pertama kalinya bagi NAM, dan isu tradisional yang berorientasi politik pada isu sosial dan ekonomi.

Pada masa yang sama Mesyuarat Menteri-menteri Penerangan Negara-negara Berkecuali (COMINAC VI) di Kuala Lumpur pada bulan November 2005 pula telah menghasilkan Rangkaian Berita NAM atau NAM News Network sebagai satu mekanisme perkongsian berita di kalangan negara-negara anggota NAM.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesinambungan usaha dan wawasan kita dalam NAM pula. Persoalan ini tidak timbul kerana NAM berpegang kepada prinsip persetujuan secara *consensus* di dalam membuat sebarang keputusan pergerakan ini. Oleh yang demikian, pelaksanaan setiap usaha-usaha yang telah dipersetujui adalah melibatkan kerjasama serta sokongan padu dari semua anggota NAM. Dalam konteks ini kesinambungan usaha-usaha kita dalam NAM akan diteruskan melalui kepimpinan Pengerusi NAM yang berikutnya iaitu CUBA. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin merakamkan rasa bersyukur dan berterima kasih, begitu juga rasa bangga saya kerana kerajaan tidak putus-putus untuk meletakkan Malaysia sebagai satu negara yang dihormati dan dicontohi, dan saya yakin kerajaan akan meneruskan usaha-usaha sebegini dan sokongan rakyat akan tetap kepada kerajaan kerana niat murni dan keikhlasan itu tadi. Kita lihat sepanjang kita menjadi Pengerusi NAM, selain daripada Kerjasama Selatan-selatan, kita telah berjaya seperti yang dinyatakan tadi penubuhan Pusat Pembangunan Gender NAM dan juga Deklarasi Putrajaya.

Soalan tambahan saya, sebagai jurubicara, juru cakap memberikan idea-idea kritikal untuk keamanan dan sebagainya, apakah yang kita perolehi dalam negara kita selain menjadi juru cakap? Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Muar di atas soalan tambahan yang dikemukakan dan terima kasih di atas sanjungan yang diberikan kepada kerajaan kita di atas kejayaan kita ini. Apabila kita menjadi juru cakap, ertinya kita sudah diiktirafkan oleh dunia untuk menjadi orang yang boleh dipercayai, negara yang boleh dipercayai. Ini mengukuhkan kedudukan Malaysia di dunia antarabangsa terutama sekali dalam konteks kita ingin berintegrasi dengan dunia luar baik dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Itu adalah keupayaan pada kita.

Yang kedua misalnya kalau disebutkan tentang Deklarasi Putrajaya dikaitkan dengan penubuhan *Institute for the Empowerment of Women*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sudah tentulah dengan adanya institut-institut yang begini atau pusat-pusat begini, selain daripada peranan kita untuk menyebarkan kefahaman dan pendirian kita dalam menyokong isu wanita misalnya. Kita sebenarnya turut dapat untuk mendidik orang kita sendiri tentang peranan wanita, tentang Deklarasi Beijing, tentang apa itu *Millennium Development Goals* ataupun matlamat pencapaian pembangunan *millennium* misalnya. Ini adalah perkara yang menyeluruh yang kita mainkan peranan untuk terangkan kepada dunia antarabangsa dan juga rakyat kita.

Sudah tentu semakin ramai orang datang ke mari, semakin banyak agensi ini berpusat di Malaysia, ia sudah tentu menjadikan Malaysia lebih utuh dan kukuh di mata dunia.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan juga terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Yang saya tertarik di dalam kerjasama NAM ini ialah berkaitan dengan kerjasama ekonomi iaitu Kerjasama Ekonomi Selatan-selatan seperti mana yang sering kita uar-uarkan. Tetapi apa yang saya lihat misalnya dalam rundingan WTO di Hong Kong pada bulan Disember yang lalu, Kerajaan Selatan-selatan ataupun negara Selatan-selatan tidak pun mempunyai satu *caucus* ataupun satu pertubuhan *common stand* di dalam usaha untuk menentukan bahawa nasib dan juga perjuangan mereka di dalam WTO dapat diambil kira dan kalau kita lihat misalnya Malaysia telah menyertai *Group* misalnya di dalam *negotiation* dalam bidang sektor pertanian. Jadi saya tidak nampak apakah ada satu usaha bersungguh-sungguh untuk membolehkan kita sebenarnya dapat bergerak dengan lebih cepat dalam usaha untuk membolehkan negara-negara Selatan-selatan ini dapat mendapat faedah daripada kerjasama ekonomi yang lebih erat. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kudat di atas soalan tersebut, yang saya kira sepatutnya dijawab oleh kementerian yang khusus yang berkaitan dengan perundingan WTO dan sebagainya. Tetapi, walau bagaimanapun ianya ada berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri yang sudah tentu hubungan kita dengan negara-negara Selatan terutama sekali negara-negara yang menjadi anggota NAM dalam konteks ini, hubungan yang baik dan sejauh manakah keberkesanan kita dalam rundingan-rundingan kita terutama sekali dengan kuasa-kuasa besar ataupun negara-negara maju lain yang menjadi asas kepada kemungkinan berlakunya konflik dalam soal rundingan WTO dan sebagainya ialah sejauh manakah kita semua boleh bersatu. Kita semua tahu apakah musuh kita bersama ataupun kawan kita bersama dan apakah jaringan bersama yang perlu kita sepakatkan di kalangan negara-negara kita.

Sebab itulah ramai orang kata bahawa NAM ini tidak lebih daripada tempat orang bercakap. Sebenarnya kalau kita tidak terus bercakap, mungkin kita akan terus ditelan, kita akan ditelan dan kita akan diketepikan di dalam semua rundingan dan tindakan-tindakan kuasa besar. Ini adalah bukan perkara yang mudah, tetapi, keazaman yang ditunjukkan oleh Malaysia sebagai contoh sebuah negara yang dipanggil negara sedang membangun tetapi telah mencapai tahap pembangunan yang luar biasa. Dalam masa yang singkat menjadi inspirasi kepada banyak negara yang membangun lain dan ini menjadi punca kenapa kita dihormati dan kita akan terus memainkan peranan *engagement* kita ataupun pendekatan kita dengan semua negara untuk terus bersatu dalam rundingan-rundingan kita yang disebutkan tadi. Ia mengambil masa Yang Berhormat dan kita akan terus memainkan peranan ini tanpa letih dan lelah. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit soalan kerana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *Urgent, urgent.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Serai.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Yang Berhormat, *urgent, urgent.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Nanti boleh bincang dengan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sebab peperangan akan berlaku.

8. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Tenaga Air, dan Komunikasi menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kenaikan tarif elektrik tidak akan menyebabkan kenaikan harga barang dan membebankan orang ramai.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat bagi Kuala Krai pada 29 Jun 2006 serta Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pada 18 Julai 2006 mengenai isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keputusan kerajaan untuk meluluskan penstrukturan semula kadar tarif elektrik bagi Semenanjung Malaysia baru-baru ini telah dibuat setelah mengkaji dengan teliti. Semua faktor yang terlibat serta implikasinya terhadap pengguna khususnya golongan yang berpendapatan rendah.

Ini jelas dapat dilihat apabila kenaikan tarif pada kadar purata 12% yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2006 lalu, tidak membabitkan 59% daripada pengguna elektrik iaitu kira-kira tiga juta isi rumah yang menggunakan tenaga elektrik kurang daripada 200 kilowatt jam atau kadar bil bulanan kurang daripada RM43.60. Ini bermakna golongan berpendapatan rendah yang menggunakan kemudahan elektrik pada tahap penggunaan minimum atau *minimum life band* dengan izin, tidak terjejas dengan kenaikan tarif yang diluluskan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar bahawa terdapat pihak yang menjadikan kenaikan tarif elektrik sebagai alasan untuk menaikkan harga barang-barang keperluan harian. Perkara ini tidak seharusnya berlaku memandangkan kenaikan tarif elektrik kepada sektor komersial dan industri tidak sepatutnya menjejaskan daya saing pengusaha tempatan memandangkan kadar tarif yang baru ini bagi kedua-dua sektor ini adalah antara yang terendah di rantau ini.

Tambahan pula, berdasarkan kajian, kenaikan purata bagi struktur kos dalam semua subsektor kecil ekonomi adalah kecil, iaitu kurang daripada 0.6%. Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna akan sentiasa memantau harga barang-barang pengguna supaya tidak ada pihak yang cuba mengambil kesempatan atas kenaikan tarif elektrik. Terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Untuk maklumat

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita faham kerana keadaan yang berlaku, TNB perlu menaikkan tarif dan kita tidak menafikan keperluan itu. Tetapi kita dapati bahawa pada masa sekarang, terutama sekali dalam tahun ini, kita baru dapati, merasai kenaikan harga petrol.

Sekarang kita menghadapi kenaikan tarif elektrik. Jadi kita tidak boleh menafikan walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada alasan-alasan yang digunakan. Tetapi implikasi dan keadaan yang sebenarnya berlaku, keadaan akar umbi ini memang merasai kenaikan harga yang begitu serius dan begitu membebankan orang ramai.

Jadi saya minta supaya kementerian berkenaan mengambil inisiatif untuk memastikan betul-betul bahawa kenaikan ini tidak akan menyebabkan ada *spiral effect* yang akan menyebabkan harga-harga barang itu naik juga sekali. Jadi itu permintaan saya. Saya minta kementerian pastikan keberkesanan tindakan yang akan diambil. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Permintaan Yang Berhormat bagi Padang Serai ini agak besar, di mana saya rasa tanggungjawab kebanyakannya akan terletak di bahu rakan saya di sebelah itu, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna. Sebenarnya dari segi kenaikan ini, sebenarnya bukanlah mudah bagi kerajaan untuk meluluskan kenaikan pada pihak Tenaga. Tenaga telah meminta kenaikan ini pada penghujung tahun 2004. Tetapi mengambil masa yang begitu lama bagi kerajaan untuk membuat kajian dan terus kajian untuk membolehkan supaya kesan impaknya tidak dirasai oleh orang-orang ramai.

Tetapi memandangkan keadaan yang amat memerlukan oleh pihak Tenaga untuk memastikan kemampuan sektor Tenaga dan keupayaan Tenaga untuk memberi perkhidmatan yang mencukupi, berterusan dan berdaya harap, maka salah satu caranya, sebahagian daripada cara untuk membantu Tenaga adalah menaikkan tarif elektrik. Ini hanya sebahagian tetapi selepas ini kerajaan akan terus berusaha untuk memantapkan lagi Tenaga Nasional Berhad dengan memikirkan bagaimana untuk terus mengadakan rundingan dengan pihak penjana berkuasa bebas untuk memastikan caj kapasiti ini boleh dibuat satu perjanjian tambahan agar tidak membebankan pihak Tenaga dari segi pembayaran caj kapasiti kepada Tenaga Nasional Berhad. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Soalan tambahan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tenaga Nasional belum meneruskan peranan sosial mereka. Maka, dengan itu kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa tarif ini perlu dinaikkan dari tahun ke tahun. Soal cepat lambat itu bergantung kepada keputusan yang akan dibuat.

Bagaimana usaha-usaha TNB dari segi kempen Yang Berhormat untuk mengurangkan atau penggunaan Tenaga secara berhemah oleh pengguna-pengguna ini. Kempen-kempen dibuat oleh kementerian ataupun oleh pihak pembekal itu sendiri ataupun dari segi kaedah-kaedah untuk menjimatkan penggunaan tenaga. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan pendekatan-pendekatan yang selama ini telah diambil.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa agak mudah menerangkan kepada Yang Berhormat daripada Pontian ini kerana beliau ini seorang jurutera. Jadi dia tahu masa yang perlu, tepat, perlu ada kenaikan ini. Apatah lagi, Tenaga kali terakhir menerima kenaikan tarif adalah pada tahun 1997, kira-kira sembilan tahun yang lalu.

Di samping itu juga, selain daripada memikirkan mengapa ada kenaikan tarif, kita juga boleh memastikan bahawa orang ramai tidak menggunakan tenaga elektrik dengan pembaziran. Oleh itu, kementerian telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Tenaga untuk melancarkan kempen-kempen menggunakan tenaga elektrik dengan lebih efisien. Antaranya kita meminta orang ramai, kita telah mengadakan program-program, menggunakan alat-alat elektrik yang lebih efisien seperti peti ais ataupun *refrigerator* yang mana boleh menggunakan bekalan elektrik yang lebih rendah dan mutunya sama, harganya lebih baik dan harganya mungkin sedikit lebih mahal jika hendak dibandingkan dengan peti ais yang sedia ada pada hari ini.

Di samping itu kita juga menggalakkan hotel-hotel yang ada di negara ini supaya kalau boleh, dari segi suhu mereka ini janganlah mereka letak terlalu rendah sampai 15, 16 lebih sejuk daripada di negara-negara barat. Kalau 21, 22 itu munasabah. Ini program-program yang berterusan yang dianjurkan oleh kementerian ini bersama dengan Suruhanjaya Tenaga untuk memastikan rakyat di negara ini dapat menggunakan tenaga secara berhemah demi kebaikan tenaga dan juga kebaikan kepada pengguna di masa akan datang. Terima kasih.

9. **Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang supaya sistem yang sedia ada dalam pemilihan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan digantikan dengan suatu sistem yang lebih telus dan bertanggungjawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Tawau pada 3 Julai 2006 kerana menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah..... *[Disampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia jawab dahulu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ada Peraturan Mesyuarat daripada Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey? Tidak, okeykah? [Bertanya kepada Tuan Yang di-Pertua]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Dia kata Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan kesembilan, perkataan yang ada digunakan adalah pemilihan hakim-hakim dan dalam versi bahasa Inggeris adalah *election of judges*. Dalam Perlembagaan tidak ada apa-apa mengenai ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Kita Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa yang ada adalah pelantikan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:..... pelantikan hakim-hakim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah ini apa yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat, Menteri akan ambil tahu. Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi kalau soalan tambahan Yang Berhormat boleh....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan tambahan, kerana tidak dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apalah ini?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kedua-dua Menteri pun tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, kita....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta izin untuk membetulkan kesilapan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita tidak cukup masa. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini dua-dua *lawyer*. Bolehkah dia, apa yang silap membetulkan dahulu, baru berdiri dan jawab.

Beberapa Ahli: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting kita faham apa yang dimaksudkan oleh. Kalau dia tidak faham, tidak apalah sebab saya hendak menjawab saya faham, okey. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan, jawapan saya pelantikan. Saya faham apa yang dia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebenarnya mengikut naskhah sahlah ialah bahasa Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Bahasa Malaysia, saya sebut pelantikan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Soalan pemilihan. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalan tidak apalah. Saya tahu sebab saya sebut. Saya punya jawapan saya sebut pelantikan. Tetapi saya faham apa dia hendak tanya. Saya tahu bukan ada pemilihan. Bukan ada *election* hakim ini kita tahu. Dia tidak faham tidak apalah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Untuk rekod apa yang perlu dibuat adalah terima apa yang silap dan betulkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah. Saya jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia sudah jawab dan dia sudah betulkan dan dia faham. Dia faham soalan daripada...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab pelantikan bukan pemindahan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan fahaman tetapi perkataan yang digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah betulkan.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini, dia masuk dalam Hansard.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah. Saya jawab. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah termaktub di bawah Perkara 122B (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan,

“The Chief Justice of the Federal Court, the President of the Court of Appeal and the Chief Judges of the High Courts and (subject to Article 122C) the other judges of the Federal Court, of the Court of Appeal and of the High Courts shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong, acting on the advice of the Prime Minister after consulting the Conference of Rulers”.

Perlembagaan Persekutuan juga memerlukan Perdana Menteri berunding dengan Ketua Hakim Negara sebelum memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. Bagi pelantikan hakim Mahkamah Rayuan dan hakim Mahkamah Tinggi Perdana Menteri juga diperlukan berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaysia selain dengan Ketua Hakim Negara. Prinsip 10, prinsip asas kebebasan kehakiman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. *The Basic Principles on the Independence of the Judiciary* pula telah menggariskan beberapa prinsip berhubung dengan teras amalan pelantikan hakim-hakim sebagai panduan. Prinsip 10 memperuntukkan,

“Persons selected for judicial office shall be individuals of integrity and ability with appropriate training or qualifications in law. Any method of judicial selection - not election, selection, shall safeguard against appointments for improper motives. In the selection of judges, there shall be no discrimination against a

person on the grounds of race, colour, sex, religion, political or other opinion, national or social origin, property, birth or status, except that a requirement, that a candidate for judicial office must be a national of the country concerned, shall not be considered discriminatory.”

Di Malaysia pelantikan hakim-hakim telah dibuat berasaskan kepada prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas ketara proses yang diamalkan sekarang cukup telus dan bertanggungjawab. Adalah amat jelas bahawa sistem pelantikan hakim-hakim yang telah sedia ada semenjak *time in memoriam* adalah amat sesuai dan berkesan di negara ini. Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang perubahan kepada sistem tersebut.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Soalan tambahan.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya isu ini sentiasa menjadi satu tajuk perbincangan yang begitu hangat dalam kalangan peguam di negara kita kerana kita sentiasa ada ura-ura yang menyatakan bahawa ada sesetengah hakim yang kurang senior dan sebenarnya prestasinya pun tidak seberapa tetapi dinaikkan pangkat. Tetapi ada pula hakim-hakim yang lebih senior, yang lebih baik pula tidak diberi peluang untuk dinaikkan pangkat.

Jadi, soalan tambahan saya, dalam proses perundingan ialah sama ada pihak kerajaan akan mengambil kira pandangan yang diberikan oleh Majlis Peguam Malaysia, kerana Majlis Peguam Malaysia ialah satu badan yang mewakili semua peguam dalam negara kita. Selalunya peguam-peguam, mereka dapat memberikan pandangan yang jelas dan jitu di peringkat dalam mahkamah setakat manakah prestasi hakim itu dapat dinilai, sama ada Majlis Peguam Malaysia akan dijadikan satu badan yang tetap, yang mana ia memberi pandangan oleh pihak kerajaan dalam proses ini. Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara yang saya hendak jawab di sini. Dalam apa-apa hal sekali pun, ia ada *two sides of the coin*. Orang yang kita pilih, yang kita rasa elok tidak semestinya elok pada pandangan orang lain. Macam hari ini, kerajaan buat keputusan, Jemaah Menteri buat keputusan, ada orang yang tidak puas hati dan akan mempertikaikan. Itu biasa. Ini subjektif.

Keduanya, saya hendak sebut di sini, pelantikan ini juga ialah berdasarkan kepada merit bukan senioriti. Tidak semestinya bahawa kalau orang itu senior maka dia mesti dilantik dan sudah tentulah oleh kerana ini subjektif. Adalah hal-hal yang tertentu yang sedia maklum oleh badan yang melantik ini tentang hal tertentu seseorang individu yang menyebabkan walaupun dia senior, dia tidak dilantik. Ini subjektif. Ia *two sides of the coin*. Tidak ada yang kita buat satu pelantikan seratus peratus persetujuan. Kita terima hakikat di negara kita kebebasan untuk kita memberi pandangan.

Saya juga memahami iaitu bahawa saudara mengatakan pandangan *Bar Council* juga harus diambil kira. Kita sudah fikir benda ini, kalau pandangan mereka diambil kira, apa yang berlaku ialah *open to abuse*. Nanti hakim-hakim pula akan tertekan dengan peguam-peguam yang berada di hadapan beliau dan dia tidak akan dapat bebas untuk buat keputusan kerana dia tahu bahawa *the practitioner* di bawah ini sebenarnya ada pengaruh untuk memastikan supaya sama ada dia boleh naik pangkat ataupun tidak.

Jadi, *this is open to abuse*. Sebab itulah sekarang kita tengok *World Cup* - main bola sekarang, orang yang main bola dia tidak ada hak untuk menentukan siapa dia punya *referee*. Kalau pemain bola kata, hari ini kita main, kita hendak orang itu jadi *referee*, maka *referee* ini akan tertekan iaitu untuk membuat keputusan yang memihak kepada mereka.

Oleh sebab itu, walaupun saya faham Yang Berhormat kata bahawa kita boleh patut dengar pandangan daripada *Bar Council*, tetapi *Bar Council* adalah *law practitioners* yang akan berhadapan di hadapan hakim dan hakim akan merasa tertekan kerana orang yang di bawah itu, yang *argue the case*, dengan izin, boleh mempengaruhi sama ada dia akan naik pangkat ataupun tidak. Sebab itu, kita fikirkan biarlah dalam sistem yang ada sekarang ini, itulah walaupun mungkin ada dia punya *flaws*, dengan izin, tetapi itulah yang terbaik pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pelantikan adalah satu perkara, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi naik pangkat itu adalah perkara yang berkaitan dengan pelantikan. Apa yang dikatakan oleh *hatchet man* untuk Tun Dr. Mahathir tadi adalah, Tuan Yang di-Pertua, prinsip-prinsip. Tetapi adakah prinsip-prinsip ini dikotakan? Dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim, semua hakim yang mengendalikan kes itu naik pangkat. Adakah itu telus, walaupun hakim-hakim itu tidak kadar taraf yang tertinggi? Bolehkah saya dapat satu jawapan yang ikhlas daripada *hatchet man* ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dulu Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor ini, Tun Dr. Mahathir hentam dia, masuk ISA dua tahun. Nampaknya dia sudah pulih balik, dia sayang Tun Dr. Mahathirlah. Ada baik juga hantar ISA ini, ya?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu tidak kira.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak kira, tidak apalah. Tidak apalah. Sudah kena hentam, bukan? Hentam dua tahun.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: No, Tun Dr. Mahathir ada didapati salah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekarang sayang, ya?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia bayar ganti rugi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekarang banyak sayang, ya? Dulu kena hentam ISA.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia bayar ganti rugi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sudah belajar dua tahun, keluar dia sudah faham bahawa dia memang patut masuk Universiti ISA. *[Dewan riuh seketika]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan di sini iaitu bahawa ...

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan. Saya bagi penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa ini? Tidak faham ke? Tidak faham peraturan ke? Saya menjawab. Apa *you* mahu penjelasan lagi?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tetapi jawapan yang tidak tepat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa? Saya mahu jawab. Saya belum jawab lagi. *You* boleh bagi komen, saya tidak boleh komen ke?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Mengenai Tun Dr. Mahathir?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, tidak apa. Ini bukan soalan Mahathir.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya tidak sayang Tun Dr. Mahathir.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* kata *hatchet man*, saya mahu jawablah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya ada buat kes atas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia sudah hentam *you*. Hentam dua tahun masuk ISA, sekarang sudah baik. Sebab itu dia sokong Tun Dr. Mahathir. Baik. Tuan Yang di-Pertua ingin dinyatakan di sini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukit Gelugor yang *hatchet man*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...iaitu bahawa dalam soal kenaikan pangkat, kita tidak boleh campur tangan dalam hal ini. Saya sudah sebut *two sides of the coin*. Ada orang yang akan bersetuju dan ada orang yang tidak akan bersetuju. Itu biasalah. Dalam hal ini iaitu bahawa kita sebagai legislatif dan juga eksekutif kena menghormati iaitu bahawa ada *separation of powers* dalam negara kita. Jadi, kita tidak boleh hendak mempertikaikan. Boleh kita kritik tetapi hendak mempertikaikan sama ada keputusan ini sah atau tidak. Itu bukan hak kita.

Jadi, sebab itu saya hendak mengatakan bahawa biarlah. Apa yang difikirkan iaitu bahawa kita mesti menghormati kebebasan *judiciary* untuk buat keputusan dia dan kalau dia melantik orang itu, itu dia punya pasallah. Bukan ada kena mengena dengan kita. Sebab itu saya harap sebagai orang yang mengamalkan undang-undang, fahamlah tentang *the principal of separation of powers* iaitu *judiciary* bebas dan kita tidak boleh hendak mempertikai. Kritik boleh, tetapi pertikai keputusan itu bukan menjadi hak kita dalam legislatif.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kes Anwar Ibrahim, kenaikan pangkat ...

10. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Pelajaran menyatakan strategi penambahbaikan unjuran guru supaya bekalan guru dari segi pilihan dan keperluan sekolah mencukupi dan tidak berlaku lambakan bekalan guru terlatih.

Timbalan Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya sentiasa berusaha untuk menyediakan unjuran guru yang dapat memenuhi keperluan di sekolah daripada segi jumlah

keseluruhan dan pengkhususan mata pelajaran atau opsyen. Bagi menambah baik unjuran dan mengecilkan ralat atau perbezaan antara unjuran dan keperluan sebenar pada masa hadapan, KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi akan mengambil langkah bersama untuk menyediakan unjuran yang lebih komprehensif dan terperinci mengikut opsyen meliputi keperluan guru di sekolah rendah, sekolah menengah, kolej matrikulasi, politeknik dan juga kolej komuniti. Selain itu kedua-dua kementerian juga akan meningkatkan penyelarasan dan kerjasama serta memastikan angka unjuran ini dipatuhi dalam penyediaan latihan guru. Lebihan yang dialami pada waktu ini tidaklah serius dan bersifat sementara. Kebanyakan mereka akan dapat ditempatkan pada tahun hadapan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup, selesaikan sesi soal jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini soalan penting Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang soalan dari Kuala Terengganu hendak minta soalan tambahan pun tidak boleh juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak perang besar ini.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta yang dinamakan Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 dan perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PERUNTUKAN KHAS) (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2006; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG KILANG DAN JENTERA
(PINDAAN) 2006**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang"
[28 Jun 2006]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sila sambung semula ucapan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yaacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

11.38 pagi

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita telah dengar semalam ucapan yang begitu komprehensif dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya semalam pun ada sebut tentang 'agronomi' kerusi di Parlimen ini memang kadang-kadang apabila duduk itu rasa khayal juga Tuan Yang di-Pertua dan baguslah untuk Ahli Parlimen semua.

Sebelum itu saya juga ucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar Tingkatan 6 di seluruh Parlimen Batu Pahat *[Tepuk]* .. Yang dipimpin oleh Cikgu Norazah ya? Tetapi tidak tahu Cikgu Norazah yang mana satu tetapi saya kenallah dengan Cikgu Norazah. Ini ada lagi satu juga baru masuk, kita mengucapkan selamat datang kepada Pergerakan Puteri UMNO

Dungun. Selamat datang ke Parlimen...*[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, kalau Puteri itu kita senyum sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini adalah merupakan satu elemen yang amat penting terutamanya dalam usaha negara untuk mencapai negara maju pada tahun 2020 nanti. Persidangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Geneva telah mengatakan bahawa setiap tahun, kira-kira dua juta orang mati akibat penyakit yang berkaitan pekerjaan dan kemalangan di tempat kerja. Persidangan ini juga menyatakan lima ribu kematian pada setiap hari, lima ribu Tuan Yang di-Pertua seluruh dunia. Menurut kenyataan Pertubuhan Buruh Antarabangsa, ILO (International Labour Organization), 270 juta kemalangan berlaku di tempat kerja setahun, dengan 350 ribu daripadanya membawa maut manakala 160 juta adalah berkaitan dengan pekerjaan. Ini dicatatkan di dalam resolusi konvensyen ILO ini di Geneva pada tahun 2003.

Tuan Yang di-Pertua, kos berkaitan dengan kemalangan dan kesihatan pekerja ini telah dilaporkan mencecah hingga 1.25 bilion USD dan ia adalah merupakan 4 peratus daripada keluaran kasar dunia. Tuan Yang di-Pertua, ini senario besar di peringkat antarabangsa dan saya percaya negara kita menyumbang kepada angka-angka ini. Saya suka untuk memberitahu Dewan yang mulia ini tentang beberapa isu dan insiden yang mungkin menampakkan bagaimana seriusnya kita dan bagaimana tegasnya kita di dalam menghadapi perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini.

Hari ini kalau kita tengok di hadapan mata kita sendiri sama ada kita pengamal keselamatan ataupun tidak, rata-rata kita boleh membuat kesimpulan bahawa kesedaran sama ada pekerja-pekerjanya, majikan-majikannya serta orang ramai terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini adalah amat kurang sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, satu kes di Ampang baru-baru ini....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tangga Batu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hah, Yang Berhormat Sri Gading silakan. Saya seronok juga kalau Sri Gading masuk campur ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu memang benar, memang wujud, memang terjadi. Saya mendengar rintihan, rasa tidak puas hati, rasa marah pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara kita ini dari segi tahap penjagaan keselamatan dalam masa bekerja, soal kesihatan ataupun soal-soal yang boleh mengganggu kesihatan kepada pekerja-pekerja diabaikan, atau sebenarnya tidak diambil perhatian berat oleh majikan-majikan di negara ini sehingga ada rintihan mengatakan, saya ke Indonesia pada yang terakhir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan sudahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya memberi sokongan kepada kenyataan Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi supaya pihak kementerian lebih peka kepada perkara ini. Perkataan yang mereka luahkan “mentang-mentanglah kami pekerja asing”, perkataannya. Yang Berhormat bagi Tangga Batu tolong beri perhatian kepada apa yang saya perkatakan ini. “Mentang-mentanglah kami buruh asing, kami diabaikan, kami dinafikan, tetapi oleh sebab desakan hidup di negara kami walaupun layanan majikan tidak begitu baik, tetapi demi desakan hidup di negara kami, kami sanggup mendedahkan diri kepada situasi yang sebenarnya memberikan kesan yang tidak baik”. Soal pampasan kalau ada kematian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap tu, minta penjelasanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya berucap Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tapi sebenarnya berucaplah ini Tuan Yang di-Pertua kerana di Parlimen ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini ruang Yang Berhormat bagi Tangga Batu berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa perbezaan di antara membuat ucapan atau membuat pertanyaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pertanyaan pendek Yang Berhormat jawapannya yang panjang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Atau memberikan penjelasan, saya pun tidak berapa faham Tuan Yang di-Pertua. Agaknya kalau Tuan Yang di-Pertua dapat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Inilah saya beritahu Yang Berhormat, pendekkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pendekkan itu maknanya pertanyaan? Penjelasan panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau perbahasan lebih panjang. Jadi Tuan Yang di-Pertua pun faham, Yang Berhormat bagi Tangga Batu pun faham maksud saya. Jadi saya memberikan sedikit komentar kepada apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan harap Yang Berhormat bagi Tangga Batu memperteguh, memperkuat hujah yang saya sampaikan. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua kalau tersinggung hati. Kiri jalan, kanan pun jalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak tersinggung hati, Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kiri jalan kanan pun jalan, sama tengah buah mengkudu, sama-sama kita tahu, apa benda agaknya nak dijawab oleh Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bila Yang Berhormat bagi Sri Gading mencelah saya memang suka, kerana saya akan masukkan celahan-celahan Yang Berhormat bagi Sri Gading itu di dalam ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Jadi sekali gus saya hendak tanya juga berapa lama masa saya ada untuk berucap ini? Tak apa Tuan Yang di-Pertua tak payah jawab pun tidak apa, Ketereh pun sudah ada jadi Timbalan Speaker pula hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi memang berada dekat di hati saya kerana kalau kita lihat di bawah Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 pun mengatakan bahawa setiap majikan perlu menyediakan, perlu memastikan bahawa bukan sahaja mereka perlu menyediakan tempat kerja yang selamat tetapi perlu memastikan tiada risiko kesihatan di kalangan pekerja-pekerjanya. Bukan itu sahaja bahkan ia akan melibatkan orang awam dan juga memerlukan penglibatan pelbagai pihak bagi memastikan pekerja-pekerja yang berada di bawah majikan tersebut sentiasa bekerja di dalam kawasan yang selamat dan sihat. Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup dengan itu Yang Berhormat Sri Gading, ia mengenakan lagi berbagai-bagai bentuk hukuman dan penalti hatta dipenjarakan jika dapat dikesan secara jelas dan nyata yang majikan ini mengabaikan keselamatan dan kesihatan pekerjanya tidak kiralah sama ada mereka ini anak tempatan ataupun warga asing.

Beberapa Ahli Yang Berhormat: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu nak bagi pada siapa?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sri Gading bangun dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya mencelah lagi di sini, Undang-undang memang sedia ada, undang-undang memang cantik tetapi setakat ini tidak ada majikan yang saya tahu didakwa atas kesalahan-kesalahan ini dan kita juga minta supaya satu keadilan haruslah diwujudkan supaya jangan pula kita hanya menyebelahi majikan-majikan yang kebetulan warganegara kita walaupun mereka melakukan kesalahan kita tutup sebelah mata. Kerana kononnya kita lebih menghargai majikan yang warganegara, dalam pada itu kita mempertidakkan, menafikan keadilan kita kepada pekerja.

Jangan lupa, walaupun pekerja asing ini dari negara luar tetapi jangan kita nafikan merekalah yang turut bersama membangunkan negara kita, memakmurkan negara kita. Sebab itu bila kita bercakap dengan orang Singapura *you* jangan *ex* sangat. Singapura itu membangun dulu, satu ketika dulu dan tahun 70-an tenaga pekerja yang membangunkan Singapura itu datang dari Malaysia. Semua perkara-perkara ini saya melahirkan ini supaya kita berlaku adil Tuan Yang di-Pertua dalam hal kemanusiaan seperti ini. Batas-batas negara tidak harus menjadi perhitungan kepada kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sedih saya mendengar hujah yang telah disampaikan oleh kekanda saya dari Sri Gading Tuan Yang di-Pertua. Memang benar

sebab itulah di dalam apa bidang penguatkuasaan pun, pertama saya menyarankan kepada pihak kementerian supaya menyemak sistem pendidikannya *e-Education* supaya menyemak *engineeringnya*, sistemnya dan akhirnya mereka perlu meletakkan suatu bidang penguatkuasaan yang begitu kukuh dan mantap supaya segala apa kepincangan yang berlaku di peringkat bawahan dapat diambil tindakan dan dapat mengajar yang lain supaya tidak melakukan kesilapan yang sama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...tindakan itu perlu *deterrent*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin dan Batu Pahat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat selalu bangun lambat saya nampak abang saya dari Jasin bangun dulu, kena bagi Jasin dulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Terima Kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kita membincangkan Rang Undang-undang ini dan apabila diluluskan akan dikuatkuasakan oleh kementerian. Soalnya sekarang yang akan kena ini ialah kilang-kilang yang berlesen tetapi baru-baru ini kita juga dipaparkan di dalam akhbar tentang kilang yang beroperasi tanpa lesen apatah lagi baru-baru ini yang berlaku di Lembah Klang yang mana kilang ini telah beroperasi begitu lama, telah mengeksport barang ini beberapa tahun yang tidak berlesen. Bagaimana pula masa depan atau juga sekiranya pekerja-pekerja ini kena kemalangan? Adakah Rang Undang-undang ini berkuat kuasa kepada premis-premis, kilang-kilang yang tidak berlesen yang banyak di dalam negara kita? Apa pendapat Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima Kasih Yang Berhormat bagi Jasin, sebenarnya saya pun nak masuk ke arah itu kerana dalam apa juga perlakuan kita, langkah pertama itu perlu kita perbetulkan. Jadi saya ingin menyarankan oleh kerana Yang Berhormat bagi Jasin meninggalkan dalam bentuk tanda soal, saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia supaya bukan hanya kilang-kilang yang mempunyai lesen yang mempunyai kebenaran untuk beroperasi di negara kita bahkan mana sahaja kilang-kilang yang tidak mempunyai kebenaran yang tumbuh seperti cendawan ini perlu didatangi oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini. Gunakan kuasa yang ada untuk mengambil tindakan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan ciri-ciri keselamatan ini dapat diambil tindakan dan diambil peranan oleh pihak kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Pahat bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua dia macam rumah api, orang Jepun kata [*bertutur bahasa Jepun*] yang dekat kita tidak nampak yang jauh sahaja kita nampak. Rumah api macam itulah kapal yang dekat tidak boleh dibantu kapal yang jauh dibantu tetapi silakan jugalah Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Kadang-kadang tidak hormat jiran. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bila bercerita berkenaan

pekerja-pekerja asing, kawasan Parlimen dan juga daerah Batu Pahat termasuk juga Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita merupakan kawasan perindustrian dan ramai pekerja asing sama ada dari Indonesia, Bangladesh, Vietnam dan sebagainya ada. Masalah yang timbul iaitu berkaitan dengan jikalau mereka ditimpa sesuatu kemalangan, ditimpa sesuatu musibah mereka akan datang sama ada ke klinik swasta atau klinik kerajaan.

Perkara utama ialah dalam segi kos rawatan. Bermakna kebanyakan daripada majikan-majikan tidak menyediakan kos rawatan yang mencukupi. Jadi adakah Yang Berhormat bagi Tangga Batu setuju, salah satu cara kita hendak memastikan keselamatan kesihatan perindustrian yang melibatkan pekerja-pekerja asing terutamanya yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita juga mesti mencadangkan kepada kerajaan melalui pihak kementerian supaya memastikan semua pekerja asing dicarumkan dalam SOCSO dan juga dicarumkan dalam KWSP sebagaimana yang telah saya sarankan dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu jawab sekali? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh. Hari ini banyak anak-anak kita daripada Batu Pahat dan Sri Gading, jadi saya izinkan dua-dua ini. Banyak kali pun tidak apa.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Kawasan perindustrian di sana bah!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, sila.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat satu perkara yang benar-benar berlaku. Soal kebajikan ini, soal pampasan, soal orang-orang Islam bekerja di industri yang bukan Islam, soal dia hendak beribadat sembahyang Jumaat. Dia datang berjumpa dengan kami, kami tanya dengan pegawai-pegawai tetapi jawapan yang konkrit tidak diperolehi. "Bagaimana Pak, kami kena begini-begini, bagaimana Pak?" Mengadu kepada saya dengan loghat dia, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu bukan loghat Sri Gadinglah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: "Gimana Pak kami mahu beribadat? Enggak boleh Pak". Ini dia punya loghat, saya jelaskan. Dia berjumpa, Tuan Yang di-Pertua, dia jumpa dengan penuh hormat dia jumpa wakil rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau daripada Bangladesh, macam mana Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bangladesh saya tidak dapat meniru cakap dia, Tuan Yang di-Pertua. Tidak dapat agaknya. *[Ketawa]* Mungkin Yang Berhormat bagi Tangga Batu boleh dapat macam mana agaknya Bangladesh pasal dia pun lebih kurang macam Bangladesh jugalah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Agaknyalah. Jadi agak sayalah. Minta

maaf Yang Berhormat bagi Tangga Batu ya. Agak-agak Yang Berhormat bagi Tangga Batu boleh cakap ini agaknye? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Bangladeshnya, “Amma, poh, sikre, sikre” [*Ketawa*] Ha, itu dia. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin bangun. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bagilah, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya. Ini sambungan daripada...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sambung lagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...sahabat kita, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya ingin hendak menanya juga kementerian. Bila kita sebut tentang buruh asing, hari ini buruh asing ini bukan tanggungjawab kilang, bukan tanggungjawab majikan. Hari ini sudah cara baru, kelulusan pengambilan pekerja asing diberi kepada syarikat yang ketiga, *outsourcing company*, dengan izin. *Outsourcing company* yang jaga kebajikan pekerja dan diagih-agihkan kepada kilang-kilang. Apa bila berlakunya kemalangan, ini tanggungjawab siapa sekarang ini? Adakah tanggungjawab kilang yang mana pekerja asing terdedah dengan kemalangan ataupun tanggungjawab *outsourcing company* yang membekalkan tenaga kerja dan yang menjaga kebajikan tenaga kerja? Apa pendapat Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Ini agak-agak sudah jauh, kita larilah, tetapi bagaimanapun saya percaya setiap peranan yang diberikan kepada mana-mana pihak sama ada pihak majikan ataupun pihak ketiga, apabila peranan dan tanggungjawab ini diletakkan di atas bahu mereka dan semestinya ia datang dengan tanggungjawab. Ia datang dengan perkara-perkara seperti apa yang berlaku kepada pekerja-pekerja tadi di bawah tanggungjawab dia perlu dipersoalkan kembali sama ada kepada pihak ketiga ataupun majikan.

Dalam hal ini saya percaya majikan di mana buruh asing tadi bekerja perlu menyediakan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Saya percaya jika premis di mana pekerja-pekerja asing bekerja tidak menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh JKPP, maka ia akan menjadi subjek kepada rang undang-undang tersebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Silakan Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya cuma hendak minta penjelasan. Kita bercakap soal

keselamatan kilang terutama kepada pekerja-pekerja yang bersangkutan dengan kilanglah tentang akta ini. Masalahnya ialah keselamatan pekerja. Kita tahu caruman dibuat kepada PERKESO ataupun SOCSO, saya hendak kaitkan sedikit tentang masalah akta ini berkaitan dengan jentera dan kilang, berkaitan dengan kebajikan pekerja, keselamatanlah kita cakap. Saya tidak hendak bercakap dari segi fizikalnya kerana kita tahu dari segi fizikalnya. Itulah merupakan badan lain yang akan membuat *inspection*, dengan izin.

Tetapi pekerja ini bila berlaku kemalangan, caruman dibuat kepada majikan. Majikan membuat caruman. Tetapi akhirnya caruman itu di mana? Pekerja tidak boleh buat tuntutan. Ini yang sering timbul. Di pihak kementerian, kita minta melihat apakah tindakan yang lebih berkesan ke atas mereka yang terlibat tetapi sukar untuk membuat tuntutan daripada SOCSO ataupun PERKESO. Ini selalu timbul masalah, caruman dibuat.

Saya bukan sahaja hendak bercakap soal tempoh masa hendak mendapat segala tuntutan yang mungkin mengambil masa tetapi barangkali sudah tiba masanya pihak kementerian melihat setiap majikan di mana pekerja telah mencarum. Banyak, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak sebut di sini, EPF sebagai salah satu, mereka mencarum tetapi akhirnya caruman tersebut tidak dibuat dengan betul sehinggalah pekerja terpaksa membuat aduan dan kompelin. Pemetongan dibuat tetapi carumannya tidak ada. Termasuklah juga dengan PERKESO ataupun SOCSO.

Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju dalam kita membincangkan pindaan Akta ini, pihak kementerian juga perlu bertindak dengan lebih tegas ke atas mereka yang gagal menunaikan segala tuntutan para pekerja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya setuju 102% tentang apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut dan saya percaya PERKESO ataupun SOCSO ini adalah merupakan satu badan yang sebenarnya perlu bertindak secara proaktif. Kalau kita lihat hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kemalangan sudah berlaku di tapak setahun, dua tahun, masih lagi tidak memperolehi pampasan dan inilah yang kita katakan tadi, kalau katakan semua pihak tidak kira sama ada mereka ini datang daripada Kementerian Sumber Manusia, agensi-agensi atau semua kementerian yang lain perlu melihat keselamatan dan kesihatan pekerja ini sebagai tajuk utama seperti yang dislogankan "Utamakan Keselamatan", "Safety First" di mana-mana.

Kalau inilah kita lakukan, saya percaya kesedaran ini akan timbul di kalangan majikan-majikan, jawatankuasa-jawatankuasa keselamatannya, pegawai-pegawai keselamatannya, pekerja-pekerjanya dan hasilnya nanti kemalangan tidak akan berlaku di tapak pekerjaan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kita juga hendak menanya supaya kementerian apabila Rang Undang-undang ini diluluskan, adakah kementerian mempunyai kakitangan yang cukup untuk melaksanakannya? Kerana selalunya bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu, apabila berlaku baru kita hendak ambil tindakan, kemalangan itu dan kita lihat apa yang berlaku tahun sudah ataupun awal tahun ini yang mana satu orang terbunuh, terhempap barang bangunan, mati, barulah kementerian hendak ambil tahu tentang ini dan kita tengok benda itu hanya setakat itu sahaja.

Baru-baru ini kita dapat berita lagi, kejadian yang kedua di tempat yang sama masih berulang berlaku lagi. Jadi bagaimana? Kita hendak tahu juga esok bagaimana kementerian ingin melaksanakan dan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini apabila diluluskan. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak pendapat apa lagi, Tuan Yang di-Pertua. Pendapatan sahaja belum dapat. Itu adalah satu yang kebenaran. Yang Berhormat bagi Jasin pula macam tahu yang saya akan menyebutkan kes ini yang berlaku di Ampang apabila seorang buruh binaan warga Indonesia maut selepas kepala dan badannya hancur berkecai dihempap besi keluli seberat 1.6 tan yang jatuh daripada bangunan yang sedang dalam pembinaan setinggi 32 tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan dijalankan oleh pihak JKKP dan mendapati bahawa, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada beri kenyataan di dalam kes ini dan siasatan mendapati bahawa syarikat yang memajukan projek tersebut tidak mementingkan aspek keselamatan ketika bekerja kerana membenarkan pekerjaanya bertugas di bawah kren yang sedang mengangkut beban yang berat.

Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Pahat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, 32 tingkat bangunan dengan beban seberat 1.6 tan, setelah siasatan dijalankan, didapati bahawa kabel yang memegang, menanggung beban tersebut tidak berupaya menanggung beban. Beban seberat itu dan putus disebabkan ketiadaan pemeriksaan keselamatan. Ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi adalah suatu kesalahan dosa yang besar oleh majikan yang kita tidak boleh ampunkan. Dukacitanya, berlaku sekali lagi seolah-olah nyawa manusia ini seperti nyawa serangga-serangga di hutan belantara. Silakan Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Apabila membicarakan berkenaan Rang Undang-undang ini, dia melibatkan dua sebenarnya. Yang pertamanya melibatkan kilang atau premis itu sendiri, yang kedua melibatkan pekerja. Kilang juga melibatkan keadaan dan juga melibatkan jentera. Jadi kita perhatikan

bahawa pihak kementerian banyak menekankan berkenaan keselamatan dan salah satu isu dibawa pada kali ini oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu ialah berkaitan dengan kesihatan.

Jadi, saya bila sebut kesihatan ini, dalam akta Rang Undang-undang ini ada menyatakan berkenaan penyakit-penyakit industri. Jadi apa sebenarnya penyakit-penyakit industri ini, jadi itu pun saya hendak minta penjelasanlah kalau Yang Berhormat bagi Tangga Batu boleh jelaskan, kalau tidak lontarkan kepada pihak kementerian untuk menjawab. Dan kita juga perhatikan keadaan-keadaan pesakit yang terlibat, melibatkan kemalangan secara fizikal. Secara patah tulang, cedera tangan, cedera kepala dan sebagainya. Bagaimanakah kesan dan juga tindakan serta perkara yang akan diambil oleh pihak kementerian kalau berkaitan dengan masalah-masalah yang melibatkan emosi, melibatkan psikologi, termasuk juga dengan yang buta mata, pekak telinga dan sebagainya. Minta Yang Berhormat bagi Tangga Batu berikan sedikit pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat bagi Batu Pahat ini dia tanya dia jawab sendiri. Tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju melantik saya sebagai pembantu Timbalan Menteri setuju melantik saya sebagai pembantu Timbalan Menteri, saya boleh jelaskan lagilah apakah penyakit-penyakit industri dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, selaras dengan akta yang kita bincang pada hari ini, saya ingin mengambil contoh, semua negara maju dan beberapa negara membangun dalam negara seluruh dunia, telah mempraktikkan iaitu setiap sama ada pengilang atau pun apa-apa industri diwajibkan melantik konsultan bahagian keselamatan, iaitu konsultan keselamatan projek, daripada luaran, bukan daripada syarikat yang berkenaan. Malangnya dalam negara kita, perkara yang seumpama ini tidak diimplementasikan, tidak dilaksanakan.

Jadi saya ingin mengajak Yang Berhormat bagi Tangga Batu, apakah Yang Berhormat Bagi Tangga Batu ingin membawa cadangan ini kepada kementerian supaya diwajibkan di negara kita, setiap syarikat-syarikat yang mempunyai kilang ke, projek ke dan sebagainya mereka mesti melantik konsultan projek keselamatan daripada luaran dan hari ini daripada Universiti Teknologi Malaysia, telah melahirkan beberapa graduan dalam bidang keselamatan bangunan dan projek ini. Tetapi mereka kesukaran mencari pekerjaan sebab tidak diwajibkan di negara kita, dan ada yang terpaksa pergi ke *South Africa*, ada yang pergi ke negara-negara Arab untuk menjelajah sedangkan mereka ini berkelayakan.

Jadi setujukah Yang Berhormat bagi Tangga Batu supaya akta ini kalau boleh ditambah bahawa setiap pengilang atau pun mana-mana institusi yang melaksanakan projek-projek mereka diwajibkan ada pegawai konsultan yang dilantik dan dibayar untuk memastikan bahawa

pekerja-pekerja dalam bangunan itu sentiasa selamat dari segi kebajikan mereka, keselamatan mereka dan kesihatan mereka seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya minta Yang Berhormat bagi Jasin sambung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, saya hendak sambung Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Di negeri maju yang lain, tanpa kelulusan daripada konsultan atau pun orang yang bertanggungjawab ini, kilang ini tidak dapat operasi, dan lebih-lebih lagi pada hari kita kena lihat benda ini. Kebanyakan kilang yang ada di dalam negara kita, atau berpindah daripada negeri lain, adalah kilang-kilang yang tidak lulus di negeri maju ini.

Oleh kerana syarat yang begitu ketat di Singapura, tentang *machine*, tentang keselamatan, oleh kerana susah dia hendak cari makan di Singapura, dia berhijrah ke negara kita, yang kurang berperaturan, bukan kita baru hendak buat ini. Dan juga banyak pada hari ini, kilang-kilang yang kita tengok terdedah kepada kemalangan, jadi sebelum benda yang besar ini berlaku, kematian yang begitu banyak tentang keselamatan kilang-kilang ini, kita berharap supaya kerajaan mengambil berat dan melaksanakan benar-benar Rang Undang-undang ini, bagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Silakan Yang Berhormat bagi Tangga Batu kalau hendak tambah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Dari apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi ialah tentang pelantikan jururunding-jururunding keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pembangun-pembangun atau pun pemaju-pemaju serta majikan-majikan yang memiliki tempat-tempat, premis-premis pekerjaan yang terdedah kepada bahaya dan juga risiko yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk melantik jururunding keselamatan disokong 100%. Dan kita percaya juga, bahawa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, bahawa undang-undang lengkap, segala-galanya telah ada di sana, cuma bagaimana kita ingin menguatkuasakan undang-undang yang telah kita tubuhkan tadi. Sebagainya contoh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Jasin, sebuah organisasi, sebuah premis pekerjaan mestilah mempunyai Polisi Keselamatannya. Hari ini kalau kita pergi *on the ground*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita lihat berapa banyak kah kilang-kilang sama ada yang berlesen atau yang haram, yang mempunyai Polisi Keselamatan ini.

Dan Polisi Keselamatan ini sebenarnya adalah ikrar majikan kepada pekerja-pekerjanya yang mereka keselamatan serta kesihatan mereka akan sentiasa diambil berat oleh pihak majikan. Antaranya ialah dengan cara melantik jururunding, dengan melantik pegawai-pegawai keselamatan, tetapi persoalannya sejauh manakah jururunding ini, sejauh manakah pegawai keselamatan ini dapat menghayati, dapat menghargai peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pegawai keselamatan, ha itu masalah dia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, persoalan yang kita hadapi, kerajaan tidak menetapkan bahawa pelantikan jururunding keselamatan ini sebagai wajib. Jadi mereka, syarikat-syarikat atau pengilang-pengilang ini mereka melantik *internal* daripada dalaman yang mereka bayar gaji. Jadi apabila dibayar gaji, sudah tentu apa pun tidak kena, pegawai itu akan ikut sahaja. Yang kita maksudkan bahawa kerajaan kena mandatori bahawa setiap pengilang apa juga projek yang dibangunkan, ianya hendaklah melantik pegawai konsultan keselamatan daripada luar dan dia yang *certified*, yang mengesahkan bahawa ini selamat, itu selamat dan sebagainya, kalau tidak mereka tidak boleh mendapat lesen untuk pengilang-pengilang atau projek yang mereka laksanakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya memang setuju Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya tidak kata saya tidak setuju. Boleh jadikan ianya satu mandatori, boleh menjadikan ianya satu kewajipan untuk melantik jururunding luaran konsultan kepada kilang tersebut untuk menasihatkan majikan, supaya mereka mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditetapkan oleh JKPP. Tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya mengatakan, segala peraturan, segala undang-undang yang diletakkan oleh JKPP ini amat lengkap. Tetapi sejauh manakah mereka ini boleh menghayati, sebenarnya peraturan yang diletakkan oleh JKPP ini akan menghasilkan sifar kemalangan di akhir hari nanti.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya minta abang Larut dulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Ini pandangan yang cukup bernas Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau belum ada sebab saya melihat kesihatan. Kesihatan diwajibkan ke atas semua restoran-restoran tempat makanan, baru dikeluarkan lesen. Itu sebelum dikeluarkan lesen, selepas dikeluarkan lesen kalau mereka tidak mengikut peraturan ini, dia boleh ditutup dahulu dua minggu ataupun dibatalkan lesen berkenaan kerana kita bimbang keracunan makanan Tuan Yang di-Pertua. Jadi sudah tiba masanya kalau belum ada lagi, kita wajibkan, ini keselamatan, diwajibkan secara mandatori.

Kalau kita ambil dadah, kita boleh hukum mandatori mereka yang boleh menyebabkan berlakunya memudaratkan kepada manusia sedangkan kemalangan keadaan sekitar, nyawa manusia kalau sudah ramai yang mati kita bimbang nanti ramai yang takut hendak bekerja. Jadi mungkin rakan-rakan kita sudah bersetuju supaya tiba masanya kementerian ini mensyaratkan satu peraturan bukan setakat untuk sebelum dikeluarkan kelulusan bahkan bila ada jururunding keselamatan ini untuk menentukan keselamatan kilang, mereka juga mesti memantau dalam perjalanan kilang tersebut jika juga berlaku penyelewengan boleh digantung sijil kelulusan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Sambung sedikit, sambung. Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih. Saya memang menyokong penuh apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Larut tetapi persoalannya adakah kita ini telah mempunyai dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan? Adakah kerajaan telah ada ataupun kementerian sudah ada dasar itu? Kalau dasarnya itu bila kita sudah kira 50 tahun merdeka adakah kita sudah mempunyai dasar atau tidak?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Larut, saya nampak kita tadi sudahlah terang lagi bersuluh. Sememangnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Larut itu amat tepat sekali dan kita boleh menyarankan kepada mana-mana kementerian yang mengeluarkan lesen. Sebagai contoh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan yang mengeluarkan lesen-lesen perniagaan, perdagangan dan perindustrian, boleh untuk menggantung lesen majikan-majikan ini jika mereka tidak cuba....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tambahan sedikit Yang Berhormat. Kalau boleh Yang Berhormat, bukan sahaja pengilang-pengilang bahkan syarikat-syarikat yang melibatkan jentera-jentera berat seperti bangunan, seperti jalan raya dan sebagainya mesti diwajibkan mereka melantik konsultan keselamatan sebab ini untuk melihat supaya tidak ramai pekerja yang terlibat dalam kemalangan sebab ada pakar keselamatan di situ dan dia boleh menentukan hala tuju pekerjaan seharian, pekerja-pekerja tetapi kita tidak ada undang-undang yang sedemikian dan perlu diwujudkan. Yang Berhormat setuju atau tidak untuk dikemukakan kepada menteri?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Setuju Yang Berhormat. Bila saya kata semua kementerian bermakna setiap perkara yang berlaku di tapak pekerjaan itu akan membuka risiko, peluang kepada kemalangan. Jadi seperti Yang Berhormat Kinabatangan sebut, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan umpamanya, pekerja-pekerja mereka yang mengangkat sampah pada setiap hari, duduk di belakang lori tanpa menggunakan sarung tangan yang sesuai, tanpa menggunakan tali pinggang keselamatan, berhadapan dengan sampah tidak menggunakan *face mask*, tidak menggunakan *goggle*, cermin mata dan sebagainya, ini secara nyata Tuan Yang di-Pertua.

Hari-hari angkat sampah. Kalau penyakit yang datang kepada mereka itu adalah hasil daripada kerja yang mereka lakukan hari-hari itu, apakah kementerian, apakah jabatan majlis-majlis daerah, majlis-majlis perbandaran hanya menutup sebelah mata? Tidak memberi perhatian kepada mereka? Ini berlaku, seolah-olah suatu dosa yang dimaafkan oleh semua pihak. JKKP...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan perlu mengambil tindakan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan ini jika kita mahu lihat keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini sebagai suatu perkara yang kita agungkan dan jika kita ingin melihat negara kita sebagai sebuah negara yang sihat dan selamat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran bangun.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya minta maaf kerana abang Jerai bangun tadi, berebut dengan Larut. Saya janji selepas Larut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak apa, tidak apa saya benarkan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya, Beluran lah dulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bagi-bagi.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tetapi ini bukan Akta 1988 ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Itu *printing error*, jangan jadi pembangkang. Okey terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya melihat akta ini dibuat lanjutan daripada beberapa kemalangan yang berlaku di tempat kerja dan kementerian mengambil tindakan proaktif untuk meletakkannya, memperbaikinya dari sudut undang-undang. Tetapi ada sudut penting yang harus dilihat oleh kementerian iaitu keupayaan penguatkuasaan kementerian itu sendiri untuk melaksanakan, memantau dan menentukan akta-akta yang ada termasuklah pindaan akta ini dikuatkuasakan sebaik boleh kementerian, jabatan yang bertanggungjawab di dalam kementerian.

Adakah Yang Berhormat melihat bahawa perkara ini juga harus diambil tindakan proaktif oleh kementerian untuk menentukan apa jua peraturan, undang-undang yang sedia ada itu termasuklah pindaan yang ada sekarang ini dapat dikuatkuasakan sebaiknya melalui penguatkuasaan yang cekap di pihak kementerian. Adakah itu menjadi isu yang dibawa oleh Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Beluran dan saya dapat melihat antara perkara pindaan yang dibawa oleh pihak kementerian telah menunjukkan yang bahawa pihak kementerian bersikap sedikit reaktif. Jadi saya amat setuju dengan Beluran supaya kementerian bertindak proaktif melihat apakah potensi, apakah risiko kemalangan yang bakal dihadapi oleh majikan, oleh pekerja, oleh orang ramai dan kita letakkannya sebagai satu cara untuk kita mencegah kemalangan daripada berlaku.

Memang benarlah dikatakan malang itu tidak berbau tetapi bagaimana cara kita mengatur gerak kerja kita, perangkaan kita, perancangan kita supaya menjurus kepada *zero accident*. Silakan Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat Tangga Batu bercakap panjang lebar dan memberi idea kepada rakan. Pada keseluruhan Yang Berhormat kita kena anggap pekerja-pekerja ini adalah

pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Walaupun orang kata pekerja kilang, depa kata macam-macam tetapi mereka adalah orang yang membangunkan ekonomi negara. Jadi keutamaan dari segi keselamatan, kesihatan harus dijaga dan dipelihara. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kalaulah saya seorang tauke saya keluar modal, saya ada duit. Saya keluar modal untuk perniagaan tetapi yang mengusahakan perniagaan saya itu adalah pekerja.

Tanpa pekerja, saya tidak boleh menjadi seorang usahawan yang berjaya, kita memerlukan pekerja. Kalau saya buka kilang saya memerlukan pekerja jadi pekerja ini harus kita jaga semacamnya kita jaga keluarga kita. Begitu juga kita beli bas, sebuah bas harga RM300, RM400 ribu. Yang memandu bas itu membawa RM300, RM400 ribu punya benda termasuklah yang duduk di dalam bas itu nilai nyawa dan sebagainya. Jadi betapa pentingnya pekerja kepada tauke-tauke dan juga kepada usahawan-usahawan. Jadi saya bersetuju dengan pindaan ini tetapi kita juga kena ingat bahawa macam tadi Yang Berhormat kata bahawa dia sudah ada dia sudah akur, sudah berjanji dan kadang-kadang benda ini terletak di kilang-kilang, cetak cukup besar cara keselamatan 1, 2, 3, 4, dan sebagainya ini telah diperuntukkan oleh pihak kementerian.

Tetapi kalaulah *enforcement*, jadi di sini saya hendak tanya pihak kementerian. Bagaimanakah cara-cara pihak kementerian untuk menguatkuasakan sama ada mempunyai tenaga kerja penguatkuasaan yang cukup atau tidak? Saya biasa menghadapi kes tertentu yang makan masa sampai empat tahun, tiga tahun untuk selesai. Saya biasa berhadapan dengan seorang ibu tunggal yang memang tidak boleh bekerja dan tidak diakui oleh SOCSO kerana kadang-kadang manusia itu sakit tetapi tidak nampak, tidak boleh dilihat kesakitannya dan dia tidak dapat apa, dia seorang ibu tunggal yang miskin.

Jadi macam mana? Di sini Yang Berhormat dari Tangga Batu, kita kena memastikan bahawa pihak kementerian, kita hendak lulus Rang Undang-undang ini tetapi dari segi penguatkuasaan itu macam mana? Boleh ke tidak boleh? Kalau tidak, apa sahaja Rang Undang-undang dia jadi macam itulah dan sebelum saya duduk saya hendak tanya kita bercakap pasal bekerja, pelajar-pelajar di universiti, di pusat-pusat pengajian tinggi. Dalam mereka belajar itu pun depa terlibat juga dalam jentera mesin dan sebagainya.

Macam di IKM (Institut Kemahiran Mara), di pusat-pusat latihan Mara, walaupun mereka ini pun juga sebagai pelatih yang akan menjadi pekerja di satu hari nanti. Dan kadang-kadang waktu latihan itu mereka terlibat dalam kemalangan-kemalangan seperti ini. Dan sebagai wakil rakyat di kampung daripada bendang, saya juga menghadapi masalah apabila pekerja-pekerja yang bawa traktor, bawa *harvester* biasa Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dia bawa *harvester* dok potong padi ini, tangan dia terlepas masuk pi dalam mesin itu, kudung. Apakah pembelaan kerana kadang-kadang tauke tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat. Tanyalah apa penjelasannya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi apakah Yang Berhormat bagi Tangga Batu bersetuju dengan pandangan saya supaya apa jua pun rang undang-undang diluluskan, pastikan *enforcement* itu berlaku. Maknanya pihak kementerian Yang Berhormat *make sure*, pastikan tenaga untuk menjalankan penguatkuasaan. Dan kalau, tadi Yang Berhormat kata Majlis-majlis Kerajaan Tempatan mereka ini juga pegawai yang bertanggungjawab sebagai kerajaan, mengkhianati rang undang-undang kita ini, saya ingat Yang Di-Pertua-Yang Di-Pertua ini harus digantung kerja, dipecat dan ditanggguh kenaikan gaji dan pangkat, ataupun kita bubuh dia dalam *cold room* atau peti ais kerana dia adalah pegawai yang tidak bertanggungjawab dan mengkhianati rakyat di bawah, anak-anak buah di bawah jagaannya. Yang Berhormat bagi Tangga Batu bersetuju dengan saya tidak?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mana saya tidak pernah setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai. Dalam ucapan Yang Berhormat bagi Jerai mesti sebut "ibu tunggal". Tidak tahulah kenapa tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi sebenarnya adalah rata-rata memberikan sekali lagi penekanan kepada pihak kementerian bahawa apa juga yang kita lakukan, penguatkuasaan adalah merupakan *critical success factor*. Faktor kejayaan kritikal kepada sesuatu usaha itu. Saya percaya Yang Berhormat bagi Jerai melalui pengalamannya kalau dilihat dalam konteks mewakili....

Datuk Abdul Ghafur bin Saleh [Kalabakan]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: petani-petani di bendang, memikirkan tentang risiko, peluang-peluang kemalangan yang bakal berlaku kepada petani-petani itu pun perlu diambil kira oleh pihak JKPP. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta Tangga Batu, terima kasih. Yang Berhormat, baru-baru ini di Dewan kita yang sama, dalam sesi yang lalu bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan, mempertontonkan kita video klip iaitu tajuk dia 'Penderitaan Mangsa Kemalangan'. Jelas bahawa beratus-ratus, beribu-ribu. Kita memang hendakkan pembangunan tetapi kita tidak hendak pembangunan itu meragut nyawa pekerja-pekerja kita disebabkan kecuaiannya tangan-tangan manusia dan juga ketidakprihatinan kementerian. 50 tahun sudah merdeka, soal sebegini tidak boleh difikir secara bijaksana? Apakah kementerian telah terkunci mati hati dia? Mata dia tidak terbuka lagi? Pancaindera diberi oleh Allah S.W.T tidak berfungsi lagi melihat ke arah bagaimana pekerja-pekerja kita ini manusia biasa dan mereka memberikan kemajuan kepada negara kita. Kenapa tidak dilaksanakan satu undang-undang yang kita cadangkan tadi, iaitu mandatori kepada pengilang-pengilang, kepada pemilik-pemilik projek syarikat besar melantik konsultan keselamatan dan meminta PBT-PBT melihat pekerja-pekerja mereka yang mengangkat sampah tidak bertopi keledar, tidak ber*mask*, bertopeng muka. Ini tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini tidak adil. Negara apa menuju negara maju kalau begini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat sudah berucap. Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, bukan berucap, baru dua minit. Yang berucap Yang Berhormat bagi Jerai, sepuluh minit saya kira, saya baru dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya minta Yang Berhormat bagi Tangga Batu membawa perhatian kerajaan supaya difikir secara bijaksana perkara ini. Kita tidak akan menuju wawasan negara maju Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita tidak berubah dan dalam Al-Quran, Allah S.W.T. memberi kita pesanan bahawa Dia tidak akan merubah sekelompok masyarakat itu melainkan masyarakat itu berubah. Dan kementerian ini harus berubah dan kita semua akan berubah, minta pandangan Yang Berhormat Bagi Tangga Batu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ustaz Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Membaca sepotong ayat Al-Quran].* Itu yang bahasa Arabnyalah.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebut itu ada kebenarannya dan saya sendiri melihat buku tersebut seolah-olah negara kita ini kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang sedang berperang seperti Iraq, Palestin, Afghanistan dan sebagainya. Kita di sini berperang dengan risiko-risiko kemalangan. Berperang dengan keadaan yang tidak terkawal, hingga menyebabkan ratusan kematian, ratusan kecederaan dan yang paling menyedihkan sekali ialah bagaimana cara kita menguruskan malapetaka ini di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin apa yang Yang Berhormat bagi Kinabatangan cuba sampaikan tadi adalah perlu adanya keseriusan dan ketegasan kita di dalam menangani isu-isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Larut ke Yang Berhormat bagi Jerai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit, sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju Yang Berhormat tentang pelaksanaan akta ini melainkan kalau majikan bertimbang rasa, tidak memikirkan keuntungan. Kerana kalau mereka mementingkan keuntungan, tidak memikirkan keselamatan pekerja, akhirnya bukan sahaja majikan yang rugi kalau ramai pekerja yang terlibat dengan kemalangan, bahkan negara kita juga akan hilang punca pendapatan. Jadi mungkin inilah yang perlu kita lihat supaya majikan

bertanggungjawab di atas keselamatan pekerja ini selain daripada tindakan kewajipan yang dilakukan oleh pihak kementerian.

Apakah Yang Berhormat setuju? Bukan hanya setakat mengaut keuntungan, tetapi juga melihat masa depan kebajikan pekerja itu untuk masa depan negara juga. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya setuju Yang Berhormat bagi Larut. Oleh kerana itulah di dalam pengurusan kecemerlangan apa juga organisasi, mereka telah meletakkan suatu kotak yang besar di dalam rangka, *frameworknya*, rangka kerjanya telah meletakkan suatu kotak yang besar bagaimana majikan tadi merealisasikan kemalangan sifar, merealisasikan konsep-konsep keselamatan, ciri-ciri keselamatan dihayati oleh pekerja-pekerja di mana pekerja majikan itu menyara mereka. Ini penting. Yang Berhormat bagi Larut, saya yakin telah meletakkan perkara ini sebagai satu kepentingan untuk negara mencapai negara maju.

Negara kita tidak akan menjadi negara maju. Saya ulangi, tidak akan jadi negara maju jika kita membiarkan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja ini tidak diambil perhatian. Kalau kita hendak jadi negara maju, kita lihat di mana-mana negara maju di Barat, di Timur, Jepun dan Korea. Jika kita hadir ke negara mereka, perkara yang pertama diperingatkan kepada kita ialah tentang keselamatan. Saya sendiri pernah berkursus di negara Jepun Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kekok apabila diperkenalkan dengan ciri-ciri keselamatan yang saya rasa agak mengawal pergerakan saya.

Umpamanya bila-bila masa kita ingin pergi ke tapak kerja, kita perlu mempunyai perkara keselamatan diri. Yang pertama, topi keledar keselamatan, *safety helmet*. Yang kedua, *safety boot* (kasut keselamatan) yang boleh menahan berat seberat satu tan. Yang ketiga, tali pinggang keselamatan. Tidak kira sama ada kita menaiki bangunan tinggi, sama ada menuruni lurah yang dalam, kita dibekalkan dengan tiga perkara keselamatan asas yang berupa *the last line of defend* kepada kemalangan. Inilah yang perlu dipertegakkan, yang perlu diperkemaskinikan supaya kita dapat merasai yang perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan ini dihayati oleh seluruh warga kerja di negara kita.

Hari ini kalau kita tengok di tepi jalan Tuan Yang di-Pertua, kita bawa kereta tiba-tiba ada orang tahan kita. Sudahlah menahan kita dengan hanya memakai *t-shirt*, seluar jeans yang koyak dan selipar di tengah jalan, kemudian kita lihat lori hantu, lori hantu ini keluar masuk yang mengangkut tanah. Pada hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mereka bukan menahan kita, mereka sepatutnya menahan lori ini jika jalan ini digunakan oleh pengguna-pengguna yang membayar cukai. Tetapi oleh kerana ketidakfahaman anggota kerja yang berkaitan dengan keselamatan tadi, kita ditahan sehingga mendesak jalan sesak berjam-jam lamanya berkilo meter jauhnya untuk melepaskan lori-lori hantu ini mengangkut tanah keluar dan masuk dari tapak binaan.

Ini silap faham tentang ciri keselamatan. Sepatutnya tahan lori hantu, benarkan pengguna-pengguna jalan raya lalu. Setelah tiada pengguna jalan raya, barulah dilepaskan lori

hantu mengangkut tanah tersebut. Ini semua yang kita nampak di tapak-tapak pembinaan. Berada di tepi jalan kita, tetapi di manakah elemen penguatkuasaan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Jerai dan sebagainya. Inilah yang saya katakan tadi bagaimana satu kesedaran perlu diberi bukan sahaja di peringkat anggota kerja, bahkan di peringkat majikan yang tertinggi.

Sejauh manakah kita telah menghukum mereka kerana kegagalan mereka tadi telah berlaku ratusan malah ribuan kemalangan di tapak. Berapa banyak kes-kes yang telah dibawa ke Mahkamah dan berapa banyak hukuman telah dikenakan, hukuman yang *deterrent*, hukuman yang punitif yang benar-benar mengajar majikan ini supaya tidak melakukan kesilapan yang sama dan tidak menjejaskan nyawa serta anggota badan pekerja-pekerja mereka di tapak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keselamatan ini amat penting bukan hanya kita boleh bawa ke Parlimen, diluluskan dan kemudian kita biarkan ianya sama ada berlaku atau tidak berlaku di tapak. Jika kita perlu melihat bagaimana struktur organisasi tadi, gagal untuk memainkan peranan kita dalam menguatkuasakan perkara-perkara berkaitan keselamatan di tapak kerja, kita perlu melihat dalam sudut yang lebih komprehensif. Jika perlu kita lantik konsultan, jururunding ataupun *out source* ataupun menswastakan keselamatan ini, sila lakukan asalkan keselamatan ini menjadi kenyataan.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai apabila beliau menyebut tajuk keselamatan ini perlu diberikan penekanan kepada anak-anak kita yang belajar di sekolah dan universiti supaya mereka menanamkan di fikiran mereka, keselamatan adalah perkara yang pertama dan jika gagal di peringkat universiti dalam tajuk keselamatan ini, jangan anugerahkan mereka sebarang bentuk sijil ataupun ijazah. Pastikan perkara keselamatan ini sekurang-kurangnya mengambil enam *credit hours* di peringkat-peringkat universiti sama ada mereka terlibat dengan pembangunan, perkilangan, kemajuan perumahan ataupun tidak, mereka perlu mengambil perkara-perkara, subjek-subjek yang berkaitan dengan keselamatan. Ini mungkin sedikit sebanyak dapat memperbaiki suasana keselamatan di tapak kerja pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak hendak cakap kerana kawan-kawan mengganggu kerana tajuk ini amat penting dan saya *quote* beberapa kes seperti juruteknik terbunuh yang baru kerja satu bulan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekolah Yang Berhormat tidak sebut.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Di sekolah pun banyak. Di sekolah pun banyak kes-kes yang berkaitan keselamatan.

Juruteknik ini Tuan Yang di-Pertua, pernah bekerja dengan saya di dalam Tenaga Nasional Berhad. Gaji bulan pertama..., datang daripada Yan, Kedah, belum dapat gaji yang pertama. Oleh kerana terlalu *enthusiast*, terlalu minat yang mendalam terhadap kerja-kerja pensuisan oleh Tenaga Nasional Berhad maka beliau yang tidak mempunyai pengetahuan yang

mendalam tentang keselamatan telah terbunuh apabila berlaku *flash over* di pencawang pembahagian utama Sungai Besi suatu ketika dahulu.

Yang menyedihkan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana perkara keselamatan ini dihayati dan dipraktikkan oleh organisasi-organisasi yang benar-benar perlu meletakkan keselamatan paling utama mengatasi segala-galanya. Syarikat rugi tidak apalah. Jangan ada pekerja kita yang mati di tempat kerja. Ini amat-amat menyedihkan.

Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem keselamatan Tenaga Nasional Berhad, mempunyai peringkat-peringkat daripada CEO nya sebagai *Signatory* kepada polisi keselamatan yang menjanjikan pekerja-pekerjanya akan bekerja di dalam ruang pekerjaan yang kondusif, yang sihat lagi menyelamatkan, turun ke bawah, polisi ini dihayati oleh berbagai-bagai peringkat. Apa yang berlaku seorang *authorize person*, orang yang mempunyai kuasa untuk melakukan pensuisan boleh mengarahkan kepada *competent person* atau orang yang cekap untuk melakukan pensuisan.

Bekerja dengan elektrik ini Yang Berhormat bagi Kuala Langat, lebih bahaya daripada bekerja mengejar komunis kerana komunis ini kelibatnya kita nampak. Elektrik ini tidak ada tetapi bila diusik jadi ada dan bayangkan untuk 240 volt kegunaan dalam rumah, kita pegang selama lima saat, kita akan jadi keras. Bagaimana dengan 11,000 volt, bagaimana dengan 33,000 volt dan bagaimana dengan 66,000 volt, 132,000 volt dan 275,000 volt? Sudah pasti kesilapan yang sedikit itu akan menjejaskan. Banyak kematian telah direkodkan. Rakan-rakan saya di dalam TNB umpama berperang dengan perkara-perkara keselamatan ini....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] : [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Jerai bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ada di antaranya yang meninggal dunia belum sempat menerima gaji pertama; ada di antaranya meninggal belum sempat melihat anak dalam kandungan. Ada di antaranya yang meninggalkan kita belum sempat menikah kali kedua. Ya, Jerai sila Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sungguh sayu dan sedih. Kadang-kadang ini telah ditakdirkan tetapi kita tidak boleh hanya menyerah kepada takdir. Kita kena berusaha, jadi maknanya kita kena berusaha supaya kemalangan-kemalangan ini dapat dielakkan.

Yang Berhormat, boleh tak saya tanya melalui Yang Berhormat kepada Timbalan Menteri yang ada pada hari ini...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh, boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau boleh cuba Yang Berhormat tanya kepada Timbalan Menteri, berapa banyak mesin-mesin ataupun kita kilang yang ada di Malaysia ini. Ini tidak pernah orang tanya, ini saya hendak tanya. Berapa banyak kilang yang telah dilesenkan sama ada kecil atau besar yang ada di negara kita, *boiler-boiler* ini berapa

banyak yang ada di negara kita Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dan adakan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tahu berapa banyak lif-lif yang ada di dalam negara kita.

Ini kita kena tahu juga supaya benda-benda ini melibatkan mesin, melibatkan jentera dan sebagainya. Begitu juga saya ingin tahu melalui Yang Berhormat bagi Tangga Batu, tadi kita bercakap berkenaan kemalangan, kemalangan, kemalangan tetapi saya tidak dapat angka iaitu angka kemalangan maut. Banyak mana yang telah mungkin dalam masa setahun atau dua tahun ini angka kemalangan maut yang telah berlaku seperti cacat kekal, ataupun cacat sementara.

Kadang-kadang kita tengok orang kudung. Kalau kita pergi ke Mekah, kata kalau orang kudung itu dia mencurilah dia dikerat tangan. Padahal kawan ini kudung kerana kena mesin sebab bekerja mencari makan bukan dia mencuri, jadi orang tuduh dia kata mencuri sahaja. Nanti aniaya kawan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat boleh berucap nanti, sampaikan masa Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Fasal lambat hendak tunggu Yang Berhormat bagi Tangga Batu habis, jadi saya pun kan? Tengah duduk mengarang hendak tanyalah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Satu lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat tanya sat, tahun 2002 hingga 2005 ini berapa banyakkah kemalangan-kemalangan yang telah berlaku di tapak-tapak binaan. Kita sebagai Wakil Rakyat kita kena tahu *figures* ini, angka-angka ini supaya kita dapat memperjelaskan kepada rakyat dan SOCSO ataupun PERKESO ini. SOSCO setakat ini berapa banyakkah mereka telah membayar ganti rugi, membayar pampasan dan sebagainya kepada pekerja-pekerja kita yang mendapat kemalangan dan mungkin soalan saya yang akhir melalui Yang Berhormat bagi Tangga Batu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir pada hari ini, berapa ramaikah pekerja-pekerja?

Bukan pelik tetapi memang soalan ini soalan yang patut saya tanya. Pekerja-pekerja yang di bawah jagaan kilang-kilang dan berapa pekerjakah, tak kiralah kadang-kadang pekerja asing apa semua ini pun kita anggap sebagai pekerja dan yang menjadi malangnya apabila pengilang itu mengambil pekerja pendatang tanpa izin dan dia mengharapkan pekerja ini sebagai *slave* ataupun hamba abdi dan mereka ini tidak berani melaporkan walau pun kemalangan yang melibatkan kematian kerana mereka ini adalah pendatang tanpa izin dan melakukan kesalahan.

Apakah pihak kementerian juga mengambil kira dan mengenal pasti kilang-kilang yang membawa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat mengambil alih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah Yang Berhormat bagi Tangga Batu bersetuju dengan pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kerana Yang Berhormat, hari ini saya dapat lihat dalam kampung saya, dalam kawasan saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: dalam kawasan saya di mana kilang dia tidak mahu ambil pekerja tempatan dengan memberi alasan yang berbagai-bagai atas alasan hendak ambil pekerja luar kerana mudah dikawal. Pekerja luar dia tidak pergi makan kenduri, dia tidak tengok kematian, dia cuma bekerja. Pekerja tempatan ini dia sekejap kenduri-kendera lah, sekejap sakit pening semua ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya pihak kementerian tolong bagi dekat kita fakta-fakta ini supaya boleh dijadikan kita sedikit ilmu pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada lagi empat topik Tuan Yang di-Pertua. Sekejap Yang Berhormat Maran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya teruskan ya? Saya jawab dahulu Jerai kemudian saya minta Yang Berhormat Maran. Jerai, saya percaya Kementerian mempunyai angka-angka ini. Pada saya pun pada tahun 2003 kita ada 653 kes maut berbanding dengan 183,293 kemalangan dilaporkan. Ini saya dapat di *internet* Timbalan Menteri jadi boleh bandingkan dengan data Kementerian. Pada tahun 2004, 569 kematian berbanding 189,569 kes yang dilaporkan. Data yes, salah satu daripada ciri-ciri penting keselamatan ialah *Data Aquisition. Accident reporting and investigation*, itu adalah ciri-ciri yang terpenting di dalam pengurusan keselamatan. Kalau ada accident tetapi tidak ada laporan saya jawab Jerai dah berilah. Kalau ada accident tiada laporan satu kesalahan yang besar. Ada accident ada laporan tetapi tiada tindakan tiada siasatan maka juga merupakan satu kesalahan yang besar di dalam industri keselamatan dan kesihatan ini. Jadi apa juga yang kita buat selagi ia tidak dicungkil hingga ke akar umbi sehingga kemalangan tadi tidak berlaku lagi adalah menjadi satu dosa yang besar kepada pegawai-pegawai yang berkaitan dengan keselamatan. Ini saya beritahu kepada pihak Kementerian JKPP supaya setiap *accident* yang berlaku ia pertama sekali perlu menerima laporan. Kalau hari ini Akta menetapkan 3, 7, 10 atau 14 hari selepas kemalangan berlaku ia

telah merupakan suatu kemaafan. Kemalangan yang berlaku perlu dilaporkan dalam masa 24 jam supaya boleh dilakukan siasatan dan tindakan terperinci boleh diambil termasuklah *accident* ataupun insiden *recall* nya mengingatkan pekerja-pekerja supaya tidak melakukan yang serupa. Ingat Tuan Yang di-Pertua, kemalangan besar ini tidak berlaku 'buk' terus berlaku macam itu sahaja, tidak. Mengikut falsafah keselamatan, satu kemalangan besar berlaku disebabkan ribuan siri kemalangan kecil yang menunjukkan kemalangan besar itu akan berlaku dan tidak diambil perhatian oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dengan keselamatan. Hari ini dia dengar bunyi *hissing sound "syhhh"* minggu depan dia nampak ada *spark* tetapi laporan ini tidak diambil. Laporan ini tidak diberi perhatian oleh pegawai-pegawai keselamatan dan akhirnya berlaku letupan dan letupan itu menyebabkan kehilangan nyawa, harta benda dan anggota badan. Inilah kesalahan yang paling besar pegawai keselamatan apabila tidak melaporkan kemalangan-kemalangan ataupun risiko-risiko ataupun *potential accident* keupayaan untuk berlaku kemalangan itu kepada pegawai yang bertanggungjawab. Ini adalah amat penting kalau pegawai keselamatan tidak sedar peranan dan tanggungjawab mereka melaporkan insiden-insiden kecil ini ribuan dan ratusan insiden kecil ini yang menjurus kepada kemalangan besar tadi tindakan perlu diambil kepadanya hatta dipenjarakan. Jika ini berlaku saya yakin kesedaran akan wujud akan timbul di kalangan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terus kepada keselamatan. Yang Berhormat Maran, silakan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Kalau kita lihat daripada statistik atau perangkaan kemalangan ini memang besar berlaku di negara kita ini. Walaupun kita pernah dimaklumkan ada sedikit penurunan tetapi ini menunjukkan bahawa pekerja-pekerja kilang kita mungkin kurang kesedaran tentang kemalangan ini. Apakah kita tidak bercadang ataupun kita minta Kementerian mencadangkan. Setakat ini kita hendak tahu berapakah jumlah *road show* ataupun kempen-kempen yang dilakukan oleh Kementerian kepada pekerja-pekerja kita. Tadi Yang Berhormat Jerai menyebutkan ada kemalangan yang berlaku ke atas petani-petani, pembajak-pembajak dan juga di tempat-tempat lain. Apa salahnya kita buat kempen kesedaran kemalangan ini dilakukan di luar. Saya takut kempen ini dilakukan di kilang-kilang sahaja. Apabila pekerja kilang dipilih dan dilantik maka masa itulah latihan, kesedaran dan kempen diadakan kepada pekerja kilang sedangkan benda ini meluas. Apa salahnya kalau kita mengadakan kempen-kempen seperti Kempen Keselamatan Jalan Raya. Makna kemalangan jalan raya berlaku kita mengadakan kempen di merata-rata tempat termasuk di kampung-kampung, di universiti-universiti dan sekolah-sekolah supaya boleh memberikan kesedaran kepada mereka. Saya minta supaya Yang Berhormat bertanya kepada Kementerian sejauh mana *road show* telah dibuat, bukan sahaja di kilang-kilang sahaja tetapi di luar dan apakah tindakan lain yang boleh diambil oleh Kementerian supaya masalah kemalangan yang kita anggap besar ini yang merugikan bukan

sahaja kepada kilang itu sendiri tetapi kepada negara. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya bersetujulah. Oleh kerana Yang Berhormat Maran minta saya bertanya kepada Kementerian maka saya bertanyalah, sejauh manakah *road show*, sejauh manakah kempen-kempen, sejauh manakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian. Tetapi Yang Berhormat saya yakin Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri telah melaksanakan tugas tersebut. Kita kena ingat dalam perkara keselamatan kempen adalah merupakan satu perkara yang perlu tetapi ia tidak boleh bersifat keraian, ia tidak boleh bersifat *ceremonial*. Kita perlu objektif, kita perlu tepat untuk berkempen supaya kempen tadi boleh mencipta kesedaran tentang keselamatan kepada pekerja-pekerja. Boleh mencipta kesedaran betapa pentingnya kesihatan dan keselamatan kepada majikan-majikan. Jika kempen ini hanya bersifat memenuhi ruang ataupun melepaskan batuk di tangga nescaya kesannya tidak akan sampai ke bawah. Saya yakin kalau Timbalan Menteri menjawab nanti memang banyak kempen-kempen dan ia tidak boleh kita menjadikannya sebagai satu ukuran kepada kejayaan penghayatan ciri-ciri keselamatan di tapak kerja. Kejayaan ciri-ciri keselamatan di tempat kerja adalah *zero accident* (kemalangan sifar). Hendak dapat kemalangan sifar bukannya satu perkara yang boleh dilakukan dengan hanya bercakap 'omong kosong' (*rhetoric*), tidak. Ini perlu pertama sekali kesedaran, turun ke bawah memberi kesedaran bahawa setiap individu di dalam premis pekerjaan ini tidak akan terlepas daripada risiko-risiko bahaya pekerjaan dan bagaimana mereka perlu menterjemahkan kefahaman mereka dengan tindakan mereka di hari-hari pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena beritahu *worst case scenario* (senario kes yang terburuk). Pernah suatu ketika suatu *bold* 3-4 dalam lori diletak dan tidak diangkat oleh pekerja tidak kemaskan mengikut ciri-ciri pertama di dalam kategori keselamatan *premises and housing keeping*, ini yang pertama. Yang kedua *personal mechanical and electrical safe guarding*. Yang ketiga *fire protection and prevention*. Yang keempat *accident reporting and investigation*. Yang kelima *safety organization*. Ini lima kategori penting yang perlu diberikan perhatian bukan sahaja oleh pegawai-pegawai keselamatan, bukan sahaja oleh Jururunding-jururunding Keselamatan bahkan ketua-ketua kepada organisasi tersebut.

Ini hendak cerita pasal *premises and house keeping*. Falsafahnya Tuan Yang di-Pertua,
.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ... sekejap Jasin, saya takut terlupa kerana ini penting. Falsafahnya *everything has its place every place has its things*. Itu falsafah

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dengan izin Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya? Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Semua perkara ada tempatnya dan semua tempat ada perkaranya. Di sinilah baru datang cara-cara melaksanakannya seperti 5S, *seiri, seiso, seiton, sesises, sesike*. Ini orang

Jepun. Susun, asing, atur disiplin dan tindakan. Ini baru datang. Bila ada perkara-perkara ini barulah kita dapat melihat yang *spanner* di tempat *spanner* nya, yang *wrench* ada di tempat *wrench*nya, ada *hammer* ada di tempat *hammer* nya dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Barulah kita dapat rasakan sebenarnya keselamatan itu hidup di dalam tempat kerja kita. Ini konsep *premises and house keeping* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Silakan Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tangga Batu. Hebat, Timbalan Majlis Belia Malaysia, hebat. Itulah kalau mendengar apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tangga Batu. Tetapi kita lihat sekarang bagaimana kedudukan kita pada hari ini.

Sehinggakan di kilang-kilang *safety shoes* dengan izin, *very simple* Tuan Yang di-Pertua *safety shoes* pun kita belum dapat menguatkuasakan lagi, apatah lagi *helmet, safety helmet*. So, kita kena bermula dengan benda yang mudah. Belum lagi yang disebut oleh lima perkara oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, yang *basic* ini pun kita masih lagi belum dapat kita laksanakan dan kita kuatkuasakan. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya memang amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin. *Safety shoes* (kasut keselamatan) itu, ia bukan sahaja boleh menahan beban yang beratnya melebihi satu tan. Tetapi juga ia bisa merentangi minyak-minyak. Itu satu, dan ia jatuh di bawah kategori dua, Tuan Yang di-Pertua. *Personnel, mechanical and electrical safeguarding*. Itu, itu yang saya sebut tadi. *The last line of defend*. Dengan kasut itulah, boleh menyelamatkan kaki pekerja-pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Termasuk kilang keropok Yang Berhormat?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Termasuk kilang keropok kena pakai.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kilang keropok? Kalau kilang keropok itu mempunyai jentera-jentera yang berat melebihi satu tan, sebab apa kemalangan tidak berbau. Kemalangan tidak berbau dan jika berlaku kemalangan, ia mungkin akan terkena kaki pekerja dan menyebabkan pekerja hilang keupayaan untuk berjalan kaki. Tuan Yang di-Pertua, itu saya kata, keropok digoreng pakai minyak, dan kasut ini bukan sahaja boleh menahan berat satu tan, tetapi ia juga boleh merentangi minyak. Ia tidak licin. Kilang keropok ada goreng minyak.

Minyak tumpah bila berjalan, pakai kasut ini ia tidak licin. Kalau licin, mungkin spinal lari ke, lutut lari ke, ini yang akan risiko yang bakal dihadapi. Bukan itu sahaja Yang Berhormat bagi Jasin kerana mengingatkan saya. Tuan Yang di-Pertua, bayangkan bagaimana *personnel safeguarding* ini boleh menyelamatkan nyawa pekerja-pekerja kita. Jika berlaku kemalangan yang tidak diduga, umpamanya kalau di sini, kita tengok pun rasa ngerilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ayer Hitam bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bumbung, bumbung runtuh. Bumbung boleh runtuh. Tadi kita bercakap *personnel safeguarding*, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sekejap. Ini kita bercakap tentang *premises housekeeping*, bumbung boleh runtuh. Bumbung tempat bekerja ini, tengah bekerja, ini boleh runtuh. Ini apa ini? Bumi *trap* ke? Hendak menangkap pekerja-pekerja ke? Memerangkap pekerja-pekerja. Satu keadaan yang begitu mengecewakan. Tidak usah dikaji struktur bangunan itu, kita kaji pula siapa yang membinanya? Adakah mereka mematuhi peraturan-peraturan keselamatan? Bangunan ini pula bernilai jutaan ringgit, Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh sebut, nanti saya sebutkan. Bagi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dahulu bercakap.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya sungguh tertarik dengan hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebagai bekas Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran, saya hendak bertanya fungsi Jabatan Kilang dan Jentera ini, adakah mereka ini sering dioptimalkan oleh pihak berkuasa dan saya melihat kilang-kilang, apabila kita hendak mendirikan sebuah kilang, masukkan jentera, nampaknya jabatan ini tidak dirujuk. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Adakah sampai masanya kita memikirkan bahawa ia sepatutnya dirujuk? Kalau apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dari segi reka bentuk sudah silap dan saya tidak fikir kalau bumbung itu jatuh, itu adalah bukan bidang kuasa Jabatan Kilang dan Jentera. Kerana keselamatan bangunan itu sendiri mungkin berlainan dengan apa yang kita maksudkan di sini, apa yang dibahaskan di sini. Itu lebih tertumpu pada *machinery* ataupun jentera yang hendak diletak di dalam kawasan kilang itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dan pengalaman Yang Berhormat, adakah Jabatan Kilang dan Jentera ini sepatutnya diberi satu tanggungjawab yang lebih besar dalam kita memproses sesuatu permohonan, khususnya industri.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah, itu kira Ketua Kerajaan Tempatan jugalah. Saya tidak pernah kacau tugas Yang di-Pertua sekarang ini lah. Saya benarkan dia melaksanakan tugas dengan baik. Kalau saya kacau, mungkin akan mengganggu peranan dan tanggungjawab dia sebagai Yang di-Pertua Majlis Perbandaran. Ini yang saya nak ingatkan kepada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. *[Disampuk]*. Ya? Pantau pun tidak boleh. Sebenarnya kita dah bagi dia tugas, kita benarkan. Masa saya dah habis dah. Tiga tahun setengah saya jadi Yang di-Pertua, masa ada kuasa saya buat kerja. Dah tidak ada kuasa, apa hendak buat kerja lagi Tuan Yang di-Pertua? Dan saya tahu dia ada acuan dia, dan saya tahu ke mana dia hendak bawa, Kerajaan Tempatan Alor Gajah ini. Ke satu tempat satu hari nantilah. Ini tidak ada apa-apa. *No prejudice*, tidak ada prasangka, Tuan Yang di-Pertua. Apa cerita tadi? *[Disampuk]*. Oh cerita itu. Ya, okey. Cerita tentang macam mana Yang Berhormat bagi Ayer Hitam boleh kata, yang keselamatan pekerjaan, keselamatan binaan itu semua tidak tertakluk di dalam Akta ini? Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dekat sini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Bukan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sebenarnya apa yang saya kata Yang Berhormat, kalau bumbung itu jatuh, bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Kilang dan Jentera. Itu keselamatan dari segi struktur di mana mereka bukanlah inspektor bangunan. Jadi dia berlainan sedikit dengan fungsi Jabatan Kilang dan Jentera. Itu yang saya maksudkan, bukan saya kata tidak boleh melihat dari segi aspek itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, okey saya setuju. Itu dari segi struktur bangunan. Yang Berhormat sebagai jurutera awam, dia memang faham benda itu. Tetapi aspek keselamatan pekerja tadi itu, adalah di bawah pertanggungjawaban JKPP. JKPP, apabila datang hadir melakukan pemeriksaan, adakah pekerja-pekerja majikan ini bekerja di dalam suasana yang kondusif, yang selamat lagi menyelamatkan?

Maka, salah satu daripada kategori *premises and housekeeping* itu tadi, terpaksa melihat ruang pekerjaannya. Kerusi yang didudukinya. Adakah ia *ergonomically fit*? Adakah ia sesuai dengan *ergonomics*? Adakah cahaya yang digunakan itu menepati keperluan mata supaya mata tidak menjadi rosak? Adakah alat yang digunakan itu untuk bekerja setelah digunakan sekian lama akan merosakkan jarinya? Adakah udara yang dihidu di dalam bangunan itu boleh memberi ruang kesihatan yang cukup untuk pekerja-pekerja? Jadi ini semua terperinci, adakah...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, boleh beri penjelasan sedikit. Sebab Yang Berhormat menerangkan, tadi saya faham dari segi konsep. Kalau kata tidak terang itu, kena terangkan. Jadi, apabila kita memasang lampu, adakah selepas satu pengusaha kilang itu pasang lampu, minta JKPP datang siasat? Datang membuat pemeriksaan? Itu mungkin tidak ada dalam peruntukan yang ada sekarang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu yang saya akan jawab selepas ini. Itu mungkin saya jawab selepas ini. Jadi, segala aspek-aspek, ciri-ciri yang saya sebutkan tadi, perlu ada dalam senarai semak pegawai-pegawai sama ada dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, ataupun yang dilantik olehnya perlu menyemak berapa *luminance*. Berapa *candle light per meter*? Cahaya yang perlu ada di dalam kilang tersebut supaya pekerja tidak akan mengalami kerosakan penglihatannya. Perlu melihat sejauh manakah udara yang dihidu oleh pekerja-pekerja di kilang tersebut boleh menyebabkan pekerja-pekerja menghidapi penyakit yang berkaitan paru-paru dan sistem pernafasan.

Perlu melihat jalan yang digunakan oleh pekerja-pekerja tersebut sama ada, adakah *barricadenya*? Adakah *demarcationnya*? Adakah jalan itu jalan yang selamat, tidak ada *tripping hazardnya*. Tidak ada tunggul yang boleh ataupun tangga yang menyebabkan tidak nampak. Kalau ada perlu ada, *contingencynya*. Perlu ada ciri-ciri yang bagaimana mereka boleh bergantung jika berlaku kemalangan. Contohnya berapa ramai di antara kita yang sedar mata tangga melebihi tiga anak mata perlu ada pegangan, *handrail*. Perlu ada pegangan tangan.

Tidak ramai di antara kita yang sedar dan banyak kilang-kilang yang kita pergi, banyak premis-premis pekerjaan yang kita lawati, tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan ini.

Berapa banyak yang kita boleh lihat jika ketinggian, ketinggian lantai di atas kepala kita kurang dari enam kaki perlu ada suatu zebra, kuning hitam. Apa dipanggil? Belang-belang hitam kuning. Perlu ada tanda mengingatkan '*watch your head*', 'jaga, awas kepala anda' dan sebagainya. Inilah perkara-perkara yang kita rasa belum sampai ke peringkat kecemerlangan Tuan Yang di-Pertua. Belum sampai ke peringkat yang ia terbina di dalam diri kita. Belum sampai ke peringkat yang kita rasakan tidak menjadi budaya, tidak menjadi *culture* kepada kita memberikan kepentingan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak habiskan atau hendak sambung.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya hendak sambung lagi Tuan Yang di-Pertua, fasal banyak lagi saya hendak cerita. TNB separuh jalan, cerita ini separuh jalan. Biar saya sambung, kalau kawan-kawan hendak celah, celahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau petang hendak sambung, lebih kurang 10-15 minit Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sekian sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung 10-15 minit, petang Yang Berhormat tidak apa.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Tangga Batu untuk menyambung ucapan perbahasan. Silakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Seperti mana yang saya sebutkan sebelum kita berhenti rehat sebentar tadi ialah tentang betapa pentingnya *safety organization* ataupun organisasi keselamatan di dalam usaha kementerian sama ada di peringkat agensinya iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di dalam menentukan supaya perkara-perkara keselamatan ini diberikan penghayatan dan penghargaan yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil contoh bagaimana di dalam pihak Kementerian memberikan perhatian kepada syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang yang mempunyai tenaga pekerja yang kecil. Beberapa organisasi yang besar di hadapan mata kita Tuan Yang di-Pertua, telah melakukan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan Akta Keselamatan Kesihatan Pekerjaan ini. Antaranya kita mengambil contoh, pada bulan April yang lepas, sebuah tangki minyak milik syarikat gergasi negara kita Petronas telah terbakar disebabkan oleh sambaran petir. Pertama kita perlu melihat adakah kemalangan ini telah dilaporkan dan siasatan telah dilaksanakan secara terperinci supaya ia tidak berlaku lagi.

Pertama, kita lihat dari segi pembinaan tangki minyak itu sendiri. Adakah ia telah mematuhi perkara-perkara keselamatan untuk sebuah tangki minyak dibina? Bagaimana dengan perangkap kilatnya? Bagaimana dengan pembumiannya? Apakah struktur tanahnya? Adakah bahan-bahan yang digunakan adalah bahan-bahan yang kalis kebakaran, kalis api? Adakah siasatan ataupun pemeriksaan dilakukan secara berkala? Walaupun ia hanya dilakukan apabila terdapat perkara-perkara yang janggal, yang *irregular*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Di sini kita dapat lihat bukan sahaja tangki minyak Petronas itu telah terbakar tetapi kita juga dapat lihat pengurusan *Emergency Response Plan* nya. Pengurusan Pengawasan Kecemasan/Kebakaran adalah tidak menampakkan yang organisasi Petronas yang besar, syarikat milik negara ini memberikan perhatian kepada perkara-perkara berkaitan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, yang peliknya pada ketika itu tidak ada satu pegawai keselamatan pun sama ada di peringkat CEO Petronas hinggalah ke peringkat pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terus kepada aspek keselamatan ini menampakkan yang sebenarnya bertanggungjawab untuk mengurus kebakaran itu adalah di bahu mereka. Apa berlaku Tuan Yang di-Pertua? *Fire Briged*, Pasukan Pelawan Api daripada Singapura terpaksa dipanggil untuk mengawal kebakaran yang berlaku ke atas syarikat milik kebanggaan negara kita. Ini adalah satu perkara yang sungguh memalukan dan ia menjadikan kita sebagai seolah-olah mempamerkan negara kita ini langsung tidak memberikan perhatian kepada perkara-perkara yang sensitif sebegini rupa. Sedangkan di dalam Peraturan Keselamatan meletakkan *fire protection*, perlindungan api dan *investigation*, dan siasatan ini adalah sebagai perkara ketiga paling penting di dalam struktur organisasi keselamatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan tadi bagaimana sikap kita memandang kepada isu-isu keselamatan ini. Kalau kita memandangnya sebagai satu perkara lain yang hanya perlu diambil tindakan apabila kita terhantuk, maka janganlah harap untuk kita mencapai sebuah negara yang persekitarannya begitu *conducive* kepada perkara-perkara keselamatan ini. Dan hasilnya Tuan Yang di-Pertua, angka 600, 700, 800 kematian setahun tadi tidak akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya katakan begitu? Kerana di dalam Akta jelas mengatakan sesebuah syarikat itu mestilah mempunyai pertama sekali *safety policy* nya, (polisi keselamatan). Yang mana di dalam polisi keselamatan tadi meletakkan tanggungjawab majikan

sama ada dia seorang pengarah urusan, sama ada dia seorang ketua pegawai eksekutif, perlu bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang boleh mendatangkan risiko kemalangan kepada pekerja-pekerjanya. Kalau polisi ini tidak ditandatangani oleh pengarah urusan, oleh ketua-ketua sebuah syarikat itu maka syarikat itu perlu diambil tindakan dan hukumannya adalah tidak kurang daripada RM50 ribu dan dua tahun penjara. Hari ini kita tanya diri kita apa tindakan yang kita ambil kepada syarikat milik negara ini? Apa tindakan yang telah kita kenakan kepada mereka? Adakah CEO syarikat ini telah dibawa ke mahkamah untuk diadili supaya mereka faham benar-benar tanggungjawab mereka amat besar di dalam memastikan setiap anggota kerjanya sentiasa berada di dalam keadaan yang sihat, yang selamat lagi menyelamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, itu baru *safety policy* nya, itu baru dasar keselamatannya. Belum lagi kita melihat bagaimana syarikat tadi membentuk Jawatankuasa Keselamatannya. Dan Jawatankuasa Keselamatan ini perlu mengadakan mesyuarat secara berkala, menerima laporan daripada anak-anak buah tentang ciri-ciri kemalangan besar yang bakal berlaku. Saya dah sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, suatu kemalangan besar itu akan berlaku disebabkan oleh ribuan kemalangan-kemalangan kecil yang berikan petanda awal akan berlakunya kemalangan. Jangan kita kata, "Ya mungkin kemalangan tidak berbau, kemalangan tidak berbau". Kalau kita berpegang kepada konsep "malang tidak berbau" ini, nescaya kita tidak akan melakukan apa juga tindakan. Sedarlah.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena sedar bahawa setiap kemalangan yang besar itu berlaku adalah urutan peristiwa kemalangan-kemalangan kecil. Dan bagaimana kita bertindak terhadap kemalangan-kemalangan kecil ini supaya tidak berlakunya kemalangan yang besar yang mungkin nanti akan meragut nyawa, kehilangan harta benda dan juga anggota badan kita. Hari ini, kita mahu lihat kalau boleh pihak kementerian memberikan kita satu senarai, dibentangkan di Dewan yang mulia ini betapa organisasi-organisasi besar akan diikuti oleh organisasi-organisasi kecil yang telah melantik Jawatankuasa Keselamatan mereka yang telah mengadakan mesyuarat, perbincangan bagaimana mereka boleh mencipta suasana persekitaran kerja yang selamat lagi menyelamatkan bagi anggota kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu telah membentuk satu jawatankuasa telah mengadakan terma-terma rujukan mereka baru diadakan pegawai-pegawai keselamatan. Setakat ini memang benar akta telah menyatakan segala-galanya. Tetapi adakah pegawai-pegawai keselamatan ini arif, adakah pegawai-pegawai keselamatan ini faham tentang tugas dan peranan serta tanggungjawab mereka di dalam memastikan setiap masa dan ketika risiko yang ada di dalam kawasan kerja mereka itu telah dikira *calculated risk* faham dan arif dan apakah tindakan mereka supaya risiko itu tidak akan menjadi kemalangan yang besar. Apabila telah menjadi kemalangan yang besar, 'kita terhantuk baru hendak mengadiah'. In adalah satu dosa yang tidak dapat dimaafkan.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kemalangan-kemalangan yang berlaku di negara kita adalah telah menunjukkan bahawa 90% disebabkan oleh kelalaian dan kealpaan

pihak majikan di dalam memastikan pekerja-pekerjanya memahami serta menghayati ciri polisi keselamatan yang disediakan oleh syarikat serta organisasi yang mereka bekerja. Jika setiap anggota kerja, jika setiap warga kerja yang benar-benar faham dan menghayati polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini yakinlah tidak ada kemalangan akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Parit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya silakan Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Selain daripada mempunyai pegawai keselamatan yang cekap di dalam kilang masing-masing, Yang Berhormat kita telah mendengar penjelasan daripada menteri semalam berkaitan dengan akta ini ada fasal baru yang memberi kuasa kepada selain daripada pegawai daripada Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan iaitu ketua pemeriksa kilang, akta di bawah pindaan ini juga memberi kuasa pada orang yang memberi kuasa kepada orang yang memberi lesen untuk memeriksa kilang-kilang itu.

Jadi menjadi kerisauan saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu sekiranya pemeriksaan ini dibuat oleh pihak swasta atau pihak yang diberi lesen saya bimbang keupayaan mereka untuk membuat penilaian dan pemerhatian yang secukupnya kerana kerisauan saya ialah kerana mereka mungkin tidak mempunyai kepakaran seperti mana pegawai daripada jabatan kesihatan dan keselamatan pekerjaan dan sekiranya ini berlaku maka matlamat kerajaan untuk menjamin wujudnya keadaan kesihatan dan keselamatan di kilang-kilang itu mungkin tidak mencapai matlamat. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu berkenaan dengan pindaan kepada perkara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Itulah sebabnya apabila kita ingin melantik sama ada ia merupakan pihak yang bertanggungjawab terus di dalam premis pekerjaan tersebut ataupun pihak ketiga yang akan memberikan garis panduan tentang prosedur keselamatan di dalam premis tersebut perlulah mempunyai kefahaman yang begitu tinggi dan juga mempunyai sijil yang tertentu di dalam bidang-bidang keselamatan kerana topik keselamatan ini adalah merupakan topik yang paling penting di dalam bukan sahaja memastikan keselamatan dan kesihatan ini berlaku di tapak kerja tetapi juga ia akan meningkatkan produktiviti pengeluaran tersebut dan juga dapat mengurangkan pembaziran.

Jadi oleh kerana itu kuasa yang diberi kepada menteri untuk melantik pihak-pihak berkuasa keselamatan ini perlu diberikan penelitian supaya wakil-wakil yang dilantik oleh pihak menteri ini adalah mereka yang benar-benar boleh mengambil tindakan serta bukan sahaja mengambil tindakan tetapi boleh membawa kepada sehingga hukuman yang literal hukuman yang punitif yang benar-benar menghukum supaya kemalangan yang sama tidak berlaku lagi.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan ini kerana telah dirakamkan dua hingga tiga kemalangan yang sama berlaku di tempat yang sama dan melibatkan kecelakaan yang sama. Di Ampang Tuan Yang di-Pertua, kabel gantung beban seberat 1.6 tan putus. Dua kali berlaku Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah tidak dapat kita maafkan. Silakan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kemalangan ini seperti Yang Berhormat sebutkan sebenarnya malang tidak berbau. Tapi sering kali kita ini lebih bersifat *reactive*. Maksudnya ialah bila sesuatu kemalangan itu berlaku baru kita akan mengambil tindakan seperti yang pernah berlaku ataupun yang telah berlaku di Pasir Gudang dan sebelum itu pun pernah berlaku di Terengganu. Letupan di sana sini, kemalangan akan berlaku.

Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat, tidakkah wajar supaya satu bentuk kalendar ataupun jadual di mana pemeriksaan itu pada satu-satu kawasan kilang yang berisiko kilang yang kita jelas seperti kata Yang Berhormat tadi ada yang telah berlaku beberapa kali di situ dan mungkin akan berlaku lagi seperti kita nampak di situ tidak ada satu bentuk pemeriksaan pemantauan secara berkala dan kita pun ingin bertanya seperti apa yang telah berlaku di Pasir Gudang agaknya ada atau tidak pemeriksaan sebelum itu yang telah dilakukan dalam konteks keselamatan ini.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah wajar atau tidak supaya satu bentuk jadual kerja khususnya dari segi keselamatan pemeriksaan terhadap kilang ataupun kawasan-kawasan yang menggunakan jentera yang besar itu dilakukan daripada semasa ke semasa. Perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, saya melihat daripada fasal ini, dia ada dua aspek yang penting dalam kita bekerja ini iaitu ganjaran dengan dendaan. Dengan adanya ganjaran itu maka biasanya orang akan bekerja dengan lebih hebat. Begitu juga dengan adanya dendaan maka dia akan lebih prihatin dalam kerjayanya. Saya lihat di sini dalam konteks apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kalau kesalahan itu jelas telah dilakukan denda sejumlah RM50,000 itu saya berpendapat bahawa itu sangat sedikit kalau dibandingkan dengan kerosakan mungkin berjuta ringgit yang berlaku. Oleh kerana itu, sehubungan dengan ini apa pandangan Yang Berhormat supaya dalam konteks dendaan ini juga harus dipastikan bahawa ia menjadi satu pengajaran dan pembelajaran kepada si pembuat salah ini. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Tentang jadual, saya telah sebutkan pagi tadi bahawa jadual ini adalah satu sistem satu mekanisme untuk kita melaksanakan kerja-kerja secara berkala mengikut garis-garis yang telah ditetapkan di dalam jadual. Lazimnya di dalam ciri keselamatan apabila pemeriksaan serta siasatan dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan sama ada oleh pihak pengeluar barangan tersebut ataupun pihak organisasi kita akan dapat menjangka pertama, bila

kemalangan akan berlaku. Yang kedua, bila jangka hayat mesin atau jentera tersebut, yang ketiga bila perlu ditukar dan diganti alat-alat gantian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa juga perkara keselamatan *programming* jadual berkala ini adalah merupakan ciri-ciri yang pertama perlu diambil berat oleh pihak majikan. Jika tidak ada jadual ini maka mereka boleh dikenakan tindakan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Kerajaan. Jadual ini perlu di lapor, dihantar kepada ketua jabatan atau ketua organisasi. Kemudian dari ketua organisasi akan dihantar kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pada masa yang sama laporan ini juga perlulah *visible* boleh dilihat oleh pekerja-pekerja yang bertanggungjawab terus kepada alat dan jentera tadi. Ini akan membayangkan kepada pekerja tersebut apakah perkara yang boleh dilakukan, apakah perkara yang tidak boleh dilakukan dan apakah perkara yang perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya akta kita telah meletakkan majikan sekian tanggungjawabnya, pekerja sekian tanggungjawabnya, pengilang, pengimport dan pembekal sekian tanggungjawabnya dan mereka ini jika tidak mematuhi tanggungjawab-tanggungjawab serta peranan yang telah diaturkan oleh pihak jabatan akan dihukum dan hukuman ini adalah amat besar sekali jika kita lihat umpamanya jika majikan tidak boleh menyediakan dan menyelenggarakan loji atau mesin maka mereka boleh didenda sebanyak RM50,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Itu sebabnya saya bertanya kepada pihak kementerian sudahkah dilihat perkara ini secara terperinci berapakah banyakkah mesin-mesin di dalam organisasi-organisasi milik kerajaan umpamanya yang tidak diadakan pemeriksaan berkala yang memungkinkan berlaku kemalangan yang besar. Adakah penalti ini hukuman ini dikenakan kepada ketua-ketua organisasi tersebut. Begitu juga apakah kewajipan seseorang itu sebagai pekerja di dalam memastikan suasana kerja itu sentiasa berada di dalam keadaan selamat lagi menyelamatkan. Jika mereka tidak mematuhi peraturan mereka sebagai pekerja sesebuah organisasi, mereka juga wajar dikenakan denda RM1000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Adakah perkara-perkara ini telah diberikan perhatian oleh pihak kementerian, dan saya yakin jika perkara ini berlaku, akan ada amalan akan ada *precedentnya*. Apabila ada *precedentnya*, ia sekali gus akan memberikan kesedaran kepada anak-anak buah yang lain supaya tidak bermain api dengan perkara-perkara yang berisiko tinggi yang membawa kemalangan di tapak kerja. Tuan Yang di-Pertua, di dalam organisasi keselamatan, kita telah meletakkan ini adalah di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Ketua Syarikat Jawatankuasa Keselamatan Pekerja-pekerja dan mesyuarat-mesyuarat perjumpaan, perbincangan tentang perkara-perkara keselamatan dalam organisasi ini perlu di adakan.

Saya hendak tanya kementerian, berapa kali yang kita telah pergi ke jabatan dan melihat minit-minit mesyuarat ini. Saya yakin dan pasti, jika minit mesyuarat ini dikaji oleh pihak kementerian, sebahagian besar daripada kemalangan besar yang berlaku di negara kita ini dapat dielakkan. Pertama sekali....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung. Lama lagi?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya ada tiga perkara lagi Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya boleh sebut tiga secara ringkas, Insya-Allah saya akan gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan, baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya menyediakan satu sistem pengurusan kecemerlangan keselamatan kepada semua organisasi di bawah penyeliaan kementerian. Mana-mana tapak yang menggunakan jentera, mana-mana tapak yang menggunakan loji perlu diadakan sistem pengurusan kecemerlangan keselamatan ini. Dalam Bahasa Inggerisnya dengan izin *Safety Excellent Management System*. Sistem ini akan memberikan perhatian kepada lima perkara. Yang pertama saya sebutkan tadi, *premises and house keeping* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita menjaga persekitaran kerja kita supaya ia menjadi satu tempat kerja yang kondusif, yang selamat lagi menyelamatkan.

Yang kedua, *personal mechanical and electrical safe guarding*. Untuk keselamatan diri kita, maka ia akan berkaitan dengan barang-barang yang kita gunakan termasuklah pertahanan terakhir diri kita, seperti *safety helmet*, topi keselamatan seperti tali pinggang keselamatan, kasut-kasut keselamatan. Ini adalah mandatori. Kalau kita lihat pekerja-pekerja di tepi jalan yang tidak menggunakan baju kalis cahaya, baju pemantul cahaya, itu telah melanggar peraturan keselamatan dan sejauh manakah kita telah mengambil tindakan ke atas mereka. Yang saya pelik Tuan Yang di-Pertua, kita pernah lihat lori yang belum ada badannya, bas umpamanya yang dibawa dari Puchong, rangka sahaja.

Pemandu bas tersebut hendak bawa bas dari Klang ke Ayer Hitam. Saya berhenti di *traffic light* saya tahan dia. Tuan Yang di-Pertua tahu, dia duduk atas kerusi kayu, tanpa tali pinggang keselamatan. Atas kerusi kayu, rangka sahaja. Memakai *helmet*, ada "visor" di hadapan. Bawa rangka kenderaan tersebut pada pukul 12 tengah malam. Saya bertemu saya turun saya kata 'abang selamat ke bawa macam ini?' dia kata; 'dah tugas, apa saya hendak buat'. Jadi ini pun perlu diberikan perhatian untuk membawa rangka tadi daripada Pelabuhan Klang hingga ke Ayer Hitam lebih kurang tiga jam perjalanan melalui kawasan-kawasan yang bahaya dengan kenderaan yang laju. Secara terbuka Tuan Yang di-Pertua, ini adalah amat menampakkan kepada kita betapa kita tidak memberikan perhatian kepada perkara-perkara keselamatan, sungguh menyedihkan Tuan Yang di-Pertua.

Yang ketiga, kita berikan perhatian kepada *fire protection and prevention*, pencegahan dan juga perlindungan api. Perkara ini perlu diberikan perhatian. Di Parlimen kita umpamanya dalam Dewan ini kita tidak nampak pun ada *fire extinguisher* umpamanya. Jadi di manakah letaknya pegawai keselamatan Parlimen kita dalam memerhatikan perkara-perkara berkaitan ini. Kebakaran boleh berlaku bukan kerana api rokok, api mancis dan sebagainya, mungkin juga boleh berlaku disebabkan oleh berlakunya litar pintas dan kebocoran ke bumi di dalam Dewan ini. Itu bahagian perlindungan api dan pencegahan kebakaran.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ada *accident reporting and investigation*. Ini kategori penting. Laporan kepada kemalangan dan siasatannya sekali. Sejauh mana kita mengambil serius kemalangan telah berlaku seperti yang berlaku kepada warga Indonesia di Ampang hancur kepala dia, hancur badan dia. Selama 30 hari masih lagi tidak ada keputusan yang tepat. Cuma diberitahu oleh pihak SOCSO, pembayaran sebanyak RM30 ribu Tuan Yang di-Pertua. RM30 ribu hancur kepala dan hancur badan Tuan Yang di-Pertua. Ini menampakkan... yang peliknya berlaku sekali lagi. Jadi sejauh manakah kita mengambil tindakan kepada pemaju-pemaju ini dan akhir sekali ialah *safety organisation*.

Pastikan Yang Berhormat Timbalan Menteri, pastikan setiap organisasi di dalam negara kita ini tidak kira sama ada mereka berurusan secara terus ataupun tidak langsung, mereka perlu ada *safety organisation*. Dengan cara inilah baru kita boleh meletakkan perkara keselamatan ini di atas segala-galanya. Beritahu kepada syarikat keselamatan ini umpama satu di dalam jumlah sejuta. Kalau yang satu itu tidak ada, maka segala-galanya kosong, sifar dan sebagainya. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, jika setiap organisasi mempunyai kumpulan yang menegakkan perkara-perkara keselamatan ini, hasrat kerajaan untuk menjadi negara maju tahun 2020 dengan sifar kemalangan di tempat kerja akan menjadi kenyataan. Terima kasih, saya menyokong pindaan ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanjong.

02.57 petang

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kilang dan Jentera. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan pindaan kepada akta ini dan dengan harapan bahawa ini bukan satu *reactionary action* seperti yang diujahkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Di mana selalunya berlaku kejadian-kejadian yang tidak diingini, barulah kementerian akan bertindak di mana menteri sendiri telah mengakui selepas kejadian di Plaza Damas baru-baru ini yang membabitkan seorang juru perunding consultant Dr. Liew Boon Horng yang terkorban akibat berlakunya bahan-bahan konkrit yang jatuh dari bangunan yang sedang dibinakan.

Barulah menteri berkata bahawa dalam kejadian ini denda yang akan dikenakan jika tersabit kesalahan cuma RM5000 sahaja dan beliau berkata bahawa Akta Kilang dan Jentera ini akan dipinda untuk memperuntukkan denda yang lebih tinggi supaya dapat mengatasi perkara-perkara seperti ini. Tetapi malangnya, seperti yang diujahkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, perkara yang sama juga berlaku di Plaza Damas. Kejadian kedua walaupun kononnya sudah mengambil segala langkah untuk mencegah kejadian dari berlaku. Tetapi nampaknya kemalangan masih berlaku di tempat yang sama walaupun diberi perhatian oleh media, oleh kementerian dan sebagainya tetapi kejadian masih berlaku.

Saya rasa pendekatan bahawa cuma dengan adanya peruntukan-peruntukan undang-undang yang lebih ketat ataupun dengan denda dan penjara dan sebagainya tidak semestinya menjamin satu suasana keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini. Lebih dari itu, kita perlulah mengamalkan satu budaya keselamatan dalam suasana pekerjaan yang banyak dihujahkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi. Saya merasa bahawa dengan memperluaskan skop pemeriksaan dalam pindaan akta ini, ada banyak kebaikannya juga, di mana kita dapat memastikan, menjamin keselamatan jentera-jentera dan memperluaskan skop ini, termasuk bidang-bidang yang sebelum ini tidak dikawal seperti *amusement devices*, *amusement park* dan *fair* yang kita nampak pada hari ini terdapat di kebanyakan tempat.

Apakah selama ini iaitu sebelum pindaan ini, tidakkah sebarang kawalan atas tempat-tempat yang diperluaskan skop dalam pindaan ini. Satu keburukan yang mungkin muncul dari memperluaskan skop pemeriksaan adalah sama ada sebab skop diperluaskan ini bermaksud bahawa hampir kesemua jentera di premis-premis tertentu perlu diperiksakan dan termasuk juga *material handling equipment*, tempat-tempat kerja binaan, kejuruteraan dan sebagainya.

Soalannya adalah sama ada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) mampu melaksanakan tugas pemantauan dan sebagainya yang disoalkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat tadi. Dengan *outsourc* bidang kuasa ini kepada *licensed person* yang menjadi matlamat pindaan ini, *outsourcing* kerja-kerja ini kepada *licensed person* sama ada mereka mampu menjalankan tugas yang diperluaskan skopnya.

Saya merujuk Tuan Yang di-Pertua kepada Fasal 7D berkenaan dengan pelantikan kuasa dan tugas-tugas seseorang yang diberikan lesen. Saya juga ingin mempersoalkanlah mengapa akta ini masih dalam bahasa Inggeris.

Sungguhpun kita nampak ada naskhah bahasa Malaysia, tetapi apa yang diedarkan dalam bahasa Inggeris dan kadangkala kita perlu merujuk kepada naskhah bahasa Inggeris. Saya ingin tahu dari segi pelantikan dan kuasa ini, seseorang yang diberikan lesen ataupun didefinisikan sebagai *licensed person* dalam pindaan ini. Bagaimana *licensed person* ini dilantik? Sama ada ia merupakan satu syarikat ataupun satu konsortium syarikat seperti Puspakom yang diberi tugas oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di~~outsourc~~ pemeriksaan kenderaan kepada Puspakom.

Apakah modal ini akan dipakai dalam pindaan ini, dalam pemilihan *licensed person* untuk menjalankan tugas-tugas ini? Saya ingin tahu sama ada dalam pelantikan *licensed person* ini, sama ada kepada seorang ataupun kepada konsortium dan sebagainya, apakah wujudnya satu kedudukan monopoli oleh satu konsortium ataupun satu syarikat sahaja ataupun *licensed person* ini boleh dilantik di setiap negeri ataupun setiap daerah dan sebagainya, sebab memandangkan sudah pun diperluaskan skop pemeriksaan membabitkan lebih ramai kakitangan yang perlu menjalankan tugas-tugasan di bawah pindaan akta ini.

Saya dapat tahu bahawa dalam pindaan ini, kementerian ataupun Menteri berhak untuk menentukan garis panduan kepada *licensed person* untuk menjalankan tugas. Saya ingin

Timbalan Menteri yang hadir pada petang ini menjelaskan sama ada *licensed person* ini akan diberikan *key performance index* dan sebagainya untuk memantau sejauh mana prestasi mereka adalah baik dalam melakukan tugas yang diberikan kepada mereka.

Dalam Fasal 7D (6) Tuan Yang di-Pertua, dikatakan:

“(6) *The authorization of a licensed person shall not render the Federal Government liable to any person in respect of any injury.....*” dan sebagainya.

Saya ingin tahu bahawa kalau *injury* ataupun *damage* yang dilakukan kerana kegagalan *licensed person* ini dalam menjalankan obligasi mereka. Dalam akta ini dikatakan Kerajaan Pusat dan kementerian tidak akan dipertanggungjawabkan. Tetapi isunya, apakah akan terjadi kalau *licensed person* ini tidak gagal melaksanakan obligasinya seperti ditentukan oleh Menteri. Mereka menjalankan tugas ini mengikut peraturan yang ditentukan. Tetapi masih wujudnya kemalangan dan akibat itu mungkin kecederaan ataupun maut. Apakah ini akan juga melepaskan Kerajaan Pusat dari sebarang tanggungjawab undang-undang?

Berhubung dengan Fasal 7D (7) berhubung dengan penalti. Dikatakan dalam pindaan ini, sekiranya seorang berlesen melanggar sebarang syarat-syarat yang ditetapkan dalam lesen ini, nampaknya denda itu amat berat sehingga tidak melebihi RM100,000 dan juga penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Dalam segi ini, saya ingin tahu siapakah yang akan menjadi *liable* sekiranya berlaku insiden yang memaksakan kementerian membuat dakwaan. Apakah *licensed person* ini akan bertanggungjawab ataupun pekerja-pekerjanya yang diupah oleh *licensed person* ini untuk menjalankan *provision* yang ditetapkan dalam lesen itu.

Siapakah yang seharusnya bertanggungjawab? Dalam kes Dr. Liew Boon Hong yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, seorang penyelia tapak pembinaan itu didakwa kerana berlaku kematian, Dr. Liew Boon Hong. Saya ingin tahu dalam segi ini, mengapa cuma *supervisor* didakwa dan apakah peranan syarikat kontraktor itu? Bukankah mereka juga bertanggungjawab ke atas berlakunya kemalangan yang menyebabkan kematian? Mengapa hanya penyelia didakwa dan syarikat itu atau pengarah-pengarah itu tidak didakwa? Ini perlu diperjelaskan oleh kementerian berhubung dengan Fasal 7D(7) berkenaan dengan penalti, untuk menetapkan siapa yang akan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Fasal 7D (3) dan (4) di mana Menteri boleh memberi kuasa kepada *licensed person* untuk mengutip dan segala caj, *fee* dan levi dari majikan-majikan di mana jentera-jentera mereka diperiksa. Saya ingin penjelasan dari kementerian sama ada dengan diperuntukkan hak ini untuk mengutip *fee-fee*, sama ada kerajaan perlu membayar *licensed person* ini untuk menjalankan tugas ataupun sebaliknya untuk mendapat lesen ini, syarikat-syarikat atau individu-individu yang bakal dilantik itu sama ada perlu membayar apa-apa kepada kerajaan sebelum mereka dapat lantikan rasmi.

Saya merujuk kepada fasal 7E (7) berhubung dengan kesahihan *certificate of fitness* di mana dalam peruntukan pindaan ini, dikatakan *certificate of fitness* ini masih sah dan dengan

izin, *shall be continued to be valid*. Saya ingin tahu sekiranya *certificate* ini dikeluarkan oleh *licensed person* dalam satu *breach of condition* yang disebut dalam pindaan ini, apakah *certificate* ini masih menjadi sah sekiranya *certificate of fitness* ini dikeluarkan kerana majikan memberi rasuah kepada *licensed person* ini dan berlakunya *misrepresentation* seperti dalam satu fasal dalam pindaan ini, mengapa *certificate of fitness* ini masih sah, masih *valid* dan juga boleh salah laku.

Saya rasa pindaan ini tidak munasabah sebab jika *certificate of fitness* ini diperoleh dengan cara yang tidak sah, mengapa selepas orang yang dibatalkan lesen ini yang mengeluarkan *certificate* ini mengapa ia jadi sah dan bukan dibatalkan dengan segera. Sebab ini bermakna bahawa kemungkinan besar jentera-jentera yang tidak diperiksa langsung sebelum *certificate* ini dikeluarkan. Ini bermakna kemungkinan jentera-jentera ini *in actual fact*, bukan dalam satu keadaan yang baik dan boleh beroperasi dengan selamatnya dan kemungkinan perlu diperbaiki sebelum dapat beroperasi. Dalam kedudukan ini saya ingin mempersoalkan mengapa kementerian masih mahu mengakui kesahihan *certificate of fitness* dalam keadaan ini. Ia sepatutnya dibatalkan (*revoked*) dengan segera seperti mana diperuntukkan dalam Fasal 10.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Fasal 7F (7) bahagian yang kedua di mana *licensed person* akan terus bertanggungjawab kepada tugas-tugasnya. Ini bersabit dengan pembatalan lesen tadi. Sekiranya seorang pemegang lesen dibatalkan lesen mereka, mereka sudah hilang hak di bawah undang-undang. Mengapa dalam fasal bahagian ini mereka masih diperlukan oleh kementerian untuk melanjutkan obligasi tugas dan tanggungjawab. Bukankah dengan pembatalan lesen ini tugas mereka juga dimansuhkan sama sekali. Kalau mereka masih dibiarkan untuk melakukan tanggungjawab walaupun lesen mereka sudah dibatalkan, bukankah ini bermakna bahawa mereka akan melaksanakan tugas mereka tanpa lesen. Bukankah ini satu kesalahan?

Saya rasa pindaan-pindaan ini memang ada kelemahan-kelemahannya. Saya berharap kementerian dapatlah mengkaji mengapa wujudnya apa yang saya sifatkan sebagai percanggahan di dalam pindaan-pindaan yang saya sebutkan tadi.

Saya juga merasa kementerian perlulah memberi perhatian kepada pemeriksaan *tower crane* yang terletak di atas tapak pembinaan kompleks komersial ataupun di atas apartmen dan kondominium dan sebagainya. Tetapi saya berharap kementerian melalui pindaan ini juga tidak mengabaikan satu aspek yang penting saya rasa iaitu *tower crane* yang masih diletakkan di atas projek-projek yang sudah terbengkalai. Saya rasa di bandar raya Kuala Lumpur ada banyak projek *high risk commercial* ataupun *residential project* yang terbengkalai tetapi *tower crane* masih ada ternampak di bumbung ataupun di tingkat atas yang kemungkinan projek itu sudah pun terbengkalai sejak tiga atau pun lima tahun. Mengapakah kementerian membiarkan *tower crane* itu diletakkan tanpa beroperasi, tanpa ada pemeriksaan dan penjagaan yang sempurna. Saya rasa ini merupakan satu *time bomb* yang perlu kita hadapi.

Di samping itu saya berharap supaya dalam pindaan ini, kementerian juga menetapkan garis panduan berhubung dengan *handling of machinery*. Saya amat mengalu-alukan perkara ini. Yang Berhormat bagi Sri Gading pun menyuarakan masalah ini berhubung dengan pekerja-pekerja yang tidak layak langsung diberi tugas untuk mengoperasikan jentera-jentera yang tertentu.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat berkata kelmarin bahawa seorang pekerja baru mula bertugas tiga jam sudah berlaku kemalangan. Jadi, saya rasa dalam aspek ini garis panduan yang ketat harus dikemukakan supaya orang yang benar-benar berkelayakan diberi tugas untuk mengendalikan *machinery*.

Berhubung dengan lif di apartmen di kompleks perniagaan dan komersial, memandangkan ada berlakunya kejadian-kejadian yang menyebabkan kematian, saya berharap lif-lif dapatlah diberikan perhatian oleh kementerian ini dan melalui *licensed person*. Sebab kita pun faham bahawa terdapat berpuluh ribu lif di negara ini yang memerlukan pemeriksaan. Saya berharap dengan *outsourcing* tugas ini lif-lif di semua bangunan dapat dijaga dengan sempurna.

Akhirnya saya berharap supaya kita mengamalkan satu budaya yang baru, jangan mengharapkan bahawa dengan pendekatan tradisional yang cuma meletakkan harapan kepada adanya undang-undang, adanya garis panduan dan sebagainya sudah memadai untuk menyediakan satu suasana pekerjaan yang sihat dan sejahtera. Saya berharap dengan pembabit majikan-majikan dan pekerja-pekerja kesatuan sekerja dan semua yang terbabit dalam bidang ekonomi yang menggunakan jentera-jentera kita dapat menyediakan satu suasana yang baik, mewujudkan satu budaya yang baik sebelum kita dapat mencapai hasrat menjadi sebuah negara yang maju. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sepanggar.

3.18 petang

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua oleh kerana memberi saya peluang untuk membahaskan mengenai Akta Kilang dan Jentera ini. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pindaan-pindaan ini memberi kebaikan kepada pekilang-pekilang dan juga semua yang terbabit dalam undang-undang ini. Tetapi ingin saya minta penjelasan sedikit daripada kementerian ini dan juga disebabkan pengilang-pengilang yang kita dapati pada ketika ini yang menerima bahan-bahan sama ada besi buruk dan sebagainya, yang menerima barang curian ini di mana kita dapati pada ketika ini seolah-olah kita menggalakkan kecurian-kecurian yang menjual kepada pembeli-pembeli di mana mereka mendapat semua bahan ini menjual kembali kepada pengilang-pengilang seperti yang terjadi di Sabah ini. Beberapa kabel dari SESB dan juga dari Telekom telah dicuri sehingga ada kemalangan kematian di mana kita dapati bahawa selepas mereka curi mereka menjualkan logam-logam tembaga ini kepada pengilang-pengilang, sama ada pengilang yang secara sah ataupun tidak kita tidak tahu. Tetapi yang penting ialah mereka menjualkan bahan ini kepada pengilang-pengilang ini. Jadi, apa yang

kita risaukan pada ketika ini ialah kenapa kita tidak ada satu undang-undang ataupun satu pencegahan agar pengilang-pengilang ini tidak membeli bahan-bahan seperti ini, bahan-bahan yang dicuri.

Oleh kerana inilah di mana seperti yang kita dapat lihat sekarang ini besi-besi buruk dan tayar-tayar yang selepas diguna, disimpan di satu tempat sahaja dan ini telah menggalakkan pencuri-pencuri seperti yang kita lihat, terutama sekali di Sabah terlalu banyak kecurian sehingga *line cable* ACSB yang bervoltan tinggi itu pun dapat dicuri. Maka ini sebab saya rasa, sudah sampai masa bagi kita ini supaya kita menghentikan penglibatan dan supaya kita boleh mengelakkan berlaku kecurian seperti ini.

Kedua, saya ingin juga mendapat sedikit penjelasan mengenai, apakah di seksyen pindaan, Seksyen 5, 6 ini mengenai lesen pekerja-pekerja. Sama ada pelatih juga dilindungi, mengenai pekerja-pekerja ini, sebab contohnya di mana kita dapati satu kemalangan pelatih-pelatih daripada ILP yang diberi latihan-latihan di satu kilang. Akibatnya pelatih itu terkorban disebabkan kemalangan di mana *sky folding* yang dinaiki runtuh tetapi malang sekali kita dapati bahawa mereka ini adalah pelatih-pelatih tidak dapat dilindungi keselamatan mereka, tidak mempunyai insurans-insurans dan sebagainya.

Jadi ini adalah satu perkara yang harus kita ingat supaya pelatih yang dilatih di kilang-kilang ini juga diberi satu perlindungan keselamatan yang tertentu agar pelatih-pelatih daripada sekolah-sekolah vokasional juga dapat diberi perlindungan semasa mereka berlatih di kilang-kilang ini.

Ketiga, ingin saya utarakan di sini ialah mengenai perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan sisa *byproduct* kilang di mana kita lihat *byproduct* ini mengandungi toksik dan sangat mencemarkan udara. Pada hari ini kita dapati termuat dalam surat khabar di mana Wakil Rakyat di minta membuat laporan mengenai alam sekitar tetapi apa yang agak kecewa sekali ialah apabila *byproduct* ini yang dikeluarkan oleh pekilang-pekilang yang mencemarkan udara dan mencemarkan bunyi dan juga mencemarkan sungai-sungai, pengairan, kita tidak mempunyai satu mekanisme. Kita tidak mempunyai mekanisme di mana kita boleh betul-betul tengok tahap pencemaran itu.

Kalau Wakil Rakyat diminta membuat laporan, tentu sekali kita tidak ada bidang kuasa dan kita tidak mempunyai cara-cara bagaimana kita mendapat bancian ataupun untuk melihat pencemaran itu. Setakat mana pencemaran itu yang kita kenal telah mencemar udara ataupun mencemar alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu-satunya yang membimbangkan kita pada ketika ini oleh sebab banyak pekilang khususnya di kilang-kilang kelapa sawit, kilang-kilang yang besar-besar di negara kita yang kita khuatir apakah mereka ini betul-betul telah mematuhi segala-gala peraturan-peraturan yang telah diberi atau diarah untuk ikut serta.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, yang harus kita tekankan di sini ialah penguatkuasaan undang-undang ini, di mana apa pun undang-undang kita laksanakan, apa pun undang-undang

yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini tanpa penguatkuasaan undang-undang, saya rasa pelaksanaan ini tidak dapat dijalankan dan yang kita minta dan pohon di sini ialah penguatkuasaan undang-undang ini dan pelaksanaan ini haruslah diketengahkan dengan erat dan dengan kerjasama oleh pengilang-pengilang dan juga kerjasama daripada semua lapisan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Tanah Merah.

3.27 ptg.

Ir. Shari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu tertarik kepada pembentangan pindaan akta kilang dan jentera yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia semalam.

Saya yakin pindaan ke atas akta-akta ini yang telah digubal sejak tahun 1967 itu akan mendapat memacu dan membantu kerajaan bagi menjana industri dan juga ekonomi negara kita. Melihat kepada perkembangan semasa, ekonomi negara banyak digerakkan oleh sektor pembinaan dan perkilangan. Ini kerana dengan hidupnya sektor-sektor berkenaan maka hiduplah sektor-sektor lain yang berkaitan seperti bekalan bahan binaan termasuklah besi, logam, pasir, simen dan lain-lain lagi yang diperlukan dalam industri yang berkenaan. Inilah yang boleh menjana kepada ekonomi negara kita.

Namun dalam pada itu, banyak pihak yang sengaja dan lupa tentang tanggungjawab mereka untuk menyenggara dan memastikan peralatan seperti jentera, mesin yang kita selalu guna seperti lif, *boiler* dan lain-lain alat seperti *gondola* di tapak pembinaan supaya berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Keadaan peralatan ini yang tidak selamat digunakan menyebabkan berlakulah kemalangan kepada pekerja ataupun orang awam yang melalui kawasan-kawasan yang berkenaan.

Saya fikir bahawa dalam akta ini adalah amat penting untuk meminimumkan kemalangan yang berlaku di tapak bina, di dalam kilang dan sebagainya. Kerana dengan akta ini akan memberi satu *guideline* dan juga satu amaran kepada mereka yang terlibat seperti pemilik-pemilik kilang dan sebagainya. Di sini ada tiga elemen yang terlibat yang dapat kita lihat iaitu pekerja, majikan dan juga penguatkuasaan oleh kementerian ataupun kerajaan. Di sini merupakan perkara yang penting kepada kita untuk memastikan kemalangan di tapak kerja, kemalangan di kilang dapat diminimumkan. Kalau kata sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sifar kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, kata orang '*malang tidak berbau*' yang berbau ialah setelah kemalangan itu berlaku. Apabila kemalangan berlaku kesusahan yang dialami oleh mereka dan juga orang yang di bawah tanggungan mereka yang sudah tentu akan menjadi sengsara apabila kehilangan ketua kepada keluarga. Yang mendapat untung dan kemewahan adalah kontraktor ataupun subkontraktor-subkontraktor sahaja. Justeru itu saya begitu mengharapkan tentang kenaikan denda, daripada RM5,000.00 kepada pesalah ini RM250,000 dan penjara daripada dua tahun kepada lima tahun adalah wajar.

Tuan Yang di-Pertua melihatkan kepada kemalangan yang diheboh-hebohkan oleh media yang masih tinggi, negara kita masih tinggi di kalangan negara Asia yang mana 6 hingga 7 peratus daripada 1,000 pekerja, berlakunya kemalangan kepada pekerja-pekerja ini. Pekerja di negara kita kini berada di paras yang agak tinggi dari segi guna tenaga iaitu 11.5 juta orang di kedua-dua sektor iaitu sektor awam dan juga sektor swasta. Dengan bilangan syarikat berdaftar yang dipungut oleh SOCSO di sekitar 578,000 syarikat, dari bilangan itu 85,000 orang terlibat dalam sektor pembinaan dan lebih daripada 800,000 orang terlibat di sektor perkilangan. Angka berkenaan agak besar dan begitu ramai yang terdedah dengan kemalangan dan bahaya.

Kemalangan juga melibatkan orang awam apabila lif, contohnya lif rosak seperti berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini di mana terdapat seorang yang terjatuh dari atas bangunan melalui lubang lif yang mana pintunya terbuka. Alangkah sedihnya kita kepada mangsa ini yang cedera parah dan meninggal dunia. Inilah akibat kecuaiannya pihak syarikat penyenggara ataupun pihak yang dilesenkan untuk menyenggarakan lif ini tidak mengambil berat tanggungjawab mereka kepada pekerjaan yang mereka buat. Begitu juga dengan CF kepada kilang-kilang yang ada sekarang ini, saya harap pihak DOSH (Department of Safety and Health) tidak memberi muka kepada syarikat dan jangan mudahlah meluluskan lesen kepada kilang ataupun kepada jentera. Minta semak dulu dan jangan main-main, kerana ini adalah penting, kepentingan pekerja, kepentingan orang awam dan lain-lain lagi.

Kita kena lihat bahawa kepentingan ini menjadi keutamaan kepada kementerian dan juga pihak DOSH. Bahawa pegawai DOSH adalah perlu prihatin kepada lesen yang dikeluarkan supaya tidak sewenang-wenangnya memberi lesen tanpa membuat penelitian, penyiasatan yang terperinci tentang keperluan-keperluan keselamatan yang ada pada kilang atau pun jentera berkenaan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan ada akta ini sudah pasti kemalangan di tapak kerja, kemalangan di kilang hari ini, dapat dikurangkan.

Saya hendak tanya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa ramai pegawai penguat kuasa DOSH yang jaga kilang kita inidan juga tapak pembinaan yang banyak dan saya difahamkan bahawa lif sahaja yang ada di Malaysia ini lebih daripada 25,000 di seluruh negara kita dan tapak pembinaan adalah lebih daripada 15,000. Cukup tidak kakitangan DOSH ini menjalankan tugas dan saya cadangkan jika kakitangan ini tidak mencukupi, saya minta pihak kementerian dan JPA mencari penyelesaian supaya kakitangan ini dapat ditambahkan.

Tuan Yang di-Pertua saya juga tidak berpuas hati dengan pihak penganjur seperti yang kita lihat di bandar-bandar kecil penganjur *fun fair* ada berbagai-bagai alat permainan dengan lampu berkelip-kelip cantik tetapi kalau letriknya *shock* ataupun lintas pintas sudah pasti ia memberi bahaya kepada pengguna atau pun kanak-kanak yang menggunakan permainan yang disediakan di *fun fair* tersebut. Jadi pindaan ini perlu, jangan kita hanya harap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja kita hendak pihak kementerian juga mengambil inisiatif untuk memastikan keselamatan kepada pengguna, keselamatan kepada orang ramai yang menggunakan alat permainan yang ada di kawasan bandar atau kampung-kampung. Jadi Tuan

Yang di-Pertua saya bukan hendak mengajar pihak berwajib seperti DOSH, SOCSO, PSMB untuk mendidik pihak yang bertanggungjawab seperti pemaju perumahan, tuan punya kilang ataupun premis perniagaan tetapi gunalah sedaya upaya cara untuk mendidik mereka ini ke jalan yang selamat, jalan yang betul. Sesungguhnya denda dan penjara adalah satu jalan untuk menghukum sahaja bahkan kita perlukan kesedaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Parit bangun.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Silakan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah, selain daripada keselamatan alat jentera yang melibatkan akta ini satu daripada perkara yang saya perhatikan Yang Berhormat Tanah Merah, berkaitan dengan pencemaran bunyi di kilang-kilang khususnya di kilang-kilang yang membuat logam di kawasan saya tidak banyak, tetapi di kawasan Ipoh banyak. Terutama kita di dalam usaha untuk menggalakkan pertambahan kilang IKS ini, saya dapati kadang-kadang bunyi di kilang itu begitu kuat sekali dan saya ini *lay man* Tuan Yang di-Pertua bukan orang yang ada kelulusan perubatan dan kejuruteraan tetapi saya perhatikan bunyi kilang itu bukan sahaja boleh memekakkan telinga pekerja, kita yang datang sekali-sekala boleh jadi pekak. Jadi saya pun bertanya Yang Berhormat bagi Gombak, dia ini pakar penyakit, saya tanya pencemaran ini boleh, dia kata memang boleh. Jadi Yang Berhormat bagi Tanah Merah, adakah Yang Berhormat hendak mengusulkan ataupun hendak mendapat penjelasan dari pihak kementerian. Adakah pihak kementerian dan jabatan ini mempunyai tanda aras bunyi yang dibenarkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Parit tidak tanya sebelah Gombak berapa *disebel*.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Itu nak tanya Tanah Merah dulu. Itu terima kasih Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya dari Parit. Kita tahu bahawa kilang ini banyak menghasilkan sisa buangan contohnya, pencemaran kepada udara, pencemaran kepada air dan juga pencemaran kepada bunyi. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit tadi, kita tidak boleh elak apabila ada kilang, ada pergeseran, ada hentakan sudah pasti mengeluarkan bunyi. Cumanya apabila bunyi ini terlampau kuat yang boleh mengakibatkan kemalangan kepada pancaindera pekerja ataupun yang memberi kesan yang negatif kepada kesihatan dalam bentuk mengikut kajian klinikal yang boleh memberi kesan kepada pendengaran pekerja contohnya di mana ini sudah pasti ada had dan kawalan di pihak di bawah Akta Kilang dan Jentera ini. Saya minta kalau tidak ada, saya minta kepada kementerian supaya masukkan pencemaran bunyi ini dan hadkan bunyi yang boleh dibenarkan dalam satu-satu industri ataupun pembuatan di dalam kilang-kilang berkenaan.

Selain daripada itu saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat peka kepada kesihatan pekerja, kepada kesihatan orang awam, bukan kepada pekerja sahaja bahkan orang awam yang tinggal berdekatan dengan kilang. Contohnya di tempat saya, ada sebuah kilang

getah yang berada betul-betul di tengah bandar Tanah Merah di mana kilang ini mengeluarkan sisa buangan asap yang cukup berbau, yang Yang Berhormat-Yang Berhormat semua maklum dan tahu bahawa bau busuk getah ini amatlah busuk. Cuma dari segi kesihatan...

Seorang Ahli: Bau duit!

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Ha, bau duit kata sahabat saya. Cuma dari segi kesihatan, saya tidak tahu sejauh mana kesan ataupun asap ini, sisa buangan ini memberi kesan kepada manusia sama ada pekerja di kilang berkenaan ataupun mereka yang berada di sekitar kilang getah berkenaan. Cuma kita tahu bahawa bau busuk tetapi kandungannya sama ada ammonia ataupun karbon monoksida yang berbahaya, itu kita tidak tahu dan saya ingin bertanyakan kepada timbalan menteri, apakah kesan bau busuk daripada kilang getah ini berbahaya kepada kesihatan manusia.

Apakah Akta ini juga mengambil kira pencemaran kepada udara dan juga kepada sisa buangan air dan sebagainya kerana ini mengakibatkan pencemaran kepada penggunaan seperti air yang digunakan oleh manusia setelah sisa ini turun ke sungai-sungai dan air ini diambil semula untuk diminum ataupun untuk kegunaan harian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini bahawa tapak pembinaan yang hari ini kita dapat dengar rata-ratanya sering berlaku kemalangan di tapak bina disebabkan kecuaiian, disebabkan oleh pihak pemaju, pihak kontraktor yang cuma menjimatkan perbelanjaan dengan tidak mengambil kira faktor keselamatan dengan membekalkan kemudahan ataupun peralatan yang murah yang pastinya akan membahayakan kepada pekerja-pekerja seperti perancah yang mana kita perlukan *license* ataupun pemeriksaan perancah ini, contohnya daripada NIOSH. NIOSH bertanggungjawab untuk memeriksa keselamatan penggunaan perancah ataupun *staging* yang digunakan untuk membina bangunan-bangunan.

Kadang-kadang perancah ini tidak menepati spesifikasi yang berkualiti, yang terbaik, yang diluluskan tetapi oleh kerana kerakusan kontraktor, kerakusan pemaju untuk mengambil keuntungan yang besar, maka kejadian yang tidak diinginkan seperti perancah terbalik, patah dan sebagainya mengakibatkan kemalangan maut dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan Akta ini saya yakin dengan penguatkuasaan yang begitu kita rasa perlu dipertingkatkan. Tanpa ada penguatkuasaan, walaupun sebaik mana akta, sudah pastinya tidak memberi kesan kepada Akta yang diluluskan ini. Saya dengan ini menyokong kepada pindaan Akta ini untuk dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada lagi, Yang Berhormat? Bagi Yang Berhormat bagi Ledang. Berapa lama hendak berucap, Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, lima minit dan selepas itu Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

3.46 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan sedikit di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah berjaya menggubalnya dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya memikirkan bahawa Rang Undang-undang ini akan lebih memperkemas dan mengangkat lagi martabat serta lebih relevan kepada keperluan semasa di dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan pekerja termasuklah orang awam kerana ia jelas mengambil kira perkara-perkara baru seperti talian paip, vessel tekanan api, kelengkapan pengendalian bahan termasuklah alat hiburan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Tanah Merah, soal alam sekitar juga perlu diambil kira dengan serius supaya seperti yang saya sebutkan tadi, soal pekerja malahan juga orang ramai yang terkesan daripada proses ataupun aktiviti kilang yang tidak cekap di dalam menguruskan jentera mereka sehinggalah orang ramai menerima kesan buruk daripada alam sekitar seperti yang disebut tadi soal habuk, soal bau, soal bunyi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, segala Akta ini tidak akan berkesan sekiranya tidak dijalankan penguatkuasaan yang serius. Dalam erti kata yang lain, jika dahulu kita ada akta yang mungkin mudah dan Akta ini telah memasukkan dalam Fasal 7, denda daripada RM5,000 kepada RM200,000 kepada pesalah-pesalah, ianya juga tidak akan bermakna sekiranya kita tidak serius menguatkuasakannya dan adalah diharapkan supaya dengan adanya Akta ini, ia akan memudahkan, Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan perkataan ia akan memudahkan lagi pihak jabatan untuk menguatkuasakan segala undang-undang yang dikenakan.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil contoh-contoh yang mudah sahajalah. Pertamanya soal... sebagai contoh di dalam memelihara atau di dalam menyelenggarakan lif-lif sama ada lif-lif bangunan-bangunan tinggi ataupun lif di sektor pembinaan untuk orang awam, untuk pekerja dan sebagainya. Kalau lif, Tuan Yang di-Pertua, perlu ada pemeriksaan setahun sekali oleh Jabatan Kilang dan Tentera, ada sijilnya diletakkan di situ. Saya lihat dalam keadaan sekarang oleh kerana disebut tadi, jumlah lif yang begitu banyak, ada 25,000 lebih, tidak mampu disemak, ada fasal di dalam Akta baru ini akan melantik orang yang berlesen untuk mewakili pihak kementerian untuk memeriksanya, memeriksa lif dan lain-lain.

Maksudnya kalau tidak cukup kakitangan atau staf, tidak perlulah kita merujuk kepada JPA. Kita boleh melantik orang-orang yang layak, yang ada sijil profesional dan sebagainya. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya apabila kita membenarkan orang yang berlesen memeriksa bagi pihak kementerian, mereka hendaklah mempamerkan hasil pemeriksaan mereka dengan telus, bukan setakat sijil sahaja yang ditampal atau digantung di lif-

lif ataupun di mana-mana sahaja tetapi juga hendaklah merangkumi butiran-butiran kepada bahagian-bahagian yang diperiksa.

Kalau skru tulislah skru, kalau kabel tulis kabel dan sebagainya supaya orang ramai boleh menilai tentang pemeriksaan mereka dan orang ramai yakin bahawa setiap komponen daripada bahagian yang diperiksa itu benar-benar diperiksa mengikut komponen demi komponen. Silakan Yang Berhormat bagi Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang kerana memberi peluang kepada saya. Saya mohon penjelasan bersetujukah Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa pihak kementerian sendiri mesti ada pasukan pakar yang dari masa ke semasa untuk buat validasi tentang mereka-mereka yang diberi lesen ini. Kerana kita kkuatiri bahawa mereka yang diberi lesen ini tidak menjalankan tugas dengan betul atau pun tidak mengikut seperti mana yang...tidak melakukan pekerjaan seperti mana yang diharapkan, kita juga kkuatir bahawa ada unsur-unsur menggunakan kuasa atau pun unsur-unsur rasuah dan sebagainya, dan saya rasa perlu ada...bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Ledang kalau saya katakan perlu ada pasukan pakar daripada kementerian sendiri, dari masa ke semasa untuk melihat *competencies* atau pun kecekapan orang-orang yang diberi lesen ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat dengan pandangan dengan pandangan Yang Berhormat bagi Gombak dan saya berpendapat, satu badan lain mestilah juga memantau kerja-kerja mereka sepertilah badan pasukan kumpulan perubatan, jurutera dan sebagainya.

Dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum ada Kementerian Kerja Raya, kita sedia maklum ada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi serta multimedia. Kementerian-kementerian ini ada tugas-tugas mereka, seperti CIDB di bawah Kementerian Kerja Raya, seperti TNB di bawah kementerian yang berkenaan. Saya ingin bertanya adakah tugas kementerian-kementerian berkenaan juga perlu menerima atau pun juga di pantau oleh Kementerian Sumber Manusia, melalui akta ini, supaya orang ramai lebih yakin. Walaupun TNB ada pakar mereka sendiri, tetapi mereka juga ada kilang, mereka ada kilang jana kuasa dan sebagainya, mereka ada kilang pemproses air dan sebagainya. Kepada saya perlu juga dilihat supaya akta ini akan merangkumi semua. Begitu juga CIDB mengeluarkan kad hijau, CIDB juga mengeluarkan sijil memasang *staging* seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi. Kepada saya perlu ada pelengkap kepada tugas mereka supaya orang ramai lebih selamat.

Dan yang paling akhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kalau kita bercakap soal kilang-kilang, soal jentera yang besar-besar ini, di kampung-kampung, di pekan-pekan kecil juga di bandar-bandar besar ada bengkel-bengkel kenderaan. Bengkel-bengkel kenderaan Tuan Yang di-Pertua, mereka juga mempunyai peralatan jentera yang melibatkan keselamatan orang ramai. Mereka ada '*jack*' apa kita panggil itu Yang Berhormat bagi Tanah Merah, untuk mengangkat kenderaan ke atas, untuk tujuan

memeriksa bahagian bawah kenderaan dan sebagainya. Mereka juga mengeluarkan minyak yang boleh jatuh di atas lantai licin dan akhirnya juga boleh mengalir ke dalam parit dan sebagainya. Ini semua kepada saya perlu juga diawasi, adakah akta ini juga merangkumi pengusahaan atau pun pengawalan kepada bengkel-bengkel kenderaan tadi. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, selepas itu kementerian jawab.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang pindaan Akta Kilang dan Jentera 1997 dan saya ingin membangkitkan dua isu. Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Sumber Manusia mengenai usaha yang dibuat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan terhadap pekerja dan juga sektor petroleum, 'welding' gas terutama di pelantar minyak di Kertih, Terengganu. Yang mana saya difahamkan pihak Petronas telah membuat permohonan untuk pengecualian kepada perkara berkenaan dan saya berpendapat bahawa kita tidak harus bertolak ansur kepada soal kebajikan, keselamatan dan juga kesihatan pekerja.

Dan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya apakah yang telah dilakukan oleh Jabatan Pekerjaan dan Keselamatan terhadap keselamatan di tempat memproses dan menapis minyak petroleum seperti yang baru-baru ini berlaku kebakaran di Pasir Gudang, yang mungkin akibat daripada litar pintas atau pun kesilapan teknikal. Dan seperti yang kita sedia maklum bahawa kebakaran ini telah mewujudkan asap yang keluar daripada kilang mengandungi karbon *monoxide* yang cukup berbahaya kepada kesihatan manusia. Dan saya juga difahamkan bahawa Jabatan Kesihatan dan Pekerjaan ini cuma bertanggungjawab kepada perkara-perkara yang berada di dalam kawasan atau pun di ruang premis. Sedangkan di luar kawasan adalah menjadi tanggungjawab pihak Jabatan Alam Sekitar. Justeru itu saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah penyelarasan yang telah dibuat oleh jabatan ini dan juga pihak Jabatan Alam Sekitar, kerana kita sedia maklum bahawa kilang berkenaan telah pun rosak, sudah pun terbakar, karbon sudah pun merebak, dan mungkin ada nyawa yang telah melayang. Jadi saya nampak, saya berpendapat juga Jabatan Keselamatan dan Pekerjaan ini harus mengambil tanggungjawab ini bukan sekadar di dalam kawasan premis, tetapi juga di luar kerana ia melibatkan keselamatan dan juga nyawa manusia. Dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekarang pihak kementerian pula menjawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

3.55 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Terutamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang memberikan *respond*

yang cukup baik kepada Akta Kilang dan Jentera 1967 pindaan 2006. Secara keseluruhan saya melihat terdapat pandangan-pandangan yang begitu terserlah, bagus sekali. Dan saya ingin *respond* kepada beberapa pandangan yang telah diberikan.

Pertama daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang membangkit mengenai dengan pihak pekerja, ketiadaan hak minimum denda. Sebagai jawapan, ayat yang digunakan dalam pindaan ini adalah *not exceeding* atau pun tidak melebihi daripada RM250,000 sebagai contoh. Ini bermakna denda yang minimum boleh dikenakan walaupun tidak dinyatakan secara jelas dalam cadangan pindaan.

Yang kedua di samping itu, jumlah denda yang akan dikenakan adalah terpulang kepada budi bicara mahkamah berdasarkan setiap fakta kes, iaitu dengan mengambil kira tahap kemalangan dan jenis kesalahan. Ini bermakna jika tahap kemalangan dan juga jenis kesalahan adalah serius atau pun berat, maka mahkamah sudah tentulah akan menjadikan sebahagian faktor di dalam mengenakan denda yang tinggi. Sebaliknya kalau kesalahan itu agak ringan, maka hukuman pun ringan juga.

Kedua, bila kemalangan sifar boleh dicapai, bagi menjawabnya pihak kementerian...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan...penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat bila saya membangkitkan perkara mengenai denda semalam, yang saya khuatir adalah seperti biasa, bila kita katakan RM250,000 adalah maksimum, yang dari *practice* nya, yang menjadi masalah di mahkamah, dia akan tidak akan kira berapa denda yang akan dikenakan. Dari *practice* dia sangat kurangnya. Itu yang dikhuatiri oleh kongres pekerja bila saya ada beberapa perbincangan dengan mereka

Mereka katakan bahawa jika ada sesuatu minimum, mereka suka, mereka sangat berasa bangga bahawa membawa perubahan-perubahan yang baru-baru ini. Tetapi oleh sebab tidak ada minimum denda itu mereka khuatiri bahawa perkara itu akan tidak akan diambil serius oleh majikan-majikan. Jadi apakah yang boleh diberitahu oleh kerajaan, pendirian kerajaan dalam hal ini. kalau kita lepaskan perkara itu kepada mahkamah saya rasa perkara yang dikhuatiri oleh kongres pekerja akan menjadi realiti.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa Yang Berhormat tidak perlu khuatir dan kita kena yakin dan juga percaya kepada mahkamah ataupun hakim-hakim di Malaysia kerana daripada rekod yang telah diperlihatkan hakim-hakim dan juga mahkamah di Malaysia ini mempunyai keupayaan yang telah teruji dan terbukti. Kedua, bila kemalangan sifar boleh dicapai, saya ingin jelaskan bahawa pihak Kementerian Sumber Manusia sentiasa berusaha mengurangkan kemalangan. 10 tahun dahulu, 1000 pekerja jumlah kemalangannya lebih kurang 19 orang, sekarang 2005 bagi 1000 pekerja jumlah kemalangannya telah berkurang menjadi 5.6% dan ini merupakan antara pencapaian yang terbaik.

Walaupun pekerjaan ataupun kerja itu bertambah dari masa ke semasa, tetapi kemalangan menurun dari masa ke semasa. Pencapaian kita 5.6 merupakan satu pencapaian yang terbaik dalam konteks Asia dan sedang kita menghampiri pencapaian 1000 bagi 35 orang untuk 1000.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat. Saya inginkan pembetulan sedikit Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut 10 tahun dahulu, 1000 pekerja 19 orang dan sekarang 1000 pekerja 5.6%?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: 56 orang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, 56 orang Yang Berhormat, jadi itu saya perasan tadi, kalau 5.6% itu lebih itu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya sudah betulkan tetapi mungkin Yang Berhormat tidak sempat dengar. Apa pun 56 orang ya. Jadi kita mengharapkan supaya kemalangan ini terus menurun daripada masa ke semasa dan kita berusaha untuk menjadikan kemalangan ini kepada tiga ataupun empat berdasarkan kepada pencapaian negara-negara maju seperti Sweden, Norway, Korea, Jepun, Amerika, Australia, New Zealand dan juga Eropah. Tetapi tidak mungkin kita akan memperoleh kemalangan sifar, kosong. Ke arah tu bolehlah kita katakan sebagai teori, tetapi kita bergerak ke arah itu. Yang kedua, jika tidak di lapor kemalangan apa tindakan diambil? Mengikut akta setiap kemalangan perlu di lapor kepada jabatan.

Jika majikan tidak melapor kemalangan dan fakta ini diketahui oleh jabatan maka majikan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut pindaan yang dicadangkan di bawah Seksyen 31, tidak melaporkan kemalangan di mana dendanya adalah RM100,000 maksimum atau penjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya sekali. Jabatan telah mengadakan satu prosedur di mana kemalangan maut, kemalangan yang menyebabkan kecederaan teruk anggota badan mesti disiasat serta-merta oleh pegawai jabatan. Kelewatan memulakan siasatan mungkin berlaku kerana majikan tidak melapor atau lewat melapor kemalangan kepada jabatan.

Juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan pampasan kepada orang terbencana terlalu sedikit dan adakah pihak pekerja boleh mengambil tindakan sivil ke atas majikan setelah pampasan dibayar oleh PERKESO.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak payah gendang. Yang Berhormat itu bukan tabla, saya nampak ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh, boleh. Saya ingat tidak dengar, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini bila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa majikan memberitahu kepada kementerian, kepada pejabat di kementerian atau bila

pekerja memberitahu mengenai kemalangan. Yang saya kawatiri yang saya bangkitkan isu semalam adalah kes-kes di mana majikan tidak memberitahu mengenai kemalangan dan pekerja tidak tahu hak dia, jadi apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian dan tempoh masa dari berapa hari ke tarikh kemalangan penyiasatan akan dibuat dan tindakan akan diambil. Kerana saya sendiri tahu mengenai beberapa majikan yang selepas satu kemalangan yang serius ini mereka melarikan diri dan tidak melaporkan kepada pihak Kementerian.

Nombor dua, berapa kalikah setiap tahun atau setiap bulan pegawai-pegawai dari Kementerian pergi untuk melawat kilang-kilang untuk menyiasat dengan sendiri adakah mereka itu mengikut apa-apa arahan yang sedia ada dari segi undang-undang?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya setiap pekerja dan juga majikan diberitahu hak-hak mereka, pekerja tahu hak-hak pekerja, majikan tahu hak-hak majikan. Kita Kementerian Sumber Manusia juga ketahui hak-hak kita dan juga tanggungjawab kita. Jadi oleh hal yang demikian tidak timbul pekerja tidak mengetahui ataupun majikan tidak mengetahui, yang timbul ialah majikan itu ingkar. Jadi ini tidak timbul majikan tidak mengetahui. Mengenai dengan tindakan kita, kita apabila menerima sesuatu bencana ataupun sesuatu laporan kita terus bertindak.

Malah mereka yang menerima kematian lazimnya kita bayar pampasan mereka dalam tempoh tiga hari bekerja, tidak ada orang boleh buat macam itu Yang Berhormat tetapi Kementerian kita membuktikan bahawa dalam tempoh tiga hari bekerja, kita menyelesaikan dan peratus penyelesaiannya sangat tinggi iaitu lebih daripada 83.5% bagi kes-kes yang kita dapat selesaikan dalam tempoh tiga hari berasaskan kepada fakta-fakta, bukti-bukti serta dokumen-dokumen yang lengkap dan juga tepat. Kalau bukti dokumen itu tidak lengkap, tidak cukup, maka ia mengambil sedikit masa. Tetapi daripada penyiasatan-penyiasatan, tindakan-tindakan yang kita buat lazimnya apabila dokumen itu lengkap tidak lebih daripada 14 hari.

Inilah kelebihan yang ada pada kita, kelebihan pegawai-pegawai kita menjalankan tugas. Mengenai dengan pertanyaan Yang Berhormat juga adakah pampasan dibayar oleh pihak PERKESO? Memang PERKESO membuat bayaran pampasan. Sebagai contohnya, pada tahun lepas 2005 pihak PERKESO telah pun membelanjakan sejumlah RM890.21 juta dan melibatkan lebih daripada 61 ribu orang pekerja. Jadi yang cerita jari kudung seorang wanita, itu merupakan satu contoh yang terpinggir dan Yang Berhormat sendiri pun tidak melaporkan kepada saya, tidak menamakan kepada saya siapakah wanita itu.

Walau bagaimanapun saya tetap memberikan peluang kepada Yang Berhormat untuk menamakan wanita berkenaan agar pampasan yang sesuai, setimpal dapat dibayar, boleh? Terima kasih. Selain daripada itu juga saya hendak sebut juga jumlah pampasan-pampasan yang kita beri. Hilang upaya sementara kita telah berikan kepada 53,103 orang, hilang upaya kekal 23,297 orang, faedah orang tanggungan 34,843 orang pencen ilat 33,089 orang, pencen penakat 124,237, jumlah 268,569 orang. Jadi tidaklah benar dakwaan Yang Berhormat bahawa

pegawai-pegawai kita tidak menjalankan tugas, bahawa pegawai-pegawai kita tidak turun padang mungkin Yang Berhormat yang tidak turun padang, *sorry*.

Penyakit pekerjaan juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat, penyakit pekerjaan yang ada contohnya berkaitan dengan bunyi bising, kimia, habuk dan juga cahaya. Selain daripada itu Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga menimbulkan perkara apakah hak pekerja setelah bersara bagi mendapat pampasan atau faedah di bawah Akta Keselamatan, Sosial Pekerja 1999 Akta 4, setelah mendapat tahu bahawa pekerja berkenaan mengalami penyakit pekerjaan. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa hak pekerja yang telah bersara di bawah Akta 4, seorang pekerja yang telah bersara masih berhak untuk menuntut dari PERKESO dalam tempoh lima tahun dari tarikh persaraan dengan syarat bahawa penyakit pekerjaan tersebut boleh dibuktikan melalui laporan doktor perubatan.

Ada juga orang tidak faham apa itu penyakit pekerjaan ialah penyakit kulit, penyakit daripada bunyi bising jadi pekak, habuk, mata, masuk ke dalam radang paru-paru, jantung dan sebagainya. Dan juga perlu dijelaskan hak umur tuntutan di bawah PERKESO adalah 55 tahun bagi pekerja tersebut.

Juga ditanya kenapa pihak PERKESO membayar faedah atau pun pampasan kepada pekerja pada kadar yang rendah atau kecil. Bagi aspek pembayaran, ingin dijelaskan bahawa bayaran tersebut berdasarkan kepada masa dia bekerja, panjang masa dia bekerja. Contohnya kadar pampasan atau pun faedah akan dibayar pada kadar minimum berdasarkan kadar bayaran RM10 sehari kalau pekerja itu adalah pekerja baru. Kadar juga dikira selepas dapat bayaran gaji sebulan atau ikut gaji pekerja lain yang sama taraf atau ikut kadar gaji di majikan lama.

Selepas itu kita buat perkiraan untuk dibuatkan pembayaran. Daripada saudara Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Ditanya mengenai dengan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat, saya rasa perkara yang Yang Berhormat memberi keterangan mengenai bila seseorang bersara, selepas itu dia ada tempoh masa lima tahun untuk membuat jika ada apa-apa tuntutan, dia ada hak untuk membuat tuntutan dari segi undang-undang. Itu kita tahu dan *occupation disease* adalah berkaitan dengan ini. Yang saya bangkit semalam ada sedikit beza. Yang saya kata adalah di mana pekerja-pekerja tidak tahu bahawa mereka ada hak kerana mereka telah bersara dan mereka tidak tahu bahawa penyakit yang mereka hadapi sekarang adalah berkaitan dengan pekerjaan mereka.

Itulah saya kata bagaimana kerajaan dapat membantu pada pandangan saya, dengan satu cara yang senang adalah menulis surat atau menghubungi semua pekerja-pekerja yang bersara di negara ini pada setakat umur 50 atau 55, tulis kepada mereka ini adalah hak kamu.

Jika ada apa-apa penyakit yang mungkin timbul kamu ada hak untuk mengambil tindakan untuk membuat *claim* kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dan lagi satu adalah di mana baru-baru ini dibangkitkan di mana doktor-doktor di negara ini, ramai antara mereka tidak mahu merujuk atau mengambil satu inisiatif merujuk perkara-perkara di mana mereka pekerja-pekerja ini telah mendapat penyakit akibat dari kerja mereka. Mereka tidak rela atau tidak membuat sedemikian. Ini ada rekod di mana Menteri sendiri setuju bahawa berbanding dengan di UK di mana *ratio* nya sangat hairan di sana dikatakan 1 kes untuk 6500 dan di sini banyak bezanya dan ini adalah satu ruang beza yang tidak boleh dipercayai. Dan dikatakan adalah disebabkan oleh doktor-doktor di mana mereka tidak merujuk dan jadi apakah tindakan yang telah diambil dan akan di ambil untuk menolong pekerja-pekerja dalam hal ini?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya fikir pertama tulis surat. Itu satu cadangan yang baik, kita boleh terima. Bagi doktor-doktor saya ingin jelaskan bahawa tidak benar kalau kita kata tidak ambil berat kerana di bawah PERKESO sahaja kita mempunyai lebih pada 300 orang doktor yang menjalankan peranan tindakan mereka bagi membantu pekerja-pekerja yang mengalami penyakit dan sebagainya. Berbalik kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu, kesedaran terhadap keselamatan kesihatan pekerjaan kurang di kalangan majikan. Saya ingin jelaskan bahawa JKPP sentiasa menjalankan promosi melalui sama ada kempen, seminar, *talk show*, memberi ceramah di kilang-kilang, premis-premis NGO seperti MTUC, *Trade Union* dan sebagainya.

Juga ditimbulkan mengenai dengan penguatkuasaan perlu kukuh dan berkesan, perlu lihat kelayakan pegawai. Saya ingin jelaskan bahawa pegawai penguat kuasa terdiri daripada kalangan jurutera-jurutera yang bertauliah yang berkelayakan. Kita ada 208 orang jurutera dibantu oleh penolong jurutera seramai 202 orang dan juruteknik seramai 173 orang. Berjumlah 583 orang dan mereka ini mereka yang layak bukan sahaja mempunyai kelulusan akademik daripada pusat-pusat pengajian tinggi tetapi juga mereka mempunyai pengalaman-pengalaman, kelayakan-kelayakan dan juga ditokok tambah dengan seminar, kursus dan pelbagai perkara lain.

Jadi jangan khawatir tentang keupayaan kebolehan pegawai-pegawai kita dan mereka juga di hantar ke seluruh dunia standard mereka standard dunia. Mereka ini di taburkan di seluruh dunia, dan membawa pelbagai pengalaman yang begitu baik sekali. Dalam buku laporan ini kalau tuan-tuan baca, Yang Berhormat-Yang Berhormat baca, nama-nama pegawai yang dihantar ke seluruh dunia pun ada iaitu Laporan Tahunan 2004 Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Selain daripada itu juga, semua pegawai sentiasa dilihat dan juga dipantau daripada masa ke semasa dan juga jabatan sedang membuat permohonan ke agensi pusat untuk menambah lagi banyak bilangan jurutera-jurutera atau pun pegawai-pegawai yang berkelayakan. Selain daripada itu ditimbulkan juga...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, sekejap.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bagi *chance* Yang Berhormat bagi Marang minum sedikit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Apa dia?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bagi *chance* minum air itu sekejap. Saya hendak tanya satu soalan. Saya setuju dan amat gembiralah apabila mendengar kementerian Yang Berhormat mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang tinggi di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini. Yang Berhormat adakah pihak kementerian berusaha untuk mewujudkan satu suasana bukan *friendly* kerana keselamatan, pegawai-pegawai keselamatan ini, kita tidak boleh anggap mereka ini seperti rakan, kita kena anggap mereka ini seperti apabila mereka datang ini ke premis-premis pekerjaan, rasa takut dan khuatir di kalangan majikan dan pekerja-pekerja seolah-olah macam BPR atau pun polis datang untuk menyiasat.

Adakah suasana ini berlaku di premis-premis pekerjaan apabila kehadiran pegawai-pegawai keselamatan dari kementerian Yang Berhormat. Yang kedua, bagaimana mereka ini berketerampilan? Umpamanya di negara-negara maju yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, pegawai keselamatan ini kedudukannya amat tinggi dan tidak boleh dipertikaikan kewibawaannya. Bila mereka datang, lengkap dengan lencana pengenalan dan pakaian yang menunjukkan mereka ini benar-benar menghargai keselamatan. Datang dengan gahnya, datang dengan wibawanya supaya amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini boleh berlaku di tapak kerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, satu soalan yang baik dan bernas. Perlu saya jelaskan bahawa pegawai-pegawai kita ini mesra pelanggan, mesra pengguna, mesra majikan. Pegawai kita ini datang bukan dengan berlagak, datang bukan hendak tunjuk kuasa, bukan hendak tunjuk *power*. Tetapi datang untuk menolong dan membantu. Sehingga hari ini dan juga selama saya lebih pada dua tahun setengah di kementerian selaku Timbalan Menteri Sumber Manusia, saya tidak terima satu *complain* pun daripada mana-mana majikan. Majikan yang ada di Malaysia ini 578 ribu majikan. Yang aktif 350 ribu lebih.

Saya tidak terima bahawa ini sombong, ini ego, ini rasuah, tidak ada lagi. Jadi saya jelaskan bahawa pegawai-pegawai kita ini cukup-cukup profesional di dalam menjalankan tugas dan memang mereka datang kita galakan mereka memakai uniform dengan tujuan untuk mudah dikenal pasti, tidak bercampur aduk dengan lain-lain pegawai. Maklumlah, sekarang ini ramai juga penyangak, penyamun, penjenayah-penjenayah yang ada tiru pakaian polis pun ada, tiru polis tentera pun ada kerana hendak merompak dan sebagainya. Jadi kita ada identiti pengenalan kita sendiri termasuklah kad kuasa yang diguna pakai oleh pegawai-pegawai kita.

Lain daripada itu, Yang Berhormat juga turut bertanya apakah kilang-kilang haram juga boleh digunakan undang-undang yang sama. Mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, semua tempat kerja termasuk kilang haram perlu mematuhi kedua-dua akta yang dinyatakan di atas. Tidak ada pengecualian. Kedua, JKPP

sentiasa menjalankan penguatkuasaan dan operasi bagi mengesan kilang-kilang haram ini dan tindakan undang-undang akan diambil sekiranya bukti-bukti kukuh diperoleh untuk membawa kes ke mahkamah.

Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat ada maklumat kilang-kilang haram ini, boleh dilaporkan kepada kita untuk kita buat tindakan. Juga dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu melantik juru runding KKP luaran termasuk juga Yang Berhormat dari Kinabatangan. Ini merupakan satu cadangan tetapi kita lebih mengutamakan orang-orang tempatan. Buat masa sekarang ini, kita masih mempunyai cukup tenaga-tenaga pakar. Kita hanya mengambil orang luar kalau tidak ada orang dalam. Buat apa kita ambil orang asing kalau orang tempatan ada. Kita tidak mahu ayam di kepok mati kelaparan, itik di air mati kehausan. Kita hendak biarlah kita gunakan orang tempatan dahulu sebelum kita mengambil orang luar. Saya juga hendak jelaskan di sini bahawa *Safety Officer* ini berfungsi untuk menasihati dan juga membantu majikan. Memastikan semua aspek KKP di tempat kerja diberi perhatian yang serius oleh majikan dan juga ditanya mengenai berapa banyak tindakan undang-undang yang diambil.

Ingin saya jelaskan bahawa JKKP telah mengambil tindakan seperti berikut:

- i. notis larangan,
- ii. kompaun;
- iii. kes perbicaraan; dan
- iv. denda.

Bagi notis larangan saya ambil satu contoh iaitu tahun 2005. Notis-notis larangan yang kita keluarkan kepada majikan sejumlah 5,948 notis. Kompaun 1,188, kes-kes perbicaraan yang kita hadapkan ke mahkamah sejumlah 179 kes dan jumlah denda sejumlah RM174,700 yang diperolehi.

Ini memperlihatkan bahawa tindakan undang-undang berjalan dengan begitu baik sekali dan juga ditanya, berapa banyak kilang yang ada dasar keselamatan dan kesihatan, berapa banyak jawatankuasa keselamatan. Saya ingin jelaskan bahawa bagi tahun 2005, kita mempunyai dasar keselamatan kesihatan dan *safety committee* seperti berikut:

- i. dasar KKKP 10,999; dan
- ii. *safety committee* 29,307

Walaupun begitu, kita masih terus meminta supaya semua kilang-kilang, semua tempat-tempat bekerja yang mempunyai pekerja 40 orang dan lebih, wajib dan mesti mematuhi untuk mewujudkan suatu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.

Saya merasa cukup bangga kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu kerana amat menekankan tentang soal keselamatan dan juga kesihatan. Saya juga selaku Pengerusi Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Negara juga mengambil berat agar semua tempat kerja menjadikan budaya selamat dan sihat sebagai amalan hidup mereka yakni mereka tidak mementingkan pekerjaan sahaja ataupun majikan tidak mementingkan keuntungan tetapi

mementingkan aspek keselamatan sebagai suatu yang mustahak kepada semua sama ada majikan dan juga pekerja.

Juga ditanya di sini, oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat sama ada pekerja asing boleh mencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969? Saya ingin jelaskan bahawa pekerja-pekerja tempatan kalau dia bekerja dengan awam, dia dengan KWSP. Di mana pula pekerja-pekerja swasta ini, dia mencarum dengan pihak PERKESO ataupun SOCSO dalam bahasa Inggerisnya.

Tetapi bagi pekerja asing, mereka tidak dibenarkan untuk mengambil KWSP ataupun mencarum dengan PERKESO. Semua pekerja asing diwajibkan untuk membeli insurans. Semua pekerja asing diwajibkan membeli insurans ini dan insurans ini tidak dibeli oleh pekerja itu sendiri tetapi dibeli oleh majikan. Jumlah seorang pekerja yang mesti membeli insurans ialah sebanyak RM72 seorang. Tujuannya adalah apabila mereka ditimpa kemalangan, kecederaan atau berlaku kematian, maka syarikat-syarikat insurans ini akan membayar balik kepada kematian dan kemalangan itu.

Setakat hari ini kita mempunyai 24 syarikat insurans yang ada di Malaysia bagi *cover* kepada pekerja-pekerja asing yang berjumlah kira-kira 1.95 juta orang....

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Lipis bangun.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam konteks membeli insurans untuk pekerja asing ini, ada atau tidak sindiket atau apa-apa yang membuat insurans palsu dan apabila berlaku kemalangan terhadap pekerja asing ini, mereka tidak boleh hendak membuat tuntutan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Pekerja asing hanya di *cover* dengan 24 syarikat insurans yang telah disahkan pendaftarannya dengan pihak Kementerian Sumber Manusia. Tetapi setakat dan sejauh ini, kita tidak menemui sindiket-sindiket haram selain daripada 24 buah syarikat yang 'halal'. Jadi soalan itu saya fikir menjawab apa yang telah ditanyakan.

Saya juga ingin menjawab kepada pandangan Yang Berhormat bagi Maran, Pahang iaitu berapa banyak promosi, *road show*, kempen yang telah dijalankan oleh jabatan kita. Kita telah menjalankan banyak sekali *road show*, kempen dan sebagainya. Sebagai contoh, kita menjalankan ceramah sebanyak 492 ceramah, pameran 119, *TV Talk Show 7*, *Radio Talk Show 6*, artikel dalam akhbar dua, termasuk saya tulis pun ada satu.

Selain daripada itu juga saya hendak *respond* kepada Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat bagi Larut bertanya mengenai caruman yang dibuat tetapi kenapa pampasan lambat dibuat. Saya hendak sebut bahawa pampasan akan cepat dibuat kalau sekiranya rekod-rekod dapat dikemaskan dengan cara baik oleh pekerja dan juga majikan. Tetapi pampasan ini akan

lambat dibayar kalau sekiranya rekod-rekod yang kita kehendaki tidak cukup seperti nama, alamat, pekerjaan, kad pengenalan dan sebagainya, jadi ini akan melambatkan.

Saya juga ditanya mengenai tindakan ke atas majikan yang tidak membuat caruman kepada SOCSO. Majikan yang tidak mencarum kepada SOCSO adalah salah dan boleh didenda dan juga boleh didakwa.

Pertanyaan lain yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut, adakah peruntukan kos untuk majikan menangani isu-isu JKPP. Pada waktu ini, tiada peruntukan khusus yang menghendaki majikan menetapkan sejumlah wang bagi menangani isu-isu KKP. Pada masa ini jabatan sedang mengkaji untuk mengadakan suatu peruntukan bagi menghendaki majikan menyediakan sejumlah wang untuk menangani isu-isu KKP khususnya di tapak binaan juga ditanya mengenai, apakah tindakan yang boleh diambil ke atas majikan yang tidak mencarum.

Tindakan penyiasatan ke atas majikan akan dijalankan oleh PERKESO jika terdapat bukti *prima-facie* kesalahan dilakukan oleh majikan berkaitan maka tindakan pendakwaan akan segera diambil oleh PERKESO. Tindakan pendakwaan boleh diambil di bawah Seksyen 94 di mana hukumannya adalah penjara selama tempoh tidak lebih daripada 2 tahun atau denda tidak lebih RM2,000 atau kedua-duanya sekali dan ini saya juga hendak buktikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, statistik jumlah pendakwaan untuk tahun 2005, ada 160 kes. Jumlah denda di mahkamah RM953,369. Jumlah tunggakan yang berjaya dikutip RM156,800. Kompaun dilaksanakan oleh PERKESO mulai 1 Mei 2006, beberapa kes sedang dalam kajian untuk diambil tindakan mengkompaun.

Juga ditanya mengenai mengapakah tuntutan lambat dibayar, sedangkan caruman telah dibuat. Kelewatan itu sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi tambahan-tambahan juga perlu saya nyatakan di sini iaitu kita juga melibatkan rayuan ke jemaah doktor, di samping juga kita juga berhubung dengan waris, majikan dan sebagainya termasuk melengkapkan dokumen-dokumen yang ada.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan mencadangkan dilantik konsultan luaran. Saya telah sebutkan tadi, soalan telah terjawab.

Yang Berhormat bagi Jerai membangkitkan, berapakah banyak kilang *boiler*, lif, *accident*, maut, hilang upaya kekal, tiada hilang upaya kekal dan sebagainya. Untuk jawapan, *[Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Jerai]* Mana pula Yang Berhormat bagi Jerai ini?

Untuk tahun 2005, pendaftaran adalah seperti berikut, dandang, dandang ini cakap Melayu bukan filem James Shamsudin ya?

- Dandang ini cakap Orang Putih – *boiler*, ada 10,512 buah;
- pengadun tekanan tak berapi – *unfired pressure vessel* ada 106,449 buah;
- lif dan juga *escalator* yang disebut-sebutkan tadi, angka tepatnya 25,260 buah;

- crane bergerak 14,401;
- lain-lain mesin angkat 37,672;
- pemasangan termasuk alat-alatan pemasangan ini 28,326;
- kilang, jumlah kilang 22,631.

Bagi kemalangan pula:

- kemalangan yang dilaporkan 61,182 kes;
- kemalangan maut 771.

Pemeriksaan yang telah kita buat di tempat-tempat kerja:

- tahun 2003 sebanyak 121,134;
- tahun 2004 sebanyak 139,698.

Jumlah bayaran saya telah sebut tadi RM890.21 juta dan jumlah pekerja yang mencarum dengan SOCSO sekarang ini sebanyak 4.8 juta.

Ditanyakan juga oleh ramai Ahli Yang Berhormat di sini cukupkah pegawai untuk menguatkuasakan undang-undang atau Akta Kilang dan Jentera ini apabila telah diluluskan. Untuk menjawabnya bilangan penguatkuasaan yang sedia ada ialah seramai 208 orang engineer, penolong jurutera 202, juruteknik 173. Walaupun begitu kita masih memerlukan kira-kira 120 orang lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan ini sedang kita usahakan dengan JPA untuk memperlengkapkan serta menambah pegawai-pegawai demikian.

Ditanya juga adakah keselamatan dan kesihatan pelajar di sekolah dan pusat pengajian tinggi dipastikan. Di peringkat IPT telah diwujudkan Majlis Bersama di mana cadangan untuk mengadakan satu subjek KKKP sebagai subjek elektif, dan di bawah pusat pengajian tinggi ini juga terpakai sebahagian daripada perkhidmatan awam dan majikan di setiap pusat pengajian tinggi dan sekolah. Walau bagaimanapun, kita tidak mempunyai kuasa untuk memaksa Kementerian berkenaan untuk mengadakan subjek ini. Walau bagaimanapun, kita sangat berterima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran sama ada yang rendah ataupun IPTA kerana telah mula meletakkan subjek-subjek keselamatan dan kesihatan ini sebagai subjek-subjek elektif.

Seterusnya daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat, jika pekerja asing ditimpa kemalangan adakah majikan menyediakan kos rawatan? Ada jawabnya. Juga ditanya, mencadangkan supaya pekerja asing juga mencarum kepada PERKESO, saya sudah jawab tadi. Gunakan insurans. Apakah penyakit-penyakit industri? Banyak sekali penyakit industri tetapi ia berkisar akibat daripada bunyi bising, bahan kimia, habuk, asap, keracunan timah hitam dan sebagainya. Ditanya lagi, adakah kerajaan telah mempunyai dasar KKKP negara? Sememangnya sudah lama pihak Kementerian Sumber Manusia mempunyai dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara dan kita juga hendak sebut di sini dasar ini diperkemaskan daripada masa ke semasa.

Seterusnya daripada Sri Gading bertanya mengenai soal kesihatan pekerja asing adakah diabaikan, adakah pampasan diberi kepada pekerja asing jika berlaku kemalangan maut?

Pekerja asing atau pekerja tempatan dilindungi oleh akta yang sama. Oleh itu majikan mempunyai tanggungjawab untuk membantu membela mereka apabila ditimpa kemalangan. Saya hendak beri beberapa contoh, bila pekerja asing ini meninggal dunia, mayat mereka dihantar ke negara masing-masing *source country* dengan bayaran yang diberi sebanyak RM4,800. Kalau dia mati dia dapat insurans sebanyak RM25 ribu. Kalau dia cacat anggota boleh dibayar sehingga maksimum RM25 ribu. Kalau dia cacat sikit kita bayar sikit, kalau dia cacat banyak, kita bayar banyak tetapi maksimumnya tetap RM25 ribu sahaja. Tak sama dengan yang Malaysia. Malaysia ini di bawah PERKESO banyak, bukan RM230 sahaja macam Ipoh Barat sebut. Ada sampai RM40 ribu ada RM80 ribu, RM100 ribu pun ada kerana berdasarkan kepada pertama kecacatan, kedua mereka ini adalah orang tempatan.

Seterusnya ditanya apakah dihalang pekerja asing menunaikan ibadat pada hari Jumaat? Pekerja asing tidak dihalang untuk menjalankan ibadat pada hari Jumaat termasuk juga pekerja tempatan. Kalau ada yang kita temui boleh laporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja ataupun kepada kementerian saya, malah boleh dibuat laporan kepada polis kerana usaha yang tidak baik. Tetapi setakat hari ini kita tidak menerima, kalau adapun cerita dahulu-dahulu, 5 atau 6 tahun dahulu mungkin adalah. Ini adalah majikan yang tidak bertanggungjawab dan juga majikan yang tidak baik.

Ditanyakan juga adakah majikan dibawa ke mahkamah? Memang benar majikan dibawa ke mahkamah sebagai mana yang saya sebutkan tadi tentang notis larangan, kompaun, jumlah denda dan sebagainya.

Seterusnya Jerai bertanya aktiviti publisiti, saya telah jawab tadi. Bajet kempen dan publisiti - banyak. Kita ada bajet kempen lebih kurang RM5 juta untuk pengiklanan sama ada melalui tv, media, *talk show*, pameran dan sebagainya. Dan ini akan terus ditingkatkan daripada masa ke semasa. Juga ditanya tentang apakah tindakan kalau ada majikan tidak melaporkan kemalangan akan pekerja mereka? Pekerja boleh melaporkan terus kepada PERKESO dan pihak PERKESO akan menjalankan siasatan ke atas majikan tersebut dan sekiranya majikan itu gagal ataupun ingkar atau enggan melaporkan kemalangan, maka tindakan pendakwaan boleh diambil kepada majikan berkenaan.

Yang Berhormat bagi Jasin bertanya tentang kilang-kilang beroperasi tanpa lesen, adakah undang-undang atau Akta Kilang dan Jentera terpakai bagi kilang tidak berlesen ini. Saya ingin menjelaskan bahawa semua tempat kerja yang ditakrif sebagai kilang termasuk kilang tanpa lesen adalah tertakluk dalam akta ini. Bagi kilang-kilang haram kita akan ambil tindakan mahkamah dan dirujuk kepada Majlis Daerah dan PBT iaitu pusat tempatan yang berkenaan untuk tindakan seterusnya. Pekerja asing diambil oleh satu syarikat dan pekerja-pekerja asing ini diagih untuk bekerja di kilang-kilang. Jika berlaku kemalangan siapakah yang bertanggungjawab ke atas perkara ini?

Di bawah Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, majikan-majikan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan kesihatan semua

pekerjanya sama ada asing atau tempatan. Jadi jangan anggap mereka ini asing, jangan anggap mereka ini orang Indonesia atau Bangladesh ataupun orang Cina, maka majikan hendak melekeh-lekehkan mereka. Sebenarnya mereka tetap tertakluk kepada Akta Keselamatan Pekerjaan 1994 di bawah Seksyen 15.

Ditanyakan juga kepada saya, adakah kakitangan JKPP mencukupi, telah pun saya jawab tadi dan tidak perlu saya ulang jawapan ini. Juga ditanya mengenai dengan isu kemalangan di Plaza Damas, isu kemalangan di Plaza Damas ini, majikan telah didakwa dan masih di dalam perbicaraan dan kes akan disambung pada 17 Ogos 2006.

Bagi kejadian yang baru berlaku di mana pekerja ditimpa batu-bata, siasatan sedang dijalankan dan arahan berhenti kerja telah dikeluarkan. Saya sendiri pun sudah melawat di Binjai yang *scaffolding* jatuh, yang 'pelancar' jatuh - orang itu telah mati, kita telah memberi arahan berhenti serta-merta. Begitu juga pada satu kilang di mana satu *coil* yang diangkat dengan *crane* terluat dia punya skru jatuh mati. Saya sendiri melawat tempat itu di Nilai dan kita beri arahan berhenti kerja serta-merta di seluruh kilang itu. Jadi tindakan kita tegas dan insya-Allah akan menjadi pengajaran kepada syarikat-syarikat lain yang kurang mengambil perhatian.

Juga ditanya tentang sijil kelayakan CF jika diperolehi secara rasuah sama ada CF masih sah. Berdasarkan kepada cadangan di mana jika ia diperolehi secara rasuah sama ada secara *fraud* (tipuan) atau salah guna kuasa, ketua pemeriksa boleh membatalkan sijil kelayakan berkenaan. Jadi kita tidak hendak rasuah, tidak hendak main tipu-tipu ini, kita hendak yang elok-elok sahaja. Jadi kita boleh batalkan kalau dapat dibuktikan rasuah ataupun tipu.

Kemudian ditanya juga tentang kes-kes yang lain termasuk kes-kes yang berkaitan oleh Kuala Selangor tadi. JKPP mempunyai skop tugas dalam kilang dan DOE di luar, bagaimana penyelarasan dibuat. Mengenai dengan aktiviti pengilangan pihak DOSH dan DOE sentiasa membuat penyelarasan antara satu sama lain. Contohnya semasa membuat lawatan, jika pihak JKPP mendapati terdapat pelanggaran terhadap peruntukan DOE pihak JKPP akan membuat pemberitahuan kepada pihak DOE dan juga sebaliknya.

Saya juga hendak sebut tentang maksud pertanyaan Yang Berhormat mengenai dengan apakah ada pengecualian oleh pihak Petronas dalam soal keselamatan dan kesihatan. Bagi kita tidak ada pengecualian walaupun dia pun dia Petronas.

Kalau kita kecualikan kepada Petronas, apa kata kepada Shell, apa kata kepada Exxon, apa kata Mobil, apa kata syarikat-syarikat minyak yang lain. Jadi standard kita, keselamatan dan kesihatan, kita tidak kecualikan. Tegas, bahawa keselamatan itu menyeluruh walaupun Petronas merupakan satu syarikat yang besar, tetapi dari segi keselamatan dan kesihatan, kita tidak ada pengecualian. Ledang bertanya, ..

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Ya, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh berikan Dewan kalau adalah maklumat tentang apakah kedudukan kes kebakaran di tangki Petronas Pasir Gudang itu? Kalau ia boleh dimaklumkan kepada saya. Terima kasih.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Kes terbakarnya. Yang kilat itu, yang disambar petir?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Di Pasir Gudang, kita telah menegaskan bahawa semua majikan, bukan sahaja di Pasir Gudang, langkah-langkah keselamatan mestilah diambil, mestilah dibuat terlebih awal termasuk memasang alat lintas ataupun pantau kilat itu sendiri. Ini, kita juga sedang membuat pertanyaan kepada mereka, apakah alat demikian dipasang ataupun digunakan? Jadi, kalau setakat hari ini kita tidak mendapat jawapan yang kemas lagi dan masih lagi dalam penyiasatan. Berbalik kepada Ledang, perkara adakah TNB dan bengkel terpakai dalam Akta ini? Jawabannya, Ya. Kedua-duanya termasuk ke dalam Akta ini. Selain daripada itu, saya juga nak jelaskan mengenai dengan perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Gombak, iaitu kementerian perlu ada pakar-pakar sendiri. Sebagai jawabannya, memang kita mempunyai pakar-pakar kita sendiri dan memang kita mempunyai cukup orang. Tetapi yakinlah bahawa pakar-pakar ataupun inspektor-inspektor kita ini tidak akan menyalahgunakan kuasa kerana mereka sendiri sentiasa dipantau dari semasa ke semasa dan juga mereka tertakluk kepada *Chief Inspector*. *Chief Inspector* ialah Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan juga Kesihatan Pekerjaan. Jadi, tidak timbul keraguan adakah dipantau melalui KSM ini? Jadi, ini saya fikir sudah menjawab kepada pertanyaan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Ya, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya suka menyarankan kepada kementerian Yang Berhormat untuk mengadakan siasatan kepada Pegawai-Pegawai Berkebenaran, *Authorised Person*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga *Computer Person* di dalam Tenaga Nasional Berhad. Saya difahamkan hari ini, jurutera-jurutera baru yang muda yang bertugas di peringkat pembahagian dan penghantaran Tenaga Nasional Berhad cuba mengelakkan diri daripada mempunyai *authorisation* ini dan menyerahkan kepada *foreman-foreman*, juruteknik-juruteknik yang lama. Di mana mereka ini berkebenaran, dan jurutera-jurutera ini hanya memberikan arahan. Dalam peraturan keselamatan syarikat, Tenaga Nasional perlu mempunyai jurutera-jurutera yang berkebenaran. Maknanya, mereka perlu melakukan penyuisan, mempunyai pengetahuan yang dalam tentang sistem pembahagian TNB di peringkat pembahagian di daerah-daerah. Jadi saya minta, kalau boleh Yang Berhormat hantar pegawai, Yang Berhormat Menteri atau pegawai-pegawai untuk siasat perkara-perkara ini, kerana inilah punca kemalangan mudah berlaku di dalam sistem pembahagian Tenaga Nasional Berhad. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Saya terima baik cadangan tersebut. Saya juga ingin *response* kepada Tanah Merah. Tanah Merah menerima baik syor untuk menaikkan kadar denda RM5,000 sehingga RM250,000. Dua tahun menjadi lima tahun, dianggap wajar dan ini sememangnya begitu kerana sejauh pengalaman kita, semenjak Akta ini belum dipinda kerana Akta ini dibuat pada tahun 1967, sehingga sekarang sudah berpuluh-puluh tahun. Kadar denda itu memang rendah dan tidak ada kesan *punitive*. Tidak ada rasa bimbang, gerun, takut dan sebagainya. Jadi dengan cara menaikkan kadar ini, bukan sahaja membimbangkan mereka, tetapi menyedarkan mereka akan tanggungjawab. Sebenarnya tidak ada penganiayaan. Kalau sekiranya majikan tersebut bertanggung jawab dan juga mempunyai rasa keprihatinan yang penting kepada keselamatan dan sebagainya, dia tidak ada perlu bimbang, tidak ada rasa gentar dan sebagainya. Saya juga sebut nak jelaskan mengenai dengan penganjuran *amusement park* ataupun tempat-tempat hiburan, *funfair* dan sebagainya. Kita di Malaysia ini, banyak tempat-tempat hiburan seperti dekat Sunway, di Bukit Merah, di Melaka, macam-macam tempat. Dulu, dalam Akta lama 1967, kawalan kepada alat-alat jentera ataupun *machine* ini tidak dimasukkan di dalam Akta ini. Sebab itu, apabila terjadinya kemalangan, contohnya kemalangan maut di Sunway tempoh waktu dulu, kita tidak dapat mendakwa dan juga mengambil tindakan. Jadi dengan adanya suatu Akta baru ini, membolehkan kita mendakwa mereka dan ini terkandung dalam Fasal 3. Sila.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Timbalan Menteri. Bagaimana pula dengan *funfair* bergerak yang berpindah-pindah dari satu tempat ke satu tempat? Kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut *funfair* yang tetap, termasuk tak?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, termasuk. Termasuk. Termasuk sebagaimana di dalam Akta 3 ini. Kalau dibaca, memang dia bukan sahaja yang tetap, tetapi juga termasuk yang bergerak. Asalkan ia bermaksud hiburan ataupun *funfair*. Selain daripada itu juga disebut dan juga diberikan pandangan oleh Yang Berhormat Tanjong mengenai dengan *power crane* di atas bangunan komersial, bangunan projek-projek terbengkalai, di atas bangunan-bangunan lama yang dianggap..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar:..Ya, sila.

Yang Berhormat Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi saya nak tanya mengenai *funfair*. Saya tahu bahawa Akta baru ini akan merangkumi perkara-perkara sedemikian. Tetapi yang saya kawatiri ialah:-

- i) Kongres Pekerja, adalah bahawa kita kementerian tidak ada pegawai-pegawai yang berkelayakan berkenaan dengan penyiasatan yang bijak, yang bagus. Itulah yang menjadi faktornya. Yang tidak ada pegawai-pegawai yang betul-betul ada kelayakan untuk menjalankan penyiasatan?

- ii) Dikatakan juga pada masa sekarang, sebelum membawa ini baru-baru punya *item* untuk dikawalselia oleh kementerian, tak cukup pegawai sekarang? Pada masa sekarang, jadi macam mana kedua-dua perkara ini dapat diatasi?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa soalan itu langsung tidak berbangkit. Kerana kita mempunyai pegawai-pegawai yang cekap dan juga bertauliah. Sebagai contoh, kita telah menghantar beberapa orang pegawai seperti Ir. Haji Saiful Azhar Mohd. Said ke Sweden dalam bidang perkhidmatan termasuk yang dikatakan funfair. Kita juga ada hantar pegawai-pegawai kita seperti Ir. Ahmad Shahrum Yunus ke *Japan*. Kita juga hantar pegawai kita ke Kanada seperti Johari Jalil, dan banyak lagi pegawai-pegawai lain termasuk dalam *stress, violence* seperti Ir. Mokhtar, Yusri, Nasaruddin. Banyak, Ibrahim Mat bin Mat. Bukan bin Ali ya?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia pergi belajar di luar negeri?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan *ballet dancing* lah ya?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bukan. *Dancing* itu, *you* yang pergi bukan kita orang.

Yang Berhormat Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [Bangun].

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa pemeriksa-pemeriksa di dalam kementerian mempunyai kelayakan dan pengalaman dan sebagainya. Tetapi dengan *out sourcing* kepada *licensed person*, apakah kepastian mereka pun mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang-bidang yang tertentu?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, dasar kita juga menswastakan apa-apa yang diperolehi oleh kerajaan. Kerajaan tidak tamak. Kerajaan Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang adil, dan juga yang cekap, bersih dan amanah. Oleh yang demikian, *out sourcing* kepada pihak lain, swasta juga diperlukan dan sudah barang tentulah sebelum orang berlesen ini kita berikan lesen, kita berikan tauliah dan sebagainya, mereka mesti dan wajib memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu, termasuklah lulus periksa dan sebagainya. Jadi tidak ada rasa untuk kita ragu-ragukan. Saya hendak berbalik kepada Yang Berhormat Tanjong juga mengenai dengan *power crane* di atas bangunan lama ini. Saya terima baik kerana ini dianggap sebagai *time bomb*.

Ada kren-kren lama ditinggalkan tapi tidak diguna pakai. Ini satu pandangan yang saya fikir cukup menarik dan cukup baik. Rupa-rupanya pihak pembangkang ini dapat juga mencetuskan satu pandangan yang baik pada petang ini. Terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Selain daripada itu juga saya hendak sebut tentang lif-lif....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan saya mendapati prestasi Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, dan juga Jabatan Kilang dan Jentera ini begitu baik di mana tidak ada *complaint* daripada mereka yang berkenaan. Tetapi dalam pada itu pula kementerian meminda Akta ini supaya ada *outsourcing* bagi tujuan pemeriksa ataupun memeriksa kilang ini. Jadi, apakah rasionalnya Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara ini diperlukan sedangkan daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi begitu baik prestasi jabatan dan juga pemeriksa-pemeriksa ini sendiri. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beri penjelasan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang kita mempunyai pegawai-pegawai yang berkelayakan tapi saya juga perlu jelaskan bahawa di luar daripada kementerian ada juga pihak-pihak yang ingin mengambil bahagian bersama untuk membuat pemeriksaan dan sebagainya. Jadi kita tidak ketatkan dengan cara kita memberikan peluang kepada pihak-pihak yang lain. Jadi ini tidak bercanggah dengan apa yang telah saya jawab.

Tapi saya ingin tegaskan di sini bahawa Yang Berhormat bagi Tanjong ada sedikit lagi ini iaitu mengenai *liaison person* ini mestilah orang yang cukup terlatih dan pakar dalam bidang pemeriksaan, mempunyai peralatan yang cukup, mempunyai dana kewangan yang cukup dan orang yang diberi lesen itu perlu mematuhi beberapa KPI yang telah dinyatakan kepada saya tadi dan di antara KPI yang mesti dipatuhi ialah mengenai standard pemeriksaan yang akan dilakukan ke atas suatu jentera. KPI lain yang perlu dipatuhi ialah tempoh respons yang mesti dijamin oleh orang yang berlesen dalam memberi khidmat yang diperlukan oleh majikan atau jentera.

Kemudian ditanyakan juga kenapa naskhah mesti ada dalam bahasa Inggeris. Saya hendak sebutkan di sini bahawa *English text to be authorities under PU 31/1968* dengan izin, manakala *Malay text* hanyalah terjemahan oleh Jabatan Peguam Negara. Teks bahasa kebangsaan bukan perundangan di bawah Seksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Akta 32. Dan merujuk kepada Seksyen 7E (7) yang baru sekiranya sijil kelayakan tersebut diperolehi secara *fraud*, adakah ini bermakna bahawa sijil tersebut akan tetap sah. Kalau sijil perakuan ini diperolehi secara *fraud* (tipu), maka ketua pemeriksa diberi kuasa untuk membatalkan sijil serta-merta.

Jadi juga ditanya mengenai seksyen 7F(2), apakah rasional jabatan meminta bantuan dan kerjasama *liaison person*. *Liaison person*, saya hendak ulang lagi sekali mempunyai maklumat-maklumat dan rekod berkenaan dengan jentera-jentera yang diperiksa. Oleh itu, walaupun selepas lesen dibatalkan orang berlesen itu masih perlu membantu untuk memberi

maklumat-maklumat berkaitan jentera yang diperiksa supaya maklumat itu boleh diberikan pada orang berlesen yang baru yang akan dilantik sebagai pengganti.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan sedikit Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, silakan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tadi Yang Berhormat memberi penjelasan tentang KPI dan juga menjawab soalan saya mengenai *certificate of fitness* yang diperolehi melalui *fraud* atau *misrepresentation* yang sepatutnya dibatalkan tetapi dalam fasal itu ia masih menjadi *valid*. So, saya rasa dalam ucapan saya, saya rasa ini mungkin bercanggah sedikit, kalau CF itu dikeluarkan tanpa pemeriksaan melalui *fraud* atau *misrepresentation* jadi sepatutnya mungkin jentera itu tidak beroperasi dengan baik lagi dan kalau mengekalkan CF itu sebagai sah dan efektif ini akan *defied the purpose*. Jadi apakah penjelasan dari Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kadang-kadang benda yang tipu ini, benda secara rasuah ini kita tidak tahu masa diluluskan dan sebagainya. Tetapi apabila sesuatu yang tipu, yang *fraud* ini diperolehi ataupun didapati kemudiannya ataupun semasa itu, maka sebagaimana yang saya jelaskan tadi kita akan batalkan lesen itu serta-merta kerana wujudnya penipuan dalam pemberian ataupun rasuah dalam diberikan lesen tersebut. Jadi saya fikir jelas.

Saya juga hendak respons sedikit lagi sahaja iaitu mengenai dengan pandangan Yang Berhormat bagi Parit mengenai prestasi JKPP baik, tidak ada *complaint*. Saya jelaskan mengapa adakan *outsourcing*. *Outsourcing* dibuat agar pegawai boleh memberi tumpuan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti yang lain.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya fikir saya sudah menjawab keseluruhan apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berasa cukup bangga pada petang ini kerana apa yang telah ditimbulkan begitu baik sekali. Saya menghargai pandangan-pandangan yang diberikan. Saya mohon maaf pada mana-mana yang mungkin tidak terjawab pada petang ini dan akhirnya saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Fasal 12.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Pengerusi, cuma sedikit berhubung dengan Fasal 12 iaitu, "*machinery not to be manufactured, etc., without written authority.*" Saya ingin tahu sama ada orang yang *manufactured machinery* untuk eksport sama ada mereka perlu satu *written authority* yang dikeluarkan oleh ketua pemeriksa. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengenai mesin-mesin ini adakah mesin-mesin yang diimport, adakah ia juga dikawal selia oleh kementerian mengenainya dalam klausa ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Semua alat-alat jentera mesin yang hendak dipasang di kilang-kilang mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu DOSH itu sendiri. Manakala mesin ataupun jentera yang hendak dieksport ke luar negara lazimnya ia berkaitan dengan pihak MITI. Terima kasih.

Fasal-fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.01 petang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sejak diperbuatkan Akta Profesion Undang-undang dalam tahun 1976 yang akan saya rujuk sebagai Akta 166. Negara telah menyaksikan perubahan dan perkembangan kepada profesion undang-undang dan ke perguaman di sektor swasta melalui pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta 166 itu. Pindaan-pindaan yang telah dibuat masing-masing mempunyai latar belakangnya yang tersendiri dengan pertimbangan dan kewajarannya yang tidak sekali-kali merencatkan malah memperkasakan keutuhan ke perguaman sektor swasta kerana berjaya memenuhi kehendak masyarakat dan negara. Sungguh pun demikian, kerajaan sentiasa prihatin dengan perubahan semasa yang sememangnya memerlukan dibuat dari masa ke semasa. Perubahan dan ubahsuaian kepada pertimbangan dan kewajaran yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu sekali lagi kerajaan dalam kesediaannya menerima perubahan dengan sikap yang terbuka dan positif membentangkan dalam Dewan yang mulia ini cadangan pindaan kepada Akta 166. Sebahagian besar daripada pindaan ini tertumpu kepada dua perkara iaitu kehendak kuorum dalam sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia dan Bar Negeri yang dikatakan membebaskan kerana begitu sukar untuk dipatuhi. Dan tatacara pengendalian prosiding tatatertib yang dikatakan penyebab berlakunya kelewatan dalam menyelesaikan sesuatu aduan terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara. Pindaan yang lain bersifat berbangkit atau difikirkan perlu dan sesuai mengikut kehendak semasa dan kehendak keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1 ialah peruntukan permulaan.

Fasal 2 ialah pindaan kepada Seksyen 3, bertujuan antara lainnya untuk memasukkan dua tarif baru iaitu fakulti undang-undang dan menteri dan meminda tarif lembaga. Tarif fakulti undang-undang menyenaraikan Fakulti Undang-Undang yang dimaksudkan di bawah Akta 166. Tarif menteri juga bermaksud penjelasan. Fasal 3 juga membuat pindaan kepada tarif lembaga bertujuan untuk menamakan semula Lembaga Kelayakan sebagai Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan meminda nama Lembaga Kelayakan juga membabitkan pindaan kepada tajuk bahagian dua Akta 166 dan Seksyen 4. Kedua-duanya diperuntukkan dalam Fasal 3 dan 4. Antara fungsi Lembaga Kelayakan di bawah Akta 166 adalah bagi memutuskan kelayakan orang berkelayakan bagi maksud penerimaan masuk orang itu sebagai seorang peguam bela dan peguam cara. Oleh itu, adalah wajar nama lembaga itu diberikan perihalan yang sepadan dan sesuai dengan fungsinya. Berbangkit daripada perubahan nama ini, peruntukan kecualian dan peralihan dinyatakan dalam Fasal 4.

Pindaan kepada Seksyen 7 dalam Fasal 5 pula bertujuan untuk membolehkan seseorang ahli sepenuh masa, kakitangan akademik sesuatu Fakulti Undang-Undang menjadi ahli Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang dan tidak mengehadikan keahlian kepada Dekan Fakulti Undang-undang sahaja sebagaimana yang diperuntukkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 13(4) yang sedia ada menghendaki setiap pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan berkhidmat selama tujuh tahun sebelum layak dikecualikan daripada menjalani apa-apa tempoh latihan bagi membolehkan pegawai itu memfailkan petisyen untuk diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara. Pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen itu bertujuan untuk memendekkan tempoh keperluan perkhidmatan selama tujuh tahun itu kepada sekurang-kurangnya satu tahun. Rata-rata sebilangan besar pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan turut terlibat dalam amalan ke perguaman dalam tugas seharian mereka. Sama seperti mana-mana peguam bela dan peguam cara. Tempoh tujuh tahun itu dianggap terlalu panjang berbanding seseorang pelatih yang boleh mengemukakan petisyen untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara selepas hanya menjalani tempoh latihan selama 9 bulan. Oleh yang demikian,

adalah wajar seseorang pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang didapati layak dan sesuai oleh peguam negara melalui sijil yang dikeluarkan oleh beliau diberi peluang untuk turut menjadi anggota Bar Malaysia dalam tempoh yang lebih singkat.

Tuan Yang di-Pertua, selain seseorang peguam bela dan peguam cara, pegawai-pegawai tertentu boleh hadir di mahkamah sama ada bagi pihak kerajaan atau menurut undang-undang bertulis yang berhubungan dengan jawatan itu. Ini diperuntukkan dalam Seksyen 35 Akta 166. Berbangkit daripada pembuatan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, itu Akta 532 dan Pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967, Akta A 1197 terdapat perubahan gelaran jawatan pegawai-pegawai tertentu itu. Pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen 35(2) merupakan satu pindaan berbangkit bertujuan untuk menyelaraskan penggunaan gelaran jawatan pegawai daripada kedua-kedua agensi tersebut.

Selain itu, kehadiran pegawai-pegawai daripada Biro Bantuan Guaman juga kini diperuntukkan dengan nyata. Pindaan kepada subseksyen 38(1) dalam Fasal 9 bertujuan untuk mengelakkan timbul keraguan tentang keupayaan pegawai-pegawai yang saya sebut tadi untuk memulakan, hadir dalam dan menjalankan prosiding di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan 46A(1)(A) Akta 166 memperuntukkan bahawa seorang peguam bela dan peguam cara tidak layak menjadi Ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Peguam atau Ahli mana-mana Jawatankuasa Majlis Peguam atau mana-mana Jawatankuasa Peguam sekiranya dia belum cukup tujuh tahun menjadi seorang peguam bela dan peguam cara. Rasional peruntukan ini adalah supaya ahli-ahli Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam atau mana-mana Jawatankuasa kedua-kedua badan itu terdiri daripada peguam-peguam yang difikirkan cukup matang dalam menjalankan kewajipan masing-masing dan pengalaman selama tujuh tahun difikirkan perlu bagi maksud itu.

Namun begitu hakikat sekarang ialah kemampuan, pengalaman dan kematangan para peguam yang berpengalaman kurang daripada tujuh tahun untuk turut menerajui badan tertinggi dan profesion undang-undang peguam bela dan peguam cara tidaklah boleh dinafikan. Tidak boleh dan tidak wajar disekat peluang dan potensi mereka. Kerajaan mengiktiraf kebolehan peguam-peguam muda ini memimpin tanpa sebarang keraguan. Maka oleh yang demikian, kerajaan bersetuju untuk memansuhkan kehendak yang diperuntukkan dalam perenggan 46A(1)(A). Adalah menjadi harapan kerajaan bahawa peluang yang diberikan kepada para peguam muda akan digunakan dengan sebaik-baiknya dengan menitikberatkan kepentingan keperguaman dan mendukung kedaulatan undang-undang di negara kita. Janganlah hendaknya dipersia-siakan keyakinan yang diberikan oleh kerajaan untuk kepentingan peribadi walau apa jua motif atau alasannya.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 64 ialah peruntukan mengenai Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia. Mesyuarat Agung Tahunan ini merupakan mesyuarat statutory yang mesti diadakan setiap tahun.

Berhubung dengan kehendak kuorum, Mahkamah Rayuan telah memutuskan dalam kes Eward Van Buerle, iaitu rayuan civil nombor 20/02/568/2000, bahawa kuorum 1/5 daripada bilangan Ahli Bar Malaysia di bawah subseksyen 67 (1A) Akta 166 adalah juga terpakai bagi suatu Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia di bawah Seksyen 64. Keputusan Mahkamah Rayuan itu bererti kuorum yang dikehendaki ialah sekitar 2,400 orang ahli daripada bilangan ahli bar yang dianggarkan telah mencecah 12,000 orang. Tuan Yang di-Pertua, kehendak kuorum bagi Mesyuarat Agung Tahunan telah melalui beberapa perubahan. Ordinan Peguam Bela dan Peguam Cara 1947 yang telah dimansuhkan oleh Akta 166 iaitu untuk memperuntukkan dalam Seksyen 43, bahawa kuorum bagi Mesyuarat Agung Tahunan 10 orang ahli.

Peruntukan awal Seksyen 67 Akta 166 menetapkan kuorum sebanyak 50 orang. Bilangan itu walau bagaimanapun, dipinda melalui Akta A 419 yang menetapkan kuorum 1/5 dan 1/3 masing-masing bagi Bar Malaysia dan Bar Negeri berkuat kuasa pada 24/1/1978. Rasional pertambahan kuorum itu adalah bagi memastikan apa-apa keputusan atau ketetapan yang dibuat oleh Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam datang daripada hasrat dan suara yang lebih banyak. Para peguam diharapkan tampil ke hadapan hadir di Mesyuarat Agung Tahunannya supaya keputusan yang dibuat betul-betul mencerminkan hasrat para peguam dan bukannya hasrat sebilangan kecil ahlinya.

Namun begitu, kerajaan juga menyedari hakikat bahawa pematuhan kehendak kuorum itu dirasakan begitu membebankan. Untuk mendapatkan 2,400 orang ahli, bagi membentuk kuorum bukanlah satu perkara yang mudah. Kita sedia maklum bahawa isu kuorum ini juga telah menyebabkan Majlis Peguam terheret ke mahkamah. Dalam pertikaian mengenai pemegangan traju Bar Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pemantauan kuorum bagi Bar Malaysia telah juga menyebabkan Mesyuarat Agung Tahunannya gagal diadakan dan terpaksa ditangguhkan. Penangguhan dibuat dalam usaha Majlis Peguam mendapatkan cukup kuorum. Akan tetapi, penangguhan membangkitkan pula implikasi undang-undang kerana dia tiada peruntukan dalam Akta 166 yang membolehkan suatu Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia ditangguhkan. Walaupun ada diperuntukkan penangguhan bagi Mesyuarat Agung Tahunan Bar Negeri dalam Subseksyen 70(2). Keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes Badan Peguam Malaysia lawan Louis Eward Van Buerle tidak lagi membolehkan penangguhan yang pernah dibuat oleh Bar Malaysia, bagi maksud mengesahkan semua penangguhan yang telah dibuat dan segala tindakan yang telah diambil ekoran daripada penangguhan itu dicadangkan digubah peruntukan pengesahan dalam Fasal 17. Tuan Yang di-Pertua, kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia mengundang pelbagai masalah. Antaranya;

- (a) Ahli Majlis Peguam yang baru dipilih menurut Seksyen 50 tidak dapat menjalankan tugas manakala Ahli Majlis Peguam yang terdahulu pula tidak lagi dapat berfungsi kerana Seksyen 48 Akta 166 hanya membenarkan pemegangan jawatan selama setahun sahaja walaupun ahli itu layak dilantik semula. Dalam

sebarang kemungkinan Majlis Peguam terhenti, kewujudannya bagi tempoh tertentu;

- (b) jika sedemikian halnya, maka tidak akan boleh dikeluarkan sijil tahunan oleh Majlis Peguam kepada para peguam bagi membaharui sijil amalan mereka. Sekali gus menjejaskan amalan kepeguaman para peguam;
- (c) *proceeding* tatatertib juga turut terjejas kerana Pengerusi Majlis Peguam merupakan salah seorang anggota Lembaga Tatatertib dan
- (d) keanggotaan Pengerusi Majlis Peguam dan Lembaga kelayakan profesion undang-undang juga menjadi kosong.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Seksyen 64 dalam Fasal 11 bertujuan untuk membuat peruntukan yang lebih baik dan komprehensif bagi mengadakan suatu Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia. Kuorum ditetapkan dalam Subseksyen 4 yang baru sebanyak 500 orang ahli. Walaupun tampak sebagai satu pengecualian yang mendadak, tetapi masih dikira munasabah dan adil jika dibuat perbandingan dengan *Malaysian Institute Of Accountancy* yang kehendak kuorumnya ialah 100 orang ahli sahaja daripada lebih kurang 22 ribu keahlian. Penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia turut diperuntukkan dalam Subseksyen 5, jika masih tidak cukup kuorum pada mesyuarat yang ditangguhkan itu ahli yang hadir hendaklah membentuk kuorum.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 bertujuan untuk meminda Seksyen 65 Akta 166. Berhubung dengan Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia. Bagi mengelakkan berlaku kekeliruan mesyuarat yang dimaksudkan dalam Seksyen ini disebut sebagai Mesyuarat Agung Luar Biasa Bar Malaysia. Bilangan ahli yang boleh meminta diadakan mesyuarat dipinda daripada 50 orang kepada 150 orang supaya selaras dengan Mesyuarat Agung Tahunan Bar Malaysia. Kuorum bagi mesyuarat ini juga ditetapkan sebanyak 500 orang ahli. Mesyuarat akan terbubar jika tidak ada cukup kuorum dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat.

Memandangkan sudah dibuat peruntukan yang khusus tentang persoalan kuorum bagi Seksyen ini dan Seksyen 64, maka dicadangkan supaya dipotong Seksyen 67 yang merupakan peruntukan yang berkatakan kuorum mesyuarat. Pindaan kepada Seksyen 66 dalam Fasal 13, bertujuan untuk menjelaskan bahawa setiap ahli Bar Malaysia mempunyai satu undi seorang dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa. Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 70 dan 70A Akta 166 masing-masing memperkatakan Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa Bar Negeri. Peruntukan dan tata cara yang terpakai bagi Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa Bar Malaysia dan Bar Negeri sepatutnya diselaraskan supaya tidak wujud seboleh-bolehnya perbezaan antara keduanya.

Oleh yang demikian adalah dicadangkan supaya dibuat pindaan kepada Seksyen 70 dan 70A seumpama pindaan yang dibuat kepada Seksyen 64 dan 65 kecuali berhubung dengan

kuorum. Kuorum yang dicadangkan ditetapkan adalah sebanyak 5% daripada bilangan Ahli Bar Negeri. Penetapan ini difikirkan wajar dan munasabah memandangkan jumlah bilangan ahli bagi Bar Negeri yang berbeza dari negeri ke negeri tidak mungkin ditetapkan satu bilangan tertentu bagi membentuk satu kuorum. Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 36 (2) Akta 166 adalah berhubung dengan pemeliharaan kerahsiaan prosiding yang dijalankan oleh Majlis Peguam, Jawatankuasa Bar Negeri, Jawatankuasa tatatertib dan kakitangannya.

Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 12 yang meminda Subseksyen 2, bertujuan untuk turut merangkumi prosiding yang dijalankan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang. Selain itu, dicadangkan dimasukkan juga Subseksyen (3) yang peruntukan bahawa ahli-ahli kesemua NTT yang disebut dalam Subseksyen (2) dan kakitangan mereka tidak boleh dipaksa menzahirkan kepada mahkamah apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding yang dijalankan oleh mereka. Dengan ini kebebasan ahli-ahli itu bersuara tidak terkekang dan tidak dibayangi oleh kemungkinan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan untuk mengeksploitasikan apa yang disuarakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seterusnya adalah kepada Seksyen 93 hingga 111. Dalam fasal 19 hingga 39 berhubung dengan prosiding tatatertib terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara. Seksyen 93 ialah mengenai Lembaga Tatatertib. Fasal 19 bertujuan meminda keanggotaan Lembaga Tatatertib untuk membolehkan dilantik seorang Hakim Mahkamah Rayuan yang sedang berkhidmat atau yang sudah bersara untuk menjadi Pengerusi. Peruntukan sekarang hanya menyebut tentang pelantikan di kalangan Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan sahaja. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Bar Malaysia boleh diwakili oleh mana-mana Ahli Majlis Peguam dan tidak lagi hanya oleh Timbalan Yang di-Pertua sebagai anggota silih gantinya. Pelantikan, lanjutan pelantikan dan pelantikan semula 15 orang ahli pengambilan Bar Malaysia pula menghendaki rundingan dibuat dengan Majlis Peguam.

Seperkara yang perlu dijelaskan kepada Dewan yang mulai ini ialah bahawa kelayakan mana-mana orang yang dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Tatatertib tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan umurnya. Tuan Yang di-Pertua, turut diperuntukkan ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan ketidakadilan Pengerusi Lembaga Tatatertib yang disebut dalam Subseksyen (4A) dan (4B) dan kehendak supaya Pengerusi Lembaga Tatatertib dan Yang di-Pertua Bar Malaysia atau wakilnya menarik diri daripada menimbang teliti apa-apa aduan dalam hal keadaan yang disebut dalam Subseksyen (4C).

Subseksyen (4D) turut memperjelaskan bahawa perbuatan akta prosiding Lembaga Tatatertib tidaklah menjadi tidak sah jika satu-satunya alasan yang diketengahkan ialah Yang di-Pertua Bar Malaysia atau wakilnya telah mengambil bahagian dalam mana-mana penimbang telitian atau keputusan Lembaga Tatatertib dan Majlis Peguam merupakan pengadu dalam perkara itu.

Pindaan kepada subseksyen (5) menambahkan satu lagi kelayakan ke jawatan Setiausaha Lembaga Tatatertib. Pindaan kepada seksyen 94 dalam fasal 20 bertujuan untuk

memberi kuasa menghukum tambahan kepada Lembaga Tatatertib dalam bentuk pengenaan denda atau teguran atau celaan kepada seseorang peguam bela dan peguam cara yang telah didapati bersalah atas apa-apa salah laku.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 95 dalam fasal 21 adalah berbangkit daripada pemotongan seksyen 97 dalam fasal 22. Seksyen 97 memperkatakan pelantikan Panel Tribunal Penyasatan, pemotongan seksyen 97 ini bertujuan memendekkan prosiding tatatertib.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, proses tatatertib yang sedia ada melibatkan sistem dua peringkat. Laporan daripada tribunal penyiasatan yang dilantik oleh Lembaga Tatatertib akan dibawa kepada Lembaga Tatatertib yang akan merujuk pula laporan itu kepada Jawatankuasa Tatatertib jika didapati ada kes untuk dijawab. Selepas itu, Jawatankuasa Tatatertib akan mengemukakan laporannya kepada Lembaga Tatatertib. Lembaga Tatatertib kemudiannya akan membuat keputusan akhir. Sistem dua peringkat ini mengambil masa yang panjang untuk membereskan sesuatu prosiding tatatertib. Selain itu, wujud pertindihan fungsi yang ketara antara Tribunal Penyasatan dan Jawatankuasa Tatatertib.

Berdasarkan keanggotaan Bar Malaysia sebanyak 12,000 orang, adalah munasabahnya dipercayai bahawa bilangan aduan akan terus meningkat dan timbul keperluan yang mendesak untuk menyelesaikan mana-mana aduan dengan segera. Pemberhentian fungsi Tribunal Penyasatan akan membuka laluan bagi pelaksanaan sistem satu peringkat dalam penyiasatan salah laku tatatertib kerana penyiasatan akan dijalankan oleh Jawatankuasa Tatatertib sahaja.

Garis panduan dan tatacara penyiasatan bagi Jawatankuasa Tatatertib diperuntukkan dalam seksyen 103B dalam fasal 30. Penubuhan sistem ini diyakini akan mempercepatkan penyelesaian sesuatu aduan tanpa mempertaruhkan atau menjejaskan keadilan kepada mana-mana pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang penting kepada seksyen 98 dalam fasal 23 bertujuan untuk menambahkan satu lagi kelayakan untuk menyandang jawatan Pengarah Urus Setia Aduan. Pindaan kepada seksyen 99 dalam fasal 24 pula akan membolehkan Mahkamah Perindustrian dan Mahkamah Syariah merujuk kepada Lembaga Tatatertib apa-apa aduan terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara atau seseorang pelatih. Ia juga memperkatakan aduan terhadap firma guaman. Sesuatu aduan hendaklah disifatkan sebagai aduan kepada pemilik tunggal atau rakan kongsi sesuatu firma guaman melainkan jika firma guaman itu dapat mengenal pasti identiti peguam bela dan peguam cara yang terhadapnya aduan itu berbangkit. Dalam hal yang demikian, nama firma guaman itu akan digantikan dengan nama peguam bela dan peguam cara.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 25 bertujuan untuk menggantikan seksyen 100 yang memperkatakan peranan dan kuasa Lembaga Tatatertib mengendalikan sesuatu aduan terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara. Lembaga Tatatertib diberi kuasa dalam subseksyen (1) untuk terus menolak sesuatu aduan jika didapatinya aduan itu terlalu remeh. Jika Lembaga Tatatertib mendapati ada merit dalam sesuatu permohonan atau aduan, seorang peguam bela

dan peguam cara akan diminta untuk memberikan penjelasan bertulisnya. Subseksyen (2) dan subseksyen (3) masing-masing memperkatakan tatacara yang hendaklah diikuti oleh Lembaga Tatatertib jika tiada penjelasan bertulis diterima dan jika penjelasan bertulis diterima.

Dalam kedua-dua keadaan, Lembaga Tatatertib hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib jika didapati penyiasatan formal perlu dibuat atau mempertimbangkan sendiri merit kes itu jika penyiasatan formal didapati tidak perlu. Jika Lembaga Tatatertib berpuas hati di peringkat ini, bahawa sesuatu aduan itu tidak bermerit, maka subseksyen (5) membolehkan Lembaga Tatatertib menolak aduan itu. Jika Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa terdapat merit dalam sesuatu permohonan atau aduan dan wujud hal keadaan yang diperihalkan dalamnya, subseksyen (6) membolehkan Lembaga Tatatertib mengenakan penalti yang diperuntukkan dalam subseksyen (8).

Jika denda yang dikenakan, seksyen baru 103 memperuntukkan bahawa denda itu hendaklah dibayar dalam masa satu bulan dari tarikh perintah itu dibuat. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan seseorang peguam bela dan peguam cara digantung daripada menjalankan amalannya atau sijil tahunan tidak dikeluarkan kepadanya. Subseksyen (9) dengan jelas memperuntukkan bahawa pengenaan hukuman tidaklah menghalang Lembaga Tatatertib daripada membuat satu perintah restitusi apa-apa jumlah wang yang didapati kena dibayar dan terhutang kepada pengadu.

Jumlah wang itu merupakan suatu hutang sivil menurut subseksyen (10). Subseksyen (12) pula mewujudkan kesalahan dan penalti atas keengganan atau kegagalan mengemukakan dokumen atau memberikan maklumat di bawah subseksyen (4).

Tuan Yang di-Pertua, fasal 26 dan 27 masing-masing memotong seksyen 101 dan 102. Berbangkit daripada cadangan untuk memansuhkan fungsi Tribunal Penyiasatan dengan fungsi penyiasatan diambil oleh Jawatankuasa Tatatertib yang dilantik di bawah seksyen 103A yang baru. Semuanya ke arah mewujudkan sistem satu peringkat dalam penyiasatan sesuatu aduan. Penyiasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib diperuntukkan dalam subseksyen 103B yang baru. Dapatan Jawatankuasa Tatatertib yang dikemukakan kepada Lembaga Tatatertib diperuntukkan dalam seksyen 103C yang baru, manakala seksyen 103D yang baru membolehkan Lembaga Tatatertib mengesahkan atau menolak syor atau dapatan Jawatankuasa Tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 33 yang menggantikan seksyen 103E memperuntukkan tentang hak merayu terhadap keputusan atau perintah Lembaga Tatatertib yang dicadangkan, dihadkan hanya kepada yang dibuat menurut seksyen 100(5) (8) atau (9) atau seksyen 103D dan tidak terhadap apa-apa keputusan atau perintah yang lain. Dicapangkan juga diperuntukkan bahawa semakan kehakiman tidak boleh dibuat terhadap mana-mana keputusan atau perintah Lembaga Tatatertib. Peruntukan sedemikian difikirkan perlu untuk memastikan prosiding tatatertib berjalan lancar dan cepat dan tidak terdapat ruang yang boleh membawa kepada penyalahgunaan proses kehakiman.

Seperkara lagi yang ingin saya maklumkan secara khusus kepada Dewan yang mulia ini ialah sesuatu rayuan akan didengar di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi sahaja, bukannya tiga sebagaimana yang diperuntukkan sekarang. Rayuan seterusnya akan melalui proses rayuan di Mahkamah Rayuan dan kemudiannya di Mahkamah Persekutuan. Bukannya terus kepada Mahkamah Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau tidak ada kacau “hantu” sebelah sana. Ini dengan jelas dan nyata.....

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak dibenarkan kacau.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: menunjukkan keprihatinan kerajaan yang memerintah untuk memastikan bahawa pengadu atau seseorang peguam bela dan peguam cara yang terhadapnya. Suatu aduan telah dibuat, diberi peluang untuk mendapatkan keadilan atau *remedy*, dengan seluas-luasnya, dengan diizinkan melalui semua peringkat sistem kehakiman yang wujud di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 103G yang memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan dicadangkan dipotong melalui fasal 34 kerana seksyen itu sudah menjadi tidak berkaitan lagi. Peruntukan kecualian dan peralihan mengenai prosiding tatatertib di hadapan Lembaga Tatatertib dan rayuan tatatertib yang belum selesai sebelum permulaan kuat kuasa, akta yang dicadangkan ini diperuntukkan dalam fasal 35.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 108, 109 dan 110, masing-masing dalam Fasal 36, 37 dan 38 merupakan pindaan berbangkit ekoran daripada pemansuhan fungsi tribunal penyiasatan.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang pindaan kepada Seksyen 111 dalam Fasal 39, yang bertujuan untuk memanjangkan perlindungan daripada apa-apa tindakan atau prosiding mahkamah kepada Jawatankuasa BAR Negeri dan kepada Lembaga Tatatertib bagi pengumuman atau penyiaran apa-apa keputusan yang dibuat olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin bahawa pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini sememangnya sudah lama ditunggu-tunggu oleh Majlis Peguam, Jawatankuasa BAR Negeri, Lembaga Tatatertib dan golongan peguam yang belum menjangkau tujuh tahun tempoh amalannya bagi maksud masing-masing sebagaimana yang telah saya huraikan sebentar tadi khususnya dan kepada semua ahli BAR Malaysia dan BAR Negeri dan orang awam amnya. Kerajaan yakin pindaan yang dicadangkan akan dapat mengatasi segala kesulitan yang dihadapi oleh BAR Malaysia, BAR Negeri, Majlis Peguam, Jawatankuasa BAR

Negeri dan Lembaga Tatatertib dalam masing-masing mengendalikan urusan dan kewajiban yang dipertanggungjawabkan ke atasnya oleh Akta 166 dengan berkesan.

Pembentangan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini membawa bersamanya satu harapan yang tinggi supaya hendaknya akan meningkat lagi integriti, kewibawaan dan keprofesionalan profesion undang-undang agar kekal disegani dan disanjung tinggi oleh semua pihak di negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan boleh kita adakan pada minggu depan kerana sekarang ada ucapan penangguhan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada usul?

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

5.32 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KETELUSAN PEMBERIAN BIASISWA JPA

5.34 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setiap tahun selepas keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diikuti dengan aduan berkenaan ketidaktelusan pemberian biasiswa kepada pelajar yang mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang. Kementerian menyatakan bahawa JPA menawarkan 1,300 biasiswa untuk belajar di luar negeri dan 5,000 di dalam negeri.

Keputusan SPM bagi tahun lalu, seramai 945 pelajar mencapai keputusan yang cemerlang itu kesemuanya subjek adalah A. JPA menyatakan pemberian biasiswa adalah berdasarkan 65% gred, 10% kurikulum, 10% pendapatan dan 15% temu duga. Ada di kalangan pelajar cemerlang ini gagal ditawarkan biasiswa walaupun mereka layak jika mengikuti syarat-syarat JPA ini. Malahan ada di kalangannya tidak langsung dipanggil untuk temu duga.

Seorang pelajar telah menulis kepada Utusan Malaysia dan meluahkan kekecewaannya terhadap kegagalannya mendapat biasiswa walaupun memenuhi kriteria JPA ini. Menurut pelajar ini, kad pengenalan 881122-08-6774 dari Taiping yang mencapai 10A1, pendapatan ibu bapanya adalah lebih kurang RM5,000, aktif di sekolah termasuk merupakan seorang ketua pengawas sekolah. Boleh rujuk Utusan Malaysia untuk senarai aktivitiinya. Beliau yakin dengan kemampuannya semasa temu duga.

Pelajar bernama Yo Chin Hooi pula mencapai keputusan 17A. Bapanya adalah seorang pemandu lori dan pekerja kilang. Impiannya adalah untuk menjadi doktor tetapi juga gagal diberi biasiswa JPA.

Pelajar bernama Loke Tzi Yong pula memperoleh 11 A1 tetapi langsung tidak dipanggil untuk temu duga. Pelajar ini merayu tetapi rayuannya telah ditolak di atas alasan persaingan hebat. Inilah Barisan Nasional boleh!

Ketidaktelusan di dalam pemberian biasiswa adalah terbukti di mana bagaimanakah pelajar cemerlang ini langsung tidak disenaraikan untuk temu duga walaupun beroleh keputusan yang cemerlang. Kementerian kemungkinan akan menjawab bahawa keputusan peperiksaan yang cemerlang bukan satu jaminan kepada penerimaan biasiswa. Persoalan yang timbul di sini, bukankah Teras Kedua Rancangan Malaysia Kesembilan adalah meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama dan penekanannya adalah di atas pembangunan modal insan. Jika kerajaan tidak menawarkan biasiswa kepada pelajar cemerlang ini, mereka akan diambil oleh universiti luar negeri dan pelajar cemerlang ini akan ditarik keluar negeri walaupun kita telah memberikan pendidikan selama lebih 11 tahun kepada mereka. Apakah ini bukan satu kerugian kepada masyarakat dan negara?

Bagaimanakah kempen menggalakkan kepulungan profesional ini dan mengelak berlakunya *brain drain*, dengan izin akan berjaya jika di peringkat ini mereka tidak diberi biasiswa untuk melanjutkan pendidikan agar mereka dapat dikekalkan untuk berkhidmat untuk negara di masa hadapan. Ketidaktelusan akan menimbulkan perasaan kecewa, tidak puas hati, perasaan tidak adil, didiskriminasikan dan semangat dengan izin, *sense of belonging to the country* akan terhakis. Apakah pihak kementerian tidak boleh memberi biasiswa kepada kesemua pelajar cemerlang yang mencapai keputusan semua A dan pada masa yang sama menambahkan lagi 260 biasiswa bagi mereka yang layak tetapi tidak mampu.

Jika demikian, berapakah keseluruhan peruntukan yang diperlukan untuk penambahan biasiswa ini? Sila berikan maklumat pelajar yang ditawarkan biasiswa untuk keluar negeri dan

dalam negeri mengikut kaum dan keputusan peperiksaannya berapa A serta kursusnya bagi tahun ini. Sistem pemberian biasiswa JPA ini patut dikaji semula.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menyiarkan maklumat awal melalui laman webnya berkenaan Program Ijazah Luar Negara sebelum iklan rasmi penajaan dikeluarkan. Melalui makluman awal tersebut, segala maklumat berkenaan penajaan dan syarat-syarat yang ditetapkan telah dinyatakan dengan jelas untuk pengetahuan calon supaya calon dapat membuat pemilihan secara bijaksana.

Bagi penawaran tahun 2006, JPA menerima sebanyak 15,357 permohonan untuk Program Ijazah Luar Negara daripada calon-calon lepasan SPM tahun 2005. Daripada jumlah permohonan tersebut, seramai 5,935 orang calon telah dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga. Sehingga tarikh tutup rayuan Jabatan Perkhidmatan Awam telah menawarkan biasiswa kepada 1,500 orang calon yang terdiri daripada 1,143 orang calon bumiputera dan 357 orang calon bukan bumiputera.

Kriteria yang digunakan dalam mempertimbangkan permohonan calon adalah berdasarkan kecemerlangan akademik sebanyak 65% penglibatan dalam kokurikulum 10%, sosioekonomi dan latar belakang keluarga 10% serta prestasi semasa temu duga 15%. Oleh itu kecemerlangan akademik sahaja tidak menjamin seseorang calon itu akan diberi biasiswa. Pemilihan calon juga bergantung pada kesesuaian bidang yang mereka pilih dengan kombinasi mata pelajaran yang ditetapkan. Adalah penting untuk calon-calon memohon dalam bidang-bidang yang mereka berkecualan seperti mana yang diiklankan. Permohonan calon akan ditolak sekiranya bidang yang dipilih tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Contohnya, bagi memilih program perakaunan syarat mata pelajaran yang ditetapkan ialah calon mestilah mengambil mata pelajaran Prinsip Akaun dalam peperiksaan SPM. Sekiranya calon memohon program perakaunan tanpa mengambil mata pelajaran Prinsip Akaun, maka permohonannya tidak akan dipertimbangkan. Jika seseorang calon memohon untuk bidang yang kompetitif seperti perubatan, persaingan antara calon-calon yang memohon adalah agak tinggi.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon persoalan yang saya bangkitkan untuk dijawab. Kalau jawapan macam itu saya pun boleh tahu dan jawab...[Sambil menunjukkan kepada Dewan] Jika seseorang calon memohon untuk bidang yang kompetitif seperti perubatan persaingan antara calon-calon yang memohon adalah agak tinggi. Memandangkan tempat pengajian yang disediakan . Saya tanya dengan spesifik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.....jangan gaduh!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini jawapan sudah ada dan jangan ulangi apa yang saya bangkit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Biar Menteri jawab. Yang Berhormat, Yang Berhormat , belum habis, Menteri belum habis.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kriteria-kriteria, *straight to my question..*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini *word by word...*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Yes, word for word.....ini word for word*, tidak ada buat kerja rumah langsung. *What about...* mengapa pelajar yang saya namakan tidak dapat biasiswa, mengapa tidak boleh tambah lagi RM260? Berapa peruntukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah habis tadi, cukuplah cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Don't waste time...*, jawab ada 7 setengah minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini apa semua ini? *The answer is alreday there?*
Apa ini?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ini pun satu hantu juga Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon tarik balik, sebagai seorang Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Itu pun silap.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *You must..., be a Parliamentarian*, guna kata-kata....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Mana tahu... saya bukan Menteri Pengajian Tinggi.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hanya beri teguran....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu rupa bercakap macam itu, sila beri jawapan yang tepat dan benar.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya, saya jawab tetapi jangan bangun macam itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh jawab, jangan ganggu. Cukup, cukup.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Memandangkan tempat pengajian yang disediakan adalah terhad. Oleh yang demikian, dalam bidang-bidang yang kompetitif ada kemungkinan pelajar yang memperoleh gred yang tinggi, ...itulah saya kata dengar dahulu...Yang tinggi tidak dapat ditawarkan biasiswa. Manakala dalam bidang yang kurang kompetitif seperti sains sosial, peluang untuk ditawarkan biasiswa adalah lebih cerah.

Berhubung kes Anita Mary a/p Fathyrosary Rajan, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu kad pengenalanya ialah 881122086774, calon telah memohon penajaan di

bawah Program Ijazah Luar Negara 2006 dalam bidang Kejuruteraan. Calon telah dipanggil dan menghadiri temu duga pada 7 April 2006 di Shah Alam. Walau bagaimanapun calon tidak ditawarkan biasiswa kerana markah keseluruhan calon adalah lebih rendah berbanding dengan calon-calon lain yang memohon bidang yang sama.

Calon telah mengemukakan rayuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan bersetuju menerima apa sahaja kursus yang ditawarkan. Jabatan Perkhidmatan Awam telah mempertimbangkan rayuan calon dan menawarkan biasiswa di dalam bidang Pergigian. Calon ditawarkan bidang Pergigian memandangkan terdapat kekosongan kerana terdapat calon lain yang menolak tawaran. Di samping itu negara memang memerlukan lebih ramai Doktor Gigi dan calon juga telah menyatakan untuk menerima apa sahaja bidang yang akan ditawarkan. Kini calon tersebut telah mengemukakan rayuan sekali lagi untuk menukar bidang daripada Pergigian kepada Kejuruteraan. Keputusan rayuan semula ini belum diputuskan kerana calon telah mengemukakan bidang yang lain pula.

Bagi kes Yeo Chin Hooi, kad pengenalan bernombor 880621105461, calon telah memohon penajaan di bawah Program Ijazah Luar Negara 2006 dalam bidang Perubatan. Calon telah dipanggil dan menghadiri temu duga pada 7 April 2006 di Shah Alam. Walau bagaimana pun calon tidak ditawarkan biasiswa kerana markah keseluruhan calon adalah lebih rendah berbanding dengan calon-calon lain yang memohon bidang yang sama. Calon telah mengemukakan rayuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan menyatakan bahawa calon berasal dari keluarga miskin dan memerlukan biasiswa untuk meringankan beban keluarga. Jabatan Perkhidmatan Awam telah mempertimbangkan rayuan calon dan menawarkan biasiswa di dalam bidang Perubatan. Calon telah ditawarkan bidang Perubatan memandangkan terdapat kekosongan kerana terdapat calon lain yang menolak tawaran di samping keperluan negara terhadap lebih ramai Doktor Perubatan.

Bagi kes Loke Tzi Yong, 881020055299 pula calon telah memohon penajaan di bawah Program Ijazah Luar Negara 2006 dalam bidang Perakaunan, calon tidak dipanggil untuk menghadiri temu duga. Ini tidak dipanggil temu duga kerana kursus yang dipohon tidak menepati kombinasi mata pelajaran yang ditetapkan. Seperti mana yang dinyatakan di dalam iklan, kombinasi mata pelajaran yang telah ditetapkan untuk kursus Perakaunan ialah sekurang-kurangnya Gred 2A di dalam 8 mata pelajaran berikut; Bahasa Melayu, Sejarah, Pendidikan Islam atau Moral, Matematik, Matematik Tambahan atau Sains, Prinsip Perakaunan, Bahasa Inggeris dan Ekonomi Asas atau Perdagangan atau Pengajian Keusahawanan. Calon tidak memenuhi syarat-syarat permohonan kerana tidak mempunyai salah satu mata pelajaran yang telah ditetapkan iaitu Ekonomi Asas atau Perdagangan atau Pengajian Keusahawanan. Oleh yang demikian, permohonan calon tidak dapat dipertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perlu ringkaskan, masa.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Baik, walau bagaimanapun, bagi calon-calon yang tidak berjaya ditawarkan untuk biasiswa luar negara, mereka masih berpeluang untuk memohon tajaan sekiranya melanjutkan pelajaran di dalam negara. Jabatan Perkhidmatan Awam menawarkan sebanyak 5, 000 biasiswa untuk pengajian di institusi pengajian tinggi awam tempatan dan tiga institusi pengajian tinggi swasta iaitu Universiti Tenaga Nasional, Institusi Teknologi Petronas dan Universiti Multimedia.

Bagi penawaran tahun 2006, calon-calon yang berkelayakan boleh lagi memohon sehingga 9 hari bulan Julai yang akan datang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk ke luar negara bagi tahun 2006, mengikut jurusan dan kaum adalah seperti berikut: bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi, jumlah keseluruhan 820, bilangan bukan bumiputera 190, bilangan bumiputera 630. Untuk jurusan Kejuruteraan, bilangan keseluruhan 420, bilangan bukan bumiputera; 94, bilangan bumiputera; 326. Bagi Sains dan Teknologi, keseluruhannya ialah 160, iaitu 47 bumiputera, 113 'bumiputera', minta maaf, 47 bilangan bukan bumiputera

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya pohon ialah pecahan mengikut kaum bukan mengikut status bumiputera atau bukan bumiputera.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat harap, harap bersabar, jangan ganggu, jangan ganggu.....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ini bilangan bukan bumiputera dan bumiputera

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya minta mengikut kaum, bukan bumiputera dan bukan bumiputera dan saya mahu tanya kerana kaum bumiputera termasuk Kadazan, Iban, Dayak, India.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah cukup, cukup...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Jadi jumlah keseluruhan, ya...bilangan bumiputera 1,143, sementara bilangan bukan bumiputera 357. Jumlah keseluruhan.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, ini *official secret act* kah?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:1, 500!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong baca Peraturan Mesyuarat, tak boleh ganggu...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon mengikut kaum....saya tahu tetapi dia kena jawab mengikut apa yang kita bangkit.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab penajaan Program Ijazah Luar Negara telah dikendalikan dengan telus dan teratur dengan kriteria-kriteria yang jelas, kerajaan berpendapat tiada keperluan untuk mengkaji semula sistem pemberian biasiswa di Jabatan Perkhidmatan Awam dan akan mengekalkan seperti mana yang ada sekarang. Sekian, terima kasih.

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK DAN KEKURANGAN BEKALAN AIR DI SANDAKAN

5.49 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang lebar tetapi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ikut teks!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab dia sokong Barisan Nasional.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Hanya ingin meminta tindakan dilaksanakan serta-merta untuk menyelesaikan masalah gangguan bekalan elektrik dan kekurangan bekalan air di Sandakan.

Air dan elektrik adalah keperluan asas bagi kehidupan manusia. Di dunia moden ini tanpa bekalan kedua-dua keperluan asas ini yang mencukupi, pembangunan ekonomi akan terjejas dan kehidupan rakyat jelata setempat pun mengalami ketidakselesaan yang amat sangat. Kilang-kilang tidak dapat menjalankan proses kerja dengan lancar mengakibatkan bahan mentah seperti produk laut menjadi busuk dan seterusnya menanggung kerugian yang tidak terkira.

Rekod yang pernah tercatat di Sandakan ialah selepas letupan pencawang di Taman Chun Yen Sandakan pada Julai 2005 di mana Kawasan Perindustrian Ringan Sedco telah mengalami bekalan elektrik terputus selama sembilan hari berturut-turut. Kilang-kilang memproses makanan laut telah menanggung kerugian yang begitu besar. Rakyat jelata di kawasan kediaman pun selalu menghadapi masalah gangguan bekalan elektrik yang serius. Peralatan elektrik rumah rosak disebabkan bekalan elektrik yang tidak stabil.

Tambahan pula suasana panas dan gelap tanpa bekalan elektrik mengakibatkan murid sekolah tidak dapat mengulang kaji pelajaran dan membuat kerja rumah mereka dan budak-budak kecil pun tidak dapat tidur dengan baik.

Walaupun beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan untuk menaik taraf kemudahan bekalan tetapi masalah-masalah masih berlarutan dalam tempoh masa dua tahun kebelakangan ini, rakyat Sandakan mengadu keadaan masalah ini telah merosot baru-baru ini.

Langkah-langkah seperti kerja pemasangan grid Timur Barat dan juga penjana kuasa sebanyak 170 megawatt di Kota Kinabalu dijangkakan hanya dapat memenuhi kehendak dalam dua, tiga tahun yang akan datang. Sekiranya cadangan memasang sebuah penjana kuasa 300 megawatt di Kota Kinabalu dan yang lain 300 megawatt di Lahad Datu tidak dapat dilaksanakan sekarang tentunya rakyat Sandakan dan juga mereka di bahagian Pantai timur Sabah akan menghadapi krisis tenaga lagi. Untuk meringankan kesan negatif kekurangan bekalan air dan elektrik, pihak kementerian mesti mengambil tindakan segera sebagai pelan jangka masa pendek untuk mengurus pembahagian kedua-dua keperluan asas ini supaya gangguan yang berlaku

akan dikurangkan ke satu tahap yang membawa ketidakselesaian atau pun kerugian yang minimum.

Rakyat di Sandakan bukan hanya mahu dengar penjelasan ataupun pengumuman kerja menaik taraf sahaja tetapi mereka mahu lihat masalah-masalah ini benar-benar dapat diselesaikan secepat mungkin. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah dijelaskan dalam sesi Parlimen yang lalu, kerajaan memang sedar akan masalah gangguan bekalan elektrik dan air yang sering kali terjadi di Sabah khususnya di kawasan Sandakan. Saya juga telah memaklumkan bahawa kerajaan sedang mengambil pelbagai langkah bagi menangani kedua-dua isu tersebut.

Saya percaya langkah-langkah jangka pendek yang telah diambil sedikit sebanyak telah dapat mengurangkan gangguan bekalan elektrik dan air. Walau bagaimanapun, bagi menangani isu-isu tersebut, secara lebih berkesan langkah-langkah yang lebih komprehensif yang memerlukan tempoh yang lebih panjang perlu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan mengenai masalah gangguan bekalan elektrik, saya ingin menekankan bahawa kerajaan sentiasa memastikan agar pihak SESB berusaha untuk mempertingkatkan daya harap dan memperkukuhkan bekalan elektrik di seluruh Sabah termasuk di Sandakan. Tindakan SESB menghantar stesen jana kuasa terapung SESB berkapasiti 40 megawatt iaitu *batch* jana kuasa gantian ke Sandakan untuk menampung kekurangan kapasiti penjanaan jelas menunjukkan bahawa SESB peka akan keperluan para penduduk di Pantai Timur Sabah khususnya di Sandakan. *Batch* ini telah mula beroperasi pada 18 Januari 2006 dan telah dapat mengurangkan gangguan atau catuan bekalan elektrik yang disebabkan masalah kekurangan kapasiti penjanaan di Pantai Timur.

Saya difahamkan bahawa gangguan bekalan elektrik telah meningkat pada bulan April dan Mei baru-baru ini yang berpunca daripada sistem sedia ada yang masih belum stabil. Keadaan ini sememangnya tidak dapat dielakkan sehinggalah langkah-langkah jangka panjang yang telah dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya. Langkah-langkah tersebut membabitkan pelaksanaan projek-projek seperti berikut

- (a) Projek Penambahan Kapasiti Melalui Pembinaan Stesen Jana Kuasa oleh tiga buah penjana tenaga bebas atau *Independent Power Producer* (IPP) iaitu:
 - (i) IPP *Sepangar Bay Power Corporation* dengan kapasiti penjanaan sebanyak 100 megawatt;
 - (ii) IPP *Powertron Sdn. Bhd.* dengan tambahan kapasiti 70 megawatt daripada 120 megawatt kepada 190 megawatt; dan

- (iii) IPP *Ranhill Power Ventures* dengan kapasiti penjanaan sebanyak 190 megawatt.

Ketiga-tiga projek jana kuasa ini akan disiapkan masing-masing pada tahun 2006, 2007 dan 2008. Pembinaan sebuah stesen jana kuasa baru berasaskan arang batu di Pantai Timur dengan kapasiti penjanaan sebanyak 300 megawatt. Pembinaan satu rangkaian grid yang menghubungkan pusat-pusat bekalan di seluruh negeri Sabah yang dinamakan sebagai Sistem Grid Sabah. Sistem Grid ini terdiri daripada satu Grid Pantai Timur Sabah dari Tawau ke Sandakan. Grid ini telah dimulakan tugas pada 7 Mac 2004. Kedua, grid utara Sabah dari Kota Kinabalu ke Kota Belud dan Kudat. Grid ini telah dimulakan tugas pada 26 Februari 2005 dan ketiga, Grid sementara Timur Barat Sabah dari Kota Kinabalu ke Sandakan.

Projek ini sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2006. Grid ini dijangka dapat menampung kekurangan kapasiti penjanaan di Pantai Timur melalui penyaluran daripada sistem penjanaan di Pantai Barat yang lebih cekap. Pelaksanaan projek-projek tersebut yang dijangka mengambil masa tiga hingga lima tahun akan membolehkan pengguna-pengguna di Sabah menikmati bekalan elektrik yang mencukupi, berdaya harap dan berterusan sebagaimana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan mengenai masalah bekalan air saya ingin memaklumkan bahawa bagi tahun 2005, jumlah permintaan bekalan air bagi negeri Sabah adalah 914.94 juta liter sehari berbanding dengan jumlah pengeluaran air hanya sebanyak 761 jlh. Pada kadar kekurangan bekalan sebanyak 20% dan ditambah lagi dengan masalah kehilangan kadar air tidak terhasil, NRW yang tinggi iaitu pada tahap 55%, negeri Sabah sering mengalami gangguan bekalan air. Masalah ini menjadi lebih meruncing apabila berlaku kebocoran paip, kegiatan penyambungan haram yang tidak terkawal, paip pecah dan juga masalah-masalah yang berlaku di loji-loji rawatan air.

Sebagai langkah jangka panjang untuk mengurangkan gangguan bekalan air siling peruntukan berjumlah RM1.3 billion telah diluluskan untuk bekalan air negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan. Sebanyak RM1.161 *billion* telah diluluskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua minit lagi...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: untuk pelaksanaan lapan projek sambungan manakala RM152 juta lagi diluluskan untuk pelaksanaan enam projek baru.

Sasaran peratusan liputan bekalan air di Sabah pada akhir Rancangan Malaysia ke Sembilan iaitu 81% berbanding sasaran purata liputan nasional iaitu 96.8%.

Tuan Yang di-Pertua bagi kawasan Sandakan yang meliputi kawasan seluas 2,266 kilometer persegi dengan jumlah penduduk dianggarkan seramai 430,000 orang pula, kekurangan bekalan air telah menjangkau sebanyak 40.8%. Ini disebabkan kadar pertumbuhan penduduk serta perkembangan pembangunan ekonomi dan infrastruktur yang kian meningkat

mengakibatkan kapasiti pengeluaran air yang sedia ada yang sudah mencapai tahap maksimum iaitu sebanyak 82.5 juta jlh. tidak dapat menampung keperluan yang kini menjangkau 1.39 jlh.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kawasan Sandakan telah diberi peruntukkan siling berjumlah RM390.34 juta untuk Projek Bekalan Air Sandakan Fasa 2. Projek ini di dalam peringkat penyediaan reka bentuk serta skop kerja dan akan dimulakan sebaik sahaja projek tersebut selesai dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga masalah bekalan elektrik, masalah bekalan air juga memerlukan penyelesaian jangka panjang untuk memastikan keberkesanannya. Kerajaan akan melaksanakan skim sambungan bekalan air Sandakan Peringkat Kedua yang dianggarkan menelan kos lebih kurang RM500 juta sebagai salah satu daripada langkah jangka panjang bagi menyelesaikan masalah gangguan bekalan air di Sandakan.

Sementara menunggu siapnya pelan penyelesaian jangka panjang, beberapa langkah jangka pendek juga sedang dan telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM536.44 juta telah diperuntukkan melalui pinjaman Persekutuan untuk melaksanakan projek-projek seperti berikut:

- (i) Projek pembangunan bekalan air di daerah Sandakan iaitu Program Pengurangan Air Tidak Terhasil dengan kos RM 35 juta;
- (ii) Projek Air Kecemasan Sandakan dengan kos RM 26 juta;
- (iii) Bekalan Air Serta Merta di Sandakan sebanyak RM 8.5 juta;
- (iv) *Emergency Water Supply Scheme for 'Gamgam'*, dengan izin Sandakan sebanyak RM 19.13 juta; dan
- (v) *Emergency Water Supply Skim for Sandakan stage one* dengan izin, sebanyak RM13.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menekankan bahawa langkah-langkah yang diambil belum lagi menampakkan kesan sepenuhnya memandangkan hanya satu daripada lima projek sahaja yang telah siap sepenuhnya iaitu Projek Pembangunan Bekalan Air di daerah Sandakan yang bernilai RM35 juta. Projek-projek lain masih lagi di dalam peringkat pembinaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Masalah bekalan air dijangkakan berkurangan dan perkhidmatan bekalan air akan dapat dipertingkatkan secara berperingkat-peringkat dengan siapnya projek-projek tersebut di penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 10 pagi hari Isnin minggu depan.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang]